

RIHLATUS SĪRĀFĪ

CATATAN PENGEMBARAAN DI ALAM
MELAYU, CHINA, INDIA DAN AFRIKA



SULAIMAN AT-TAJIR
ABU ZAID AS-SIRAFI

PENTERJEMAH
ARSYAD MOKHTAR



RIHLATUS SĪRĀFĪ

Buku digital ini dihadiahkan oleh Baytul Hikma dan Arsyad Mokhtar khusus untuk seluruh umat manusia. Semoga ia bermanfaat untuk dunia dan akhirat.

Demi meneruskan kelangsungan Baytul Hikma dalam menyebarkan ilmu kepada seluruh umat manusia, kami amat mengalu-alukan sebarang sokongan ekonomi kepada Baytul Hikma.

Sebarang sokongan ekonomi boleh disalurkan ke akaun berikut. Terima kasih.



Maybank

BAYTUL HIKMA

557410518651



BAYTUL
HIKMA

*Cetakan Keenam, 2020
(Edisi Kemas Kini & Berwarna)*

RIHLATUS SĪRĀFĪ

CATATAN PENGEMBARAAN DI ALAM
MELAYU, CHINA, INDIA DAN AFRIKA

SULAIMAN AT-TAJIR
ABU ZAID AS-SIRAFI

PENTERJEMAH

ARSYAD MOKHTAR



BAYTUL HIKMA

Pulau Pinang

2020

RIHLATUS SIRAFI
© ARSYAD MOKHTAR

Cetakan Pertama, 2017
Cetakan Kelima, 2018
Cetakan Keenam, 2020

Hakcipta Terpelihara

*Tidak dibenarkan mengeluarkan
mana-mana bahagian buku ini dalam apa-apa
bentuk melalui apa-apa cara sekalipun, melainkan
setelah mendapat keizinan bertulis secara rasmi
daripada Baytul Hikma.*

ISBN : 978-967-2091-10-3

Diterbitkan Oleh



BAYTUL HIKMA

(PG0378209-M)

Pulau Pinang, Malaysia

www.baytulhikma.my

baytulhikmaresources@gmail.com

www.facebook.com/BaytulHikmaMalaysia

+6013-2181421

KANDUNGAN

Pengantar Penterjemah Edisi Pdf Percuma	1
Pengantar Penterjemah	3
Muqaddimah Naskhah Maktabah Asy-Syamilah	6
Muqaddimah Naskhah Asy-Syaruni	21
Muqaddimah Naskhah Dr. Saif	56
KITAB PERTAMA	69
• Bab Mengenai Laut Di Antara Negara Hind Dan Sindh Ghuz Dan Maghuz, Gunung Qaf, Negeri Sarandib Dan Fath Abu Hubaisy	69
• Wal Dan Lusyk	71
• Laut Harakand	72
• Gunung Di Pulau Sarandib Tempat Di Mana Nabi Adam Diturunkan	74
• Tengkorak Kepala Untuk Mendapatkan Isteri	75
• Pulau-Pulau Orang Tidak Berpakaian	77
• Pemakan Daging Manusia	77
• Bukit Perak	78
• Ribut Laut	79
• [Kekurangan Barang Dagangan]	81
• Seorang Muslim Mengelola Hukum-Hakam Orang Islam Di Khanfu	82

• Pelayaran Kapal-Kapal China Antara Siraf Dan Oman.....	82
• Dari Masqat Ke Hind	85
• Suatu Kaum Yang Memakai Kain Sarung.....	87
• Kaum Yang Memakai Dua Helai Kain Sarung ..	92
• Pasang Surut Air.....	94
• Pulau Maljan	95
• Belalang Air	96
• Haiwan Celak	96
• Gunung Berapi	96
• Adat Resam Penduduk China.....	97
• Berita Mengenai Negeri-Negeri Hind Dan China Serta Raja-Rajanya	100
• Raja Jurz.....	102
• Raja Tofiq.....	103
• Raja Rahmi	104
• Badak Sumbu	107
• Raja Kasybin.....	108
• Raja Qiranj.....	108
• Raja-Raja Yang Lain	109
• [Bandar-Bandar Di China]	111
• Adat Penduduk China Dalam Urusan Kematian	114

- Adat Turun-Temurun Penduduk Hind 125
- Ahli Ibadat Hindu 127
- Perbezaan Adat Dan Budaya Penduduk Hind Dan China 130

KITAB KEDUA..... 137

- Daripada Berita-Berita Negeri China Dan Hind 137
- Hukuman Terhadap Penzina Lelaki Dan Perempuan..... 144
- [Pelacur Berdaftar] 146
- Urusan Kewangan..... 147
- Rumah-Rumah Di Negeri China..... 148
- Kedudukan Khadam Di Negeri China..... 149
- Kemahiran Orang China Dalam Kerjatangan..151
- Pertemuan Antara Seorang Laki-Laki Quraisy Dengan Raja China..... 153
- Bandar Khumdan..... 160
- Bersambungnya Laut 162
- Mengenai Bandar Zabaj..... 163
- Kisah Raja Qumar Dengan Maharaja, Raja Zabaj 168
- Perpindahan Roh 175
- Kembali Kepada Berita Penduduk China. Mengenai Sebahagian Perkara Mereka 176

• Pemilihan Hakim.....	179
• Kašturi	183
• Sebahagian Perkhabaran Tentang China	185
• Sebahagian Khabar Mengenai Hind	187
• Pulau Sarandib	191
• Musim Tengkujuh Di Hind.....	196
• Khabar-Khabar Lain Daripada Hind.....	198
• Negeri Az-Zanj	202
• Pulau Suqatra	204
• Bahagian Sebelah Kanan Hind.....	206
• ‘Anbar.....	209
• Mutiara	211
• Kisah Musang Dan Mutiara	213
• Raja-Raja Hind	215

BAYTUL

HIKMA

PENGANTAR PENTERJEMAH EDISI PDF PERCUMA

Bismillah walhamdulillah

Setelah beberapa tahun buku ini beredar di pasaran, saya mengambil keputusan untuk menghentikan dahulu edisi bercetaknya sehingga masa yang dikehendaki Allah untuk dicetak semula. Kemudian datang dalam fikiran saya untuk tidak menjadikan isi buku ini terhalang manfaatnya daripada orang ramai. Maka datang niat untuk menjadikannya *pdf* percuma (cuma janganlah ada yang mencetaknya kembali untuk tujuan komersil pula, ya!)

Alhamdulillah, baru-baru ini saya telah mendapati salinan pdf bagi naskhah yang dirujuk sebagai Naskhah Maktabah Syamilah di dalam terjemahan ini. Ianya ditahqiq oleh Abdullah Al-Habsyi.

Untuk rujukan semua, dalam edisi *pdf* percuma ini akan disertakan gambar kulit depan setiap naskhah berbahasa Arab yang menjadi sumber terjemahan buku ini. Sebagai bonus, disertakan juga gambar naskhah klasik terjemahan berbahasa Inggeris. Dari situ moga dapatlah

kita resapi ke dalam benak jiwa kita bagaimana kedudukan kitab ini kepada orang Eropah sehingga membawa mereka belayar jauh mencari jalan ke negeri-negeri di bawah angin ini.

Penting untuk saya mengakui bahawa terjemahan ini tidaklah sempurna. Begitu juga beberapa pandangan peribadi saya selaku penterjemah di sebahagian notakaki bukanlah pendapat yang berautoriti lagi mutlak. Sesungguhnya kitab ini dan terjemahannya masih lagi terbuka untuk kajian yang berterusan kepada sesiapa yang berminat.

Akhir kalam, semoga edaran percuma edisi *pdf* buku ini bermanfaat untuk semua serta menjadi bekal pahala yang berterusan kepada penterjemah serta penerbitnya. Amin.

Wassalam.

ARSYAD MOKHTAR

25 Julai 2019,

Pendang, Kedah Darulaman

BAYTUL

HIKMA

PENGANTAR PENTERJEMAH

Sejak beberapa lama dahulu, saya beberapa kali terserempak rujukan kepada cerita-cerita daripada Sulaiman At-Tajir dan Abu Zaid As-Sirafi dalam beberapa pembacaan mengenai sejarah. Namun, sayangnya rujukan-rujukan tersebut bukanlah berdasarkan tulisan berbahasa Arabnya, tetapi berdasarkan kutipan atas kutipan para penulis atau sejarawan Barat.

Dalam jangka waktu beberapa tahun kemudian, saya terjumpa naskhah berbahasa Arabnya dalam Maktabah Syamilah dan membacanya. Setelah itu timbullah hasrat saya untuk menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu yang saya mulakan pada 25 Jun 2016. Dalam menjalani proses penterjemahannya, saya terus juga mencari jika ada naskhah berbahasa Arab yang lain yang boleh dijadikan sebagai rujukan dan perbandingan yang akhirnya menemukan saya dengan dua buah lagi naskhah.

Maka berdasarkan ketiga-tiga naskhah inilah saya jadikan sandaran dalam menterjemah kitab ini. Ketiga-tiga naskhah ini datang dengan tajuk yang berbeza-beza

seperti berikut:-

1. *Rihlah As-Sirafi*. Terbitan Al-Majma' Ats-Tsaqafi, Abu Dhabi (1999 M) – Maktabah Syamilah. Naskhah ini mengandungi kedua-dua bahagian kitab, iaitu Kitab Pertama yang ditulis oleh Sulaiman At-Tajir (Saudagar Sulaiman) dan Kitab Kedua yang ditulis oleh Abu Zaid Hasan As-Sirafi.
2. *Akhbar As-Sin wa Al-Hind*. Terbitan Ad-Dar Al-Misriyyah Al-Lubnaniyyah (1999). Cetakan ini dikaji oleh Yusuf Asy-Syaruni. Mengandungi kedua-dua Kitab Pertama dan Kitab Kedua. Saya rujuk naskhah ini sebagai “Naskhah Asy-Syaruni”.
3. *‘Ajaibud Dunya wa Qiyas Al-Buldan*. Terbitan Markaz Ziyad Li At-turath wa At-Tarikh. Abu Dhabi (2005). Cetakan ini hanya berisikan Kitab Pertama sahaja. Dikaji oleh Dr. Saif Syahin daripada Universiti Qatar. Saya rujuk naskhah ini sebagai “Naskhah Dr. Saif”.

Kitab ini merupakan satu kitab yang penting. Kerana itulah para orientalis Eropah beberapa kali menterjemahkannya ke dalam bahasa mereka. Barangkali kitab ini juga antara penggalak era penjelajahan dan penjajahan mereka ke negeri-negeri di bawah angin. Walaupun dalam kitab ini berisi banyak juga penceritaan berkait rantau Kepulauan Melayu, namun sepanjang pengetahuan saya, belumlah lagi ada terjemahannya ke

bahasa Melayu. Dengan itu, maka terjemahan ini adalah merupakan yang pertama kalinya. Alhamdulillah.

Untuk naskhah terjemahan ini, maka saya memilih tajuk mengikut naskhah Syamilah iaitu *Rihlah As-Sirafi* kerana ia lebih ringkas dan mudah diingat. Dan saya letakkan nama kedua-dua mereka – Sulaiman dan Abu Zaid – sebagai pengarangnya, seperti yang dilakukan oleh Yusuf Asy-Syaruni pada cetakan beliau.

Di samping menterjemahkan kandungan kitab, saya juga melihat ada baiknya untuk diterjemahkan juga muqaddimah ketiga-tiga cetakan yang menjadi sumber terjemahan ini disebabkan saya melihat banyak faedah dan maklumat di sana. Saya juga membuat sedikit catatan nota kaki, manakala beberapa tambahan yang dirasakan perlu akan saya berikan tanda kurungan [].

Akhir kata, saya tidaklah mendakwa terjemahan ini sempurna. Dengan itu, jika sesiapa yang menjumpai kekurangan dan kesalahannya mohonlah dibetulkan dengan jalan ilmu. Kesempatan ini juga saya gunakan untuk menyatakan ucapan terima kasih kepada semua yang memberi saham dalam usaha ini. Mudah-mudahan ada manfaatnya. Amin.

Kepada semua pembaca budiman, saya ucapkan “*Selamat membaca!*” Wassalam.

ARSYAD MOKHTAR

Pendang, Kedah

30 Muharram 1438

31 Oktober 2016

MUQADDIMAH NASKHAH MAKTABAH ASY-SYAMILAH

SULAIMAN AS-SIRAFI

Beliau adalah seorang saudagar bangsa Iran daripada penduduk Pelabuhan Siraf yang menganjur keluar ke Teluk Parsi. Beliau telah mengembara ke China dan menulis kenang-kenangan pengembaraannya ini di dalam sebuah kitab yang dikarangnya dalam bahasa Arab. Kitab ini segera diambil dari beliau oleh Abu Zaid Hasan bin Yazid As-Sirafi dan meriwayatkannya serta dijadikannya tersusun indah.

Kita tidak mengetahui suatupun daripada hal ehwal kehidupannya, baik tarikh lahir dan tarikh kematiannya. Melainkan kenyataan bahawa beliau hidup pada pertengahan pertama kurun keempat.

Abu Zaid telah menghabiskan zaman kanak-kanak dan di tempat kelahirannya iaitu Siraf, kemudian berhijrah ke Basrah pada tahun 330 Hijrah lalu menetap di sana. Pada hakikatnya beliau bukanlah seorang pengembara dan bukan pula seorang alim, bahkan daripada yang nampak jelas adalah seorang yang sangat

sukakan kisah-kisah seperti ini yang mana mudah untuk dikumpulkan riwayat-riwayat yang pelbagai sama ada di tempat lahirnya – Siraf – mahupun di Basrah.

Beliau adalah contoh terbaik bagi para saudagar Arab dan Parsi yang belayar menuju ke China. Sesungguhnya seorang Orientalis Perancis bernama Ferrand¹ telah mengkaji kisah dan riwayat yang datang daripada beliau lalu meneliti kembali setiap jejaknya menggunakan peta moden lantas mendapati semua yang disebutkan itu adalah sangat terperinci dan penuh amanah ilmu tahap tertinggi.

PENGENALAN

Berkait dengan perdagangan melalui jalan laut serta kisah-kisah pengembaraan para pelaut Arab dan Parsi dengan negeri Hind², Gugusan Kepulauan Melayu³ dan China⁴, maka sesungguhnya para pedagang Arab itu hanya belayar menurut laluan tradisi di selatan Iraq dan pantai-pantai Teluk Arab semenjak zaman Sasanid⁵ lagi.

Dikatakan bahawa ketika mana orang Arab berjaya menguasai Pelabuhan Ubullah⁶ berdekatan Basrah pada

¹ Ar: (فيرن). Gabriel Ferrand. Ejaan nama ini ditulis dalam tulisan rumi pada muqaddimah Asy-Syaruni. –pent.

² Ar: (بلاد الهند).

³ Ar: (ارضييل الملايو).

⁴ Ar: (الصين).

⁵ Ar: (الساساني).

⁶ Ar: (الأبله).

zaman kekhalifahan Umar bin Al-Khattab, kaum Muslimin telah mendapati kapal-kapal China ada berlabuh di situ. Sesungguhnya bangsa Parsi sehingga zaman penguasaan bangsa Arab adalah suatu bangsa manusia yang paling banyak belayar di lautan.

Antara hal yang paling jelas semenjak zaman dahulu kala adalah penguasaan bangsa Arab-Parsi di Pelabuhan Canton⁷ di China sangat kuat sehinggalah mencapai hadnya pada tahun 758 Masehi bilamana kekuatannya itu telah berjaya menguasai bandar tersebut dan segala urusannya serta menjarah negeri tersebut menerusi jalan laut.⁸

Pada akhir kurun kesembilan belas Masehi usaha sebahagian Orientalis telah berjaya menemui beberapa bukti berupa kuburan yang mengesahkan kedatangan sebahagian bangsa Arab ke China pada zaman lampau. yang membuktikan kewujudan segolongan daripada penduduk Oman dan Teluk Arab.

Hal ini dikuatkan pula oleh sumber sejarah yang lain berupa sebuah kitab tulisan Abu Sufyan Mahbub Al-‘Abdi yang wafat pada separuh pertama kurun sembilan Masehi yang mana disebutkan di dalamnya bahawa salah seorang

⁷ Ar: (كانتون). Guangdong atau lebih khususnya Guangzhou. – pent.

⁸ Dikatakan ini adalah perbuatan sebahagian lanun Arab dan Parsi yang seterusnya membawa kepada pembunuhan besar-besaran para pedagang asing di Khanfu/Canton. –pent.

Syeikh mazhab Ibadhiyah⁹ iaitu Abu Ubaidah Abdullah bin Al-Qasim daripada penduduk Oman, seorang alim besar pada zamannya serta saudagar yang terkenal dengan perniagaan tali. Beliau telah bertolak dengan dagangan *sobir*¹⁰ dan tali menuju ke negeri China.

Orientalis Kratchkopeski¹¹ telah berkata: Tetapi tarikh perjalanan ini¹² tidak diketahui oleh kita, sekalipun ianya jika berdasarkan kepada tilikan yang pelbagai bolehlah dikatakan bahawa ianya berlaku tanpa syak lagi sebelum penjarahan Canton pada tahun 758 Masehi yang disebutkan sebelum ini.

Adapun saudagar Oman yang lain, ia itu An-Nadhor bin Maimun yang hidup di Basrah –mengikut zahirnya pada akhir abad kelapan Miladi (8 M) dan awal abad sembilan Miladi (9 M) – dimana dari sana [Basrah] beliau telah belayar ke China, namun kita juga tidak memiliki perincian mengenai pelayaran beliau itu.

Apapun, bolehlah dianggapkan bahawa para saudagar Oman dan penduduk Emiriyah¹³ yang bersama mereka itu merupakan para pembuka jalan bagi para saudagar terkemuka yang lain, seumpama pemilik rehlah kita ini – yang kini berada di hadapan anda – ia itu

⁹ Mazhab yang dominan di Oman. –pent.

¹⁰ Ar: (الصبر). Sejenis daun herba. –pent.

¹¹ Ar: (كراتشكوفسكي).

¹² Yakni pelayaran Abu Ubaidah Abdullah bin Al-Qasim ke China. –pent.

¹³ Yakni Emiriyah Arab Bersatu (UAE) –pent.

Saudagar Sulaiman dan sahabatnya Ibn Wahb, yang mana seorang ahli sejarah dan ahli geografi, ia itu Abu Zayd As-Sirafi telah mentalaqqi rehlah pelayaran mereka berdua itu lalu menukulkannya dan mengkaji riwayat kedua mereka itu. Dan ia inilah yang kami sebarkan sekarang ini di bawah cetakan Majma' Ats-Tsaqafi dengan tajuk yang tertera.¹⁴

Kini kita akan kembali kepada apa yang sedang kita perkatakan sebentar tadi; maka kita melihat yang mana para pengembara Arab telah pun sampai kepada negerinegeri yang terletak di Timur Jauh dan selainnya semenjak zaman silam lagi, seawalnya kembali kepada kurun kesembilan Miladi (9 M). Ini berdasarkan kepada apa yang telah dinukilkan daripada para pengembara yang begitu ramai, yang merupakan para individu yang majoritinya adalah orang Arab jati yang telah memberi saham dalam sebahagian pelayaran bersifat perdagangan ini.

Ibnu Raṣṭah¹⁵ telah menyebutkan kepada kita dalam kitabnya “*Al- A’laq An-Nafisah*”¹⁶ maklumat-maklumat yang benar lagi penting mengenai bumi Hind yang dia riwayatkan daripada seorang yang tidak terkenal di sisi para sejarawan, ia itulah Abu Abdillah Muhammad bin Ishaq – beliau ini bukanlah Ibn Ishaq penulis Sirah dan Maghazi yang terkenal itu.

¹⁴ Iaitu bertajuk: “*Rihlah As-Sirafi*”. –pent.

¹⁵ Ar: (ابن رسته).

¹⁶ Ar: (الاعلاق النفيسة).

Lelaki ini¹⁷ telah menghabiskan masanya selama hampir dua tahun di Pulau Qumari¹⁸ (yakni Khmer¹⁹, iaitulah nama lama bagi Kemboja). Dan hal itu – mengikut sangkaan yang kuat – adalah pada awal kurun kesembilan [Masehi].

Kebanyakan para pengkaji Eropah daripada kalangan para Orientalis dalam bidang geografi melihat bahawa beliau ini hampir pasti merupakan satu-satunya sumber bagi Ibn Rastah dan Ibn Khurdazbah, yang mana Yaqut [Al-Hamawi] telah menukulkan daripadanya [Ibn Khurdazbah] perenggan-perenggan tertentu pada beberapa tajuk dalam kitabnya [yakni kitab *Mu'jam Al-Buldan*].

Itu tadi adalah apa yang berkaitan dengan jalan laut daripada para pengembara Arab yang merupakan para pedagang.

Adapun jika kita kembali kepada rihlah mereka melalui jalan darat pada zaman silam pula, maka kita akan dapati ianya merupakan riwayat-riwayat yang dihirup oleh para ahli geografi Arab daripada mulut para pengembara Arab yang lain, yang merentasi laluan darat yang membelah Asia Tengah menuju ke China. Yang demikian itu kita dapati pada apa yang digambarkan oleh Tamim bin Bahr Al-Mutawi'²⁰.

¹⁷ Yakni Abu Abdillah Muhammad bin Ishaq. –pent.

¹⁸ Ar: (جزيرة قمارى)

¹⁹ Ar: (خمير).

²⁰ Ar: (تميم بن بحر المطوعي).

Sepertimana terzahir pada gelarannya, maka beliau ini bukanlah tergolong dalam kalangan para saudagar yang terkenal. Sangkaan yang kuat menunjukkan bahawa beliau hidup dalam medan jihad dan menjaga perbatasan negara Islam yang menganjur sepanjang-panjang sempadan Khilafah Islamiyah. Beliau itu tadi telah mengadap Khaqan Turki (At-Tughuzghuz) dengan membawa urusan diplomasi yang penting, seperti mana yang zahirnya [dapat kita nampak daripada hal itu.] Bartold²¹ berpandangan bahawa kejadian ini berlaku sekitar antara tahun 760 M – 800 M. Sementara Yaqut pula telah menampilkan kepada kita dalam kitabnya “*Mu’jam Al-Buldan*” bahagian yang paling penting dalam perjalanan tersebut, yang mana berdasarkannya dapat kita mencari petunjuk tentang keperibadian pengembara berkenaan.

Dengan ini, maka sesungguhnya Tamim bin Bahr Al-Mutawwi’i merupakan ahli geografi Arab pertama yang menyebutkan kepada kita gambaran jalan darat menuju ke China. Berkemungkinan dapat kita temui jejak-jejak Tamim tersebut dalam kenyataan-kenyataan yang ditampilkan oleh para ahli geografi dan pengembara yang ternama lagi terkenal seumpama Abu Dulaf dan orang-orang yang lebih awal daripadanya. Juga pada Al-Idrisi, yang merupakan pemilik kitab termasyhur dalam geografi, ia itu kitab “*Nuzhatul Musytaq fi Ikhtiraq Al-Aafaq*”. Bahkan pada Ibn Khurdazbah dan Yaqut seperti yang kami

²¹ Ar: (بارتولد).

sebutkan sebelum ini.

Dan Tamim inilah orang Arab yang paling awal memberikan kepada kita maklumat-maklumat penting mengenai At-Tughuzghuz berdasarkan maklumat langsung yang disaksikan oleh dirinya sendiri. Beliau juga telah menggambarkan kepada kita ibu kota At-Tughuzghuz, ia itu Qamju²² yang terletak berdekatan Torfan²³. Begitu juga, beliau menceritakan maklumat mengenai “*Batu Hujan*”²⁴ milik bangsa Turki dan lain-lain maklumat lagi.

SULAIMAN AT-TAJIR

Kini kita kembali semula kepada pemilik rihlah kita ini, ia itu Saudagar Sulaiman yang mana Abu Zayd As-Sirafi telah mengambil riwayat dan menyusun ceritanya. Beliau itu termasuk dari kalangan para pengembara terawal yang mengkhabarkan cerita pengembaraan mereka yang aneh-aneh serta riwayat-riwayat yang menarik berkenaan negeri-negeri yang dilawati mereka. Tidaklah kita tahu sedikit pun tentang kehidupan beliau itu, melainkan apa

²² Ar: (قامجو).

²³ Ar: (طرفان).

²⁴ Ar: (حجر المطر). Iaitu sejenis batu (geliga) yang apabila dimasukkan ke dalam air dan digerak-gerakkan akan menyebabkan turun hujan. Jika dimaksudkan untuk menurunkan salji atau hujan batu, maka digerakkan dengan lebih kuat lagi. Sekiranya dihalakan ke satu-satu arah (yang ditempati musuh), maka akan turun hujan atau salji dan hujan batu di tempat berkenaan. Wallahu a’lam. –pent.

yang sampai kepada kita daripada riwayat yang beliau sebutkan bersangkutan dengan pengembaraannya saja, yang mana berkisar sekitar tahun dua ratus tiga puluh tujuh Hijrah (237 H).

Sesungguhnya beliau telah bermusafir beberapa kali atas maksud berdagang ke negeri Hind dan China. Seorang Orientalis Perancis, iaitu Ferrand telah mengkaji apa yang diceritakan oleh beliau serta mengikut jejak-jejak perjalanan beliau berdasarkan peta masa kini lalu mendapati apa yang diceritakan itu benar-benar terperinci dan penuh amanah ilmiah seperti yang disebutkannya berikut ini:-

“Beliau merupakan contoh terbaik bagi pedagang Arab dan Parsi yang belayar ke China. Sesungguhnya beliau telah belayar daripada Siraf²⁵ ke Muscat²⁶ di Teluk Arab. Daripada sana menuju ke Kolam²⁷ di pantai Malibar²⁸. Kemudian merentasi Selat Palk²⁹, di utara Pulau Sailan³⁰, lalu melayari Teluk Benggala³¹ sehingga sampai ke Pulau Lanjbalus³², salah satu daripada Pulau-

²⁵ Ar: (سيراف). Sebuah pelabuhan lama yang sangat masyhur terletak di Parsi. –pent.

²⁶ Ar: (مسقط). Terletak di Oman kini. –pent.

²⁷ Ar: (كلم).

²⁸ Ar: (مليبار).

²⁹ Ar: (بالك).

³⁰ Ar: (سيلان). Sri Lanka.

³¹ Ar: (خليج البنغال).

³² Ar: (لنجبالوس). Saya berpendapat perkataan “Lanj” itu adalah

pulau Nicobar³³. Setelah itu menuju ke Kalah Barah³⁴ di Pesisir Barat Melayu³⁵. Dan mara dari sana ke Pulau Tioman³⁶ yang terletak di arah Barat Daya daripada Melaka³⁷. Daripada sana menuju ke Ra'sil Qadis Yaacob³⁸ berdekatan Saigon³⁹. Daripada sana menuju ke Pulau Hainan⁴⁰, lalu merentasi selat yang memisahkannya dengan bumi China, untuk sampai ke Pelabuhan Khanfu⁴¹ atau kini Canton⁴² di China.⁴³

“Lang”, seperti pada nama Langkawi, iaitu burung helang. Wallahu a'lam. –pent.

³³ Ar: (نيكوبار).

³⁴ Ar: (كله بره).

³⁵ Ar: (ساحل الملايو الغربي).

³⁶ Ar: (تيومن).

³⁷ Ar: (ملقا).

³⁸ Ar: (راس القديس يعقوب). Kepala (Tanjung) *Saint Jacob*. –pent.

³⁹ Ar: (سايجون). Kini dikenal sebagai Ho Chi Minh di Vietnam. –pent.

⁴⁰ Ar: (هاينان).

⁴¹ Ar: (خانفو).

⁴² Ar: (كانتون).

⁴³ Nampaknya daripada apa yang disebutkan oleh Ferrand inilah yang dikutip oleh hampir keseluruhan tulisan-tulisan yang mengatakan pelayaran itu melewati selatan Semenanjung lalu ke Pulau Tioman. Saya mempunyai pandangan yang berbeza dalam hal ini yang saya sebutkan panjang lebar pada notakaki perkataan “*Bitumah*” yang dianggap Tioman itu. Juga pada waktu ini Melaka belum lagi muncul sebagai sebuah pelabuhan seperti Kedah.

Di sini terdapat satu lagi keganjilan laluan pelayaran yang disebut oleh Ferrand ini dimana beliau menyatakan kapal merentasi Selat

Dan pelayaran daripada Muscat ke China mengambil masa lebih daripada empat bulan. Saudagar Sulaiman tidak saja menggambarkan kepada kita jarak dan ukuran jauh dalam bilangan hari dan kadangkala dalam ukuran farsakh, bahkan meninggalkan juga [kepada kita] gambaran kehidupan di pesisir-pesisir, pulau-pulau, pelabuhan-pelabuhan yang berbeza-beza, bandar-bandar dan para penduduknya, hasil dan produksi, serta harga barang-barang. Sepertimana jelas sabit bahawa maklumat yang disampaikan mengenai Canton begitu panjang lebar dan terperinci sekali.”

Berkata pula Krachkov⁴⁴ dalam bicaranya mengenai penisbahan pengembaraan itu kepada Saudagar Sulaiman: “Melihatkan kepada tidak wujudnya maklumat berkenaan diri Sulaiman itu sendiri, maka sesungguhnya tokoh-tokoh ilmuwan China seperti Yul dan Bliu⁴⁵ ragu-ragu tentang sandaran kisah-kisah tersebut kepada beliau. Sepertimana wujud pandangan lain yang melihat bahawa

Palk di utara Sri Lanka, sedangkan menurut catatan sejarah, di situ terdapat Adam's Bridge atau Rama Setu yang membentuk tambak sebelum tenggelam akibat taufan pada tahun 1480 M. Dan pelayaran Sulaiman At-Tajir berlaku ketika tambak tersebut masih di atas paras laut. Bahkan dalam kitab ini sendiri diceritakan yang pelayaran bukanlah melalui kawasan tersebut, sebaliknya merentasi terusan-terusan Sarandib yang terkenal itu. –pent.

⁴⁴ Ar: (كراتشكو). Mungkin merujuk kepada Ignatius Julianovich Krachkov (1883-1951). –pent.

⁴⁵ Ar: (بليو) dan (يول). Saya tidak tahu ejaan sebenar nama mereka dalam tulisan rumi. –pent.

kisah-kisah ini adalah milik seorang Arab yang melawat Hind. Hanya saja Ferrand menarik perhatian di sini bahawa Ibnul Faqih secara jelas telah menisbahkan kisah-kisah tersebut kepada Sulaiman. Dengan ini, maka sesungguhnya masalah sama ada beliau sendiri menulis kisah ini tidak perlu untuk diragui sama sekali.”

Sesungguhnya beliau [Abu Zayd] telah menambahkan kepada kisah-kisah yang dinisbahkan kepada Sulaiman, iaitu setelah dua puluh tahun daripada pelayaran tersebut, kisah seorang pengembara yang lain, ia itulah Ibn Wahb yang nasabnya sampai kepada Quraisy. Beliau ini daripada golongan bangsawan yang keluar meninggalkan kota Basrah setelah jatuhnya kota itu ke tangan para pemberontak Zanj pada tahun dua ratus lima puluh tujuh Hijriah (257 H). Kemudian beliau bertekad untuk mengadakan pengembaraan yang panjang daripada Siraf menuju ke China, dimana akhirnya beliau berjaya sampai ke ibu kota China pada waktu itu, iaitu Khumdan.⁴⁶

Gambaran yang diceritakan oleh beliau ini sangat-sangat penting, khususnya kerana setelah itu – yakni pada tahun dua ratus enam puluh empat Hijriah (264 H) – berakhirilah penguasaan bangsa Arab di Canton akibat daripada perang saudara yang berlaku dalam negeri. Disebabkan itu, maka terputuslah serta merta hubungan langsung antara Arab dan China. Sehingga jadilah pelabuhan terakhir yang dituju oleh kapal-kapal Arab

⁴⁶ Ar: (خمدان).

adalah Pelabuhan Kalah [Kedah]. Dan Kalah Barah ini terletak di Pulau Melayu.⁴⁷ Dari ketika itu tidaklah terdapat lagi sebarang hubungan yang baru dengan China, melainkan pada pertengahan kedua daripada kurun ketiga belas Miladi (13 M).

Kisah-kisah Sulaiman dan Ibn Wahb telah dikumpulkan oleh Abu Zayd, seorang penduduk Basrah, pada awal kurun kesepuluh Miladi (10 M). Beliau orangnya yang memberikan kisah-kisah tersebut dalam bentuk yang sampai kepada kita sekarang. As-Sirafi ini [yakni Abu Zayd] pada hakikatnya bukanlah seorang pengembara atau seorang alim, bahkan secara zahirnya beliau adalah seorang penggemar kepada cerita-cerita seperti ini yang mana mudah baginya untuk mengumpulkan riwayat-riwayat yang banyak tentang kisah-kisah sedemikian sama ada di tempat tumpah darahnya, iaitu Siraf, mahupun di Basrah. Al-Mas'udi telah berjumpa dengan beliau sendiri pada tahun tiga ratus tiga Hijrah (303 H) dan mengambil daripada beliau kisah riwayat Ibn Wahb yang terdapat dalam kitab rihlah kita ini.

Naskhah tulisan tangan Rihlah Abu Zayd As-Sirafi yang sampai kepada kita iaitu naskhah yang sangat berharga lagi tunggal kini tersimpan di Perpustakaan Nasional Paris⁴⁸. Para penyalin naskhah telah menambahkan suatu muqaddimah yang tiada kaitan

⁴⁷ Ar: (جزيرة الملايو).

⁴⁸ Ar: (المكتبة باريس الأهلية).

langsung dengan isi kandungan kitab ini. Ditambah pula dengan suatu hal yang musykil dimana naskhah tulisan tangan ini membawa tajuk yang langsung tidak sesuai, bahkan tidak sepakat pula dengan kandungan kitab, iaitu tajuknya “*Silsilah Tawarikh*”⁴⁹. Tajuk inilah yang digunakan pada naskhah cetakan Reinaud⁵⁰ yang terbit pada tahun 1811 Masehi.

Dek kerana peri pentingnya pengembaraan Saudagar Sulaiman ini, maka ia telah memakukan pandangan para tokoh Orientalis pada kurun kelapan belas (18). Dengan itu muncullah semenjak tahun 1718 Masehi lagi terjemahannya ke dalam bahasa Perancis. Terjemahan ini membawa kepada penciplakan⁵¹ dan penambahan perkara-perkara dari sebahagian orang lalu menyandarkan kisah-kisah itu kepada diri mereka sendiri.

Sanjungan patut diberikan kepada Orientalis Perancis, Reinaud yang telah melakukan kajian dan *tahqiq* [penelitian] terhadap kandungan sebenar kitab rihlah ini. Kemudian datang pula selepas beliau seorang Orientalis Perancis juga, Ferrand yang melakukan kaji ulang dan penelitian semula serta menterjemahkannya dengan suatu caranya yang tersendiri.

Dan kami⁵² banyak mengambil faedah daripada

⁴⁹ Ar: (سلسلة التواريخ). Bermaksud “*Rantai Sejarah*”. –pent.

⁵⁰ Ar: (رينو). Ejaan rumi nama orientalis ini terdapat dalam muqaddimah naskhah Asy-Syaruni. –pent.

⁵¹ Ar: (اختلاس)

⁵² Yakni pihak penerbit, Majma’ Ats-Tsaqafi. –pent.

kedua-dua cetakan tersebut.⁵³ Kami juga cuba sedaya upaya pada kesempatan ini menambahkan sebahagian *ta'liq* [catatan] yang perlu yang mana bersangkutan dengan rihlah ini, dan dari sudut ianya sebuah naskhah lama [yang perlukan kepada catatan penjelas pada beberapa perkara], dan sepertimana yang para pembaca akan dapat tatapi nanti. Daripada Allah jualah kita mengharapakan taufiq.⁵⁴

BAYTUL

⁵³ Iaitu cetakan Ferrand dan Reinaud. –pent.

⁵⁴ Namun sayang sekali pada naskhah Maktabah Syamilah yang saya miliki notakaki bagi kitab ini tidak dapat dibaca (tidak muncul dalam paparan). –pent.

MUQADDIMAH NASKHAH ASY-SYARUNI

1

Hubungan saya dengan kitab ini berakar semenjak Dr. Husain Fauzi menyedarkan saya tentangnya pada zaman remaja saya melalui kitab beliau yang sangat enak mengenai warisan lama kita berkaitan lautan iaitu kitab “*Hadis As-Sindbad Al-Qadim*”⁵⁵. Saya telah berusaha setelah itu bagi mendapatkan suatu naskhah daripada kitab ini⁵⁶ di perpustakaan-perpustakaan Kaherah, namun tidak berjaya.

Kemudiannya, saya dijemput ke Belanda pada tahun 1981-1982 Masehi bagi memberi kuliah berkaitan “*Cerita Hikayat Dalam Warisan Turath Arab*”⁵⁷ kepada para pelajar bahagian Bahasa Arab di universiti tertua dan klasik, iaitu Universiti Leiden. Ketika di sana, saya telah diberi kesempatan bagi melawat perpustakaanannya yang amat

⁵⁵ Ar: (حديث السندباد القديم). Hadis di sini bermaksud kisah.

⁵⁶ Yakni kitab Rehlah As-Sirafi. –pent.

⁵⁷ Ar: (الحكاية في تراثنا العربي). *Turath* secara mudahnya bermaksud kitab-kitab lama. –pent.

besar, yang mana ia serta universiti itu sendiri telah melewati lebih daripada tiga kurun.

Perpustakaan itu menyimpan bahagian bahasa Arab yang bukan saja unik dari segi sangat banyak dan pelbagai koleksinya, bahkan tersimpan di situ begitu banyak naskhah tulisan tangan, sebahagiannya belum dilakukan penelitian, sebahagiannya telah dilakukan penelitian oleh Orientalis Belanda dan Orientalis lainnya serta diterjemahkan kepada bahasa mereka dengan diberi muqaddimah, disyarahkan, diberi catatan dan penemuan-penemuan mereka.

Ketika itulah terlintas pada saya untuk mencari dalam senarai koleksi perpustakaan berkenaan, kitab-kitab seperti: *'Ajaibul Hind*⁵⁸ dan *Akhbar As-Sin wal Hind*⁵⁹. Tanpa disangka-sangka terpampang di hadapan saya – yakni kitab yang nombor dua ini – bukan sekadar sebuah saja terjemahannya, bahkan tiga terjemahan berlainan ke dalam bahasa Perancis. Satunya terdapat nas bahasa

⁵⁸ Ar: (عجائب الهند). Alhamdulillah, kitab ini telah siap saya terjemahkan ke bahasa Melayu dengan sedikit catatan notakaki dan telah diterbitkan oleh Baytul Hikma pada tahun 2016. Dan ia merupakan terjemahan yang julung-julung kalinya ke dalam bahasa Melayu/Indonesia. –pent.

⁵⁹ Ar: (أخبار الصين والهند). Yakni kitab yang saya terjemahkan ini. Cuma terjemahan ini diberi tajuk “*Rihlah As-Sirafi*” berdasarkan tajuk naskhah Syamilah kerana ianya lebih ringkas. Setakat ini saya belum mengetahui adanya terjemahan kitab ini ke bahasa Melayu/Indonesia. Barangkali juga ini merupakan terjemahan sulung. Alhamdulillah. –pent.

Arabnya pada kedua juzuknya: Juzuk pertama dinisbahkan kepada Sulaiman At-Tajir, manakala juzuk kedua adalah tambahan oleh Abu Zaid Hasan As-Sirafi.

Nas kitab ini bermula dengan beberapa baris yang jelas bahawa ianya tidak ada langsung sangkut pautnya dengan naskhah tulisan tangan yang asal, dan ia ditambahkan sebagai menutupi baris pertama yang nampaknya telah hilang. Hal itu membawa pula kepada pemberian tajuk yang salah bagi kitab ini iaitu: “*Silsilah At-Tawarikh*”. Terjemahan ini merupakan terjemahan Reinaud pada tahun 1845 Masehi.

Adapun terjemahan Gabriel Ferrand pada tahun 1922 Masehi, maka ianya merupakan suatu terjemahan lain bagi naskhah tulisan tangan yang sama, iaitu dengan muqaddimah yang ditambahkan itu yang tidak ada dalam naskhah asli yang berbahasa Arab.

Terjemahan ketiga dan paling terkini, maka ianya adalah terjemahan Jean Sauvaget⁶⁰ pada tahun 1948 Masehi. Tetapi ia hanya terjemahan bagi juzuk pertama sahaja, iaitu yang dinisbahkan kepada Saudagar Sulaiman, setelah dibuang baris pertama yang ditambahkan menyalahi isi kitab itu. Bersama terjemahan yang ini juga disertakan nas bahasa Arabnya bagi juzuk tersebut, yang mana nampaknya jauh lebih jelas dan terpelihara berbanding terjemahan pertama yang mendahului terjemahan ini lebih daripada satu kurun.

⁶⁰ Ejaan rumi nama ini terdapat dalam muqaddimah naskhah Dr. Saif. –pent.

Dengan pantas saya segera menelaah nas kitab itu dengan perasaan penuh ghairah yang mana ketika saya telah membaca beberapa perenggan daripadanya – dan kitab itu merupakan rujukan asasi kebanyakan para pengkaji berkenaan pelaut Arab di Lautan Hindi⁶¹ (atau dinamakan Lautan Timur Yang Besar⁶²) – namun begitu tidaklah saya terfikir lebih daripada itu pada ketika tersebut, disebabkan saya jelas disibukkan oleh tugas-tugas yang lain. Sehingga tercetus pembangkit semangat yang ketiga, yang merupakan pemutus tekad saya untuk mencurahkan perhatian penuh buat kitab yang sangat enak dan penting ini.

Yang demikian itu berlaku ketika mana saya bermusafir atas suatu tugas penting ke Kesultanan Oman yang pesisir pantainya memanjang di tepian Lautan Hindi sepanjang 1700 kilometer. Di sana saya bergaul dengan para penduduknya yang merupakan para pembina perahu dan nelayan pinggir pantai, para pembina kapal perang yang membelah lautan ini daripada timurnya di China hingga ke baratnya di pantai timur Afrika.

Ia [yakni Oman] penuh sesak dengan para pelaut, orang yang pergi balik, para pengembara, para perajurit, para peniaga, para pedagang... menjadi tempat tinggal yang membawa kehidupan, kesungguhan, roh pengembaraan dan mencari peluang rezeki. Maka tidak hairanlah tumbuh di sana peribadi-peribadi yang

⁶¹ Ar: (المحيط الهندي).

⁶² Ar: (البحر الشرقي الكبير).

mengungguli sejarah, berada di tempat pertama adalah Ahmad bin Majid, Sang Pelaut yang masyhur, pengasas Ilmu Lautan. Sementara para pemuda yang lain, barangkali yang paling masyhur antara mereka itu adalah Sindbad Sang Pelaut, yang sentiasa mengembara, tunggangannya adalah takdir dan yang membenci sikap berjaga-jaga serta mencintai marabahaya.

Demikian itulah tiga buah bandar yang berputar-putar dalam benak saya lalu membentuk simpulan untuk saya mendampingi kitab ini, yang mana – sepanjang pengetahuan saya – belumlah ada cetakannya yang tersendiri di dunia Arab kita. [Bandar-bandar itu adalah] Kaherah, kitab *“Hadith As-Sindbad Al-Qadim”* oleh Dr. Husain Fauzi. Bandar Orientalis Belanda, Leiden, ketika mana saya menemui di perpustakaan universitinya tiga buah terjemahan ke bahasa Perancis dan dua nas berbahasa Arab yang dicetak berdasarkan naskhah tulisan tangan. Dan bandar Muscat, salah satu pelabuhan penting di Lautan Hindi yang mana berulang kali disebutkan dalam kitab berkenaan.

Selang tidak berapa lama, saya dikurniakan kesempatan pula untuk sekali lagi bermusafir ke Leiden, sehingga jadilah kesibukan saya yang utama adalah memfotoostat ketiga-tiga naskhah terjemahan itu untuk saya tekuni nas kandungannya sambil mengambil faedah daripada mereka yang telah mendahului saya – serta menambahkan sedikit sumbangan saya yang tidak seberapa – dan apa-apa maklumat dan pendapat peribadi para pengkaji baru yang telah ditambahkan setelah lima

puluh tahun semenjak kali terakhir terjemahan kitab ini untuk saya persembahkan sebagai cetakan yang pertama kalinya di dunia Arab kita.

2

Naskhah tulisan tangan yang asli bagi kitab ini dibeli oleh Perpustakaan Colbert pada tahun 1673 Masehi daripada Halab⁶³. Kemudian ia berpindah ke Perpustakaan Count de Seignelay. Setelah itu ke Perpustakaan Diraja yang kemudiannya menjadi Perpustakaan Nasional di Paris. Naskhah tulisan tangan itu terdiri daripada empat juzuk. Dua juzuk pertama ditulis dengan tulisan yang sama. Penulis itu mencatatkan pada akhir kedua-dua juzuk berkenaan bahawa beliau telah selesai menulisnya pada bulan Safar tahun 596 Hijrah, bersamaan tahun 1199 Masehi. Father Reinaud telah mengkaji dan menterjemah naskhah ini kepada bahasa Perancis lama dibawah tajuk: *“Berita-Berita Silam Daripada Hind Dan China Oleh Dua Orang Pengembara Muslim Yang Mengembara Pada Kurun Ke Sembilan Miladi.”* Dan cetakan itu adalah pada tahun 1817 Masehi.

Pada waktu yang sama juga, seorang Orientalis bernama Langles telah pun mencetak nas berbahasa Arab bagi naskhah tulisan tangan itu pada tahun 1811 Masehi. Maka datang Reinaud dan mengulang cetak nas tersebut bersama muqaddimah dan terjemahannya ke dalam

⁶³ Sebuah tempat di Syria. –pent.

bahasa Perancis lalu menyebarkannya pada tahun 1845 Masehi.

Jelas sekali bahawa Father Reinaud telah tersalah apabila menyifatkan manuskrip kitab ini adalah milik dua orang pengembara Muslimin, sedangkan hakikatnya tidak ada di sana melainkan seorang pengembara saja, ia itulah saudagar yang namanya Sulaiman, yang telah mengarang juzuk pertama manuskrip berkenaan pada tahun dua ratus tiga puluh tujuh Hijrah (237 H / 852 M). Adapun pemilik juzuk kedua itu, namanya adalah Abu Zaid Hasan As-Sirafi yang mana tidak lain hanyalah seorang yang mencintai kisah-kisah, juga seorang ahli geografi yang mengumpulkan maklumat-maklumat tentang Hind dan China daripada mulut para pedagang serta pelaut di Siraf. Beliau sendiri tidak pernah mendakwakan bahawa beliau pernah berkunjung ke negeri-negeri berkenaan, bahkan dengan terang-terang beliau mengakui yang beliau telah mengumpulkan maklumat dan menjadikannya dalam bab-bab lalu merangkumkan perinciannya bersama kenang-kenangan yang telah ditulis oleh Saudagar Sulaiman itu.

Dalam tahun 1922 Masehi, Gabriel Ferrand telah menerbitkan terjemahan yang baru bagi kitab ini dengan disertakan suatu muqaddimah yang panjang lebar. Pada tahun 1948 Masehi pula, Jean Sauvaget telah menerbitkan terjemahan bahasa Perancis bagi juzuk pertama sahaja daripada kitab ini, iaitu yang menceritakan pengembaraan Saudagar Sulaiman. Beliau telah membentangkan dalam muqaddimahnya mengenai

terjemahan-terjemahan sebelumnya lalu menampilkan kritiknya terhadap kesilapan-kesilapan yang terdapat di dalam terjemahan-terjemahan berkenaan, sama ada yang disebabkan pembacaan yang tidak tepat pada beberapa lafaz-lafaz nas berbahasa Arab atau penafsiran yang salah bagi beberapa lafaz yang lain. Dan telah diterbitkan bersama terjemahan ini nas berbahasa Arabnya, iaitu bagi juzuk yang diterjemahkan sahaja.

Sauvaget telah membangkitkan keraguannya mengenai penisbahan juzuk pertama ini kepada Saudagar Sulaiman dengan beralaskan beberapa perkara berikut:

Pertamanya: Bahawa nama Saudagar Sulaiman sendiri ada disebutkan dalam nas kitab dengan gantinama ketiga iaitu begini: "*Sulaiman At-Tajir telah menyebutkan...*". Yang demikian itu setelah beberapa helaian sebelumnya penceritaan menggunakan gantinama pertama.

Hakikatnya, cara penulisan seperti ini memang hal yang tidak asing dalam karangan-karangan pada zaman tersebut. Contohnya boleh kita dapati pada kitab *Muruj Adz-Zahab* oleh Al-Mas'udi (meninggal 346 H / 957 M) yang turut menggunakan kedua-dua bentuk gantinama tersebut, gantinama pertama dan adakalanya gantinama ketiga ketika ingin berpindah daripada suatu penceritaan kepada penceritaan yang lain, seperti berikut: "*Berkata Abul Hasan Ali bin Al-Husain bin Ali Al-Mas'udi..*".

Kedua: Bahawa Abu Zaid sendiri, yang merupakan penyusun juzuk kedua kitab ini tidak langsung menyebutkan kepada kita nama pengarang juzuk pertama yang disempurnakan oleh beliau itu.

Penjelasan kami terhadap keraguan ini adalah, beliau juga tidak ada menyebutkan nama pengarang lain [jika kita katakan bukan Sulaiman At-Tajir].

Adapun dalil ketiga yang disebut oleh Sauvaget dalam keraguannya pada penisbahan juzuk pertama kepada Sulaiman At-Tajir adalah: Bahawa Al-Mas'udi ketika mengisyaratkan kepada [kitab] *Akhbar As-Sin wal Hind* ini, tidak ada pula beliau menyebutkan nama Sulaiman At-Tajir.

Begitu jugalah Al-Marwazi (m. 294 H / 906 M) dan Al-Biruni (362–448H/973–1056M) pun mengisyaratkan kepada tajuk kitab ini tanpa mengisyaratkan kepada nama pengarang sepertimana yang menjadi kebiasaan yang teradat. Namun, Ibnul Faqih yang hidup sekitar tahun 290 Hijrah / 903 Masehi, iaitu setelah lebih kurang setengah kurun saja, secara jelas sekali telah menisbahkan kitab ini kepada Sulaiman At-Tajir.

3

Kalimah “*Akhbar*”⁶⁴ membawa makna kumpulan-kumpulan riwayat yang datang tanpa *susunan mantiqi*⁶⁵ sekitar sesuatu perkara tertentu, yang mana pengarang

⁶⁴ Ar: (أخبار). Lebih tepat diterjemah sebagai “Perkhabaran”, tapi saya memilih kata “*Akhbar*” kerana lebih ringkas. –pent.

⁶⁵ Ar: (نظام منطقي). Yang dimaksud dengan *Susunan Mantiqi* adalah seperti penyusunan perbahasan dalam sesuatu tajuk tertentu yang dimulakan dengan definisi dari sudut bahasa, lalu definisi dari sudut istilah dan seterusnya mengikut urutan tertentu. –pent.

kitab cuma menisbahkan kesemua riwayat tersebut kepada periwayatnya. Sebutan ini [yakni *Akhbar*] merupakan bentuk tajuk bagi kitab-kitab hadis nabi.

Kita mendapati tajuk seperti ini tersebar meluas pada karangan-karangan yang muncul pada kurun ketiga Hijrah, contohnya: *Akhbar Bani Mazin*⁶⁶ (209 H), *Akhbar Qudhah Basrah*⁶⁷ (209 H), *Akhbar Al-Hujjaj*⁶⁸ (209 H).. Ini merupakan kitab-kitab yang pemiliknya [penulisnya] tidak diketahui orangnya.

Begitu juga *Akhbar Qudhah Misr*⁶⁹ oleh Al-Kindi (246 H), *Akhbar Misr*⁷⁰ (269 H) yang tidak diketahui penulisnya, *Akhbar Qudhah Baghdad*⁷¹ oleh Ibn As-Sa'ie (274 H), *Akhbar Al-Hallaj*⁷² (274 H) yang tidak diketahui penulisnya, *Akhbar Al-Musonnifin*⁷³ (274 H) yang juga tidak diketahui penulisnya, serta *Akhbar Az-Zaman*⁷⁴ oleh Al-Mas'udi

⁶⁶ Ar: (أخبار بني مازن)

⁶⁷ Ar: (أخبار قضاة البصرة). Perkhabaran Para Qadhi Basrah. –pent.

⁶⁸ Ar: (أخبار الحجاج). Di sini tidak diletakkan baris pada huruf ha.

Saya membacanya berbaris depan menjadikan maksudnya “Perkhabaran Orang-orang Yang Naik Haji.” Jika ternyata kitab ini sebenarnya menceritakan tentang Al-Hajjaj bin Yusuf At-Tsaqafi, maka jadilah tajuknya “Akhbar Al-Hajjaj”. Wallahua’lam. –pent.

⁶⁹ Ar: (أخبار قضاة مصر). Perkhabaran Para Qadhi Mesir. –pent.

⁷⁰ Ar: (أخبار مصر)

⁷¹ Ar: (أخبار قضاة بغداد). Perkhabaran Para Qadhi Baghdad. –pent.

⁷² Ar: (أخبار الحلاج). Al-Hallaj merupakan seorang sufi yang

kontroversi, hidup sezaman dengan Al-Junaid. –pent.

⁷³ Ar: (أخبار المصنفين). Perkhabaran Para Pengarang. –pent.

⁷⁴ Ar: (أخبار الزمان)

sebelum tahun 346 H (disebabkan beliau sendiri mengisyaratkan kepada kitabnya ini dalam kitab *Murij Adz-Zahab*⁷⁵ yang mana tarikhnya sampai pada tahun 346 H. Kitab itu [*Akhbar Az-Zaman*] terdiri daripada tiga puluh juzuk yang tidak tinggal lagi kini melainkan satu juzuk yang pertama saja di Perpustakaan Vienna).

Disebabkan halaman tajuk kitab ini telah hilang, dan halaman yang wujud pula dengan tulisan tangan yang ditambahkan bertajuk “*Silsilah At-Tawarikh*”, dengan itu maka Sauvaget bertindak membuangnya daripada cetakan berbahasa Arab tahun 1948 Masehi itu, dalam mana para pendahulunya bermula daripada Reinaud dalam terjemahannya ke bahasa Perancis pada tahun 1817 Masehi, Reinaud dalam terbitan berbahasa Arab bersama terjemahan Perancis pada tahun 1845 Masehi serta Gabriel Ferrand dalam terjemahan ke bahasa Perancisnya pada tahun 1922 Masehi kesemuanya menetapkan tajuk dan halaman tambahan tersebut. Kami memandang lebih baik dibuang kerana ianya tidak berkait langsung dengan nas kandungan kitab itu.

Adapun tajuk kitab, maka Abu Zaid Hasan As-Sirafi sendiri telah memberikannya kepada kita pada baris pertama dalam juzuk kedua yang beliau tambahkan kepada kitab itu, dimana beliau nyatakan bahawa ia adalah kitab yang kedua daripada “*Akhbar As-Sin wal Hind*”.

⁷⁵ Ar: (مروج الذهب).

Bahasa kitab ini lebih dekat kepada bahasa hadis⁷⁶ berbanding bahasa karangan biasa. Ayat-ayatnya ringkas dan pendek-pendek yang terus membawa kepada makna yang dikehendaki. Sekalipun ringkas dan sederhana begitu, namun ia itulah bahasa yang selamat, walaupun masa lebih daripada seribu tahun telah memisahkan antara kita dengan sebahagian kalimah-kalimah yang kini tidak lagi digunakan secara meluas [tetapi terdapat dalam kitab itu].

Dapat kita lihat bahawa kedua-dua pengarang kitab ini berusaha untuk menerangkan sebahagian lafaz-lafaz yang digunakan, lebih-lebih lagi sekiranya lafaz itu bukannya daripada bahasa Arab. Sauvaget dalam muqaddimah terjemahannya telah menguatkan pandangannya bahawa kedua-dua pengarang – dalam sebab penggunaan kata-kata bukan Arab oleh mereka berdua, telah mengubahnya agar sepadan dengan sebutan orang Arab – merupakan penduduk Siraf yang kini terletak di Iran, yang dahulunya dikira sebagai sebuah pelabuhan termasyhur di jalan laut antara Teluk Arab dan Asia Timur. Ini berafsaskan bahawa percampuran kata antara bahasa Parsi dan Arab tidak ada ruang untuk bercambah melainkan di pesisir dan pertemuan sungai-sungai besar seperti Dijlah dan Furat. Juga bersandarkan pada pemerhatian bahawa *uslub* [cara bawaan] kitab ini sangat terkesan tanpa syak lagi dengan cara bawaan para

⁷⁶ Bahasa hadis di sini mungkin dimaksudkan bahasa percakapan yang biasa.

periwayat kisah-kisah yang menimbanya daripada maklumat-maklumat, penyaksian-penyaksian dan kisah-kisah mereka sendiri.

Sekalipun hubungan antara juzuk pertama kitab “*Akhbar As-Sin wal Hind*” ini dengan kitab-kitab karangan ahli geografi Arab sezaman dan sesudahnya seumpama Ibn Khurdazbah (m. 300 H / 913 M) dalam kitabnya “*Al-Masalik wal Mamalik*” agak samar-samar, namun sesungguhnya Ibnul Faqih yang hidup setengah kurun setelah penulisan juzuk pertama kitab “*Akhbar As-Sin wal Hind*” ini dan mengarang kitabnya “*Al-Buldan*” pada tahun 290 H / 993 M telah menyalin bulat-bulat beberapa halaman daripada kitab ini dan menyatakanambilannya tanpa mengubah satu kalimah pun, walaupun dalam masa yang sama terdapat dalam kitabnya beberapa ambilan di sana-sini daripada kitab-kitab lain yang sengaja tidak disebutkan sumbernya.

Adapun Al-Mas’udi, maka beliau secara terang-terangan mengiktiraf dalam kitabnya *Muruj Adz-Zahab* betapa beliau kenal dengan Abu Zaid Al-Hasan As-Sirafi, pengarang juzuk kedua kitab *Akhbar As-Sin wal Hind*. Kerana inilah, tidak pelik jika kita akan bertemu beberapa perenggan dalam kitab *Murujnya* yang sangat-sangat serupa dengan yang terdapat dalam *Akhbar As-Sin wal Hind* yang mana membuatkan kami menggabungkan di akhir kitab ini beberapa perenggan berkenaan⁷⁷ supaya boleh

⁷⁷ Bahagian yang digabungkan itu sengaja tidak saya

para pembaca sendiri membuat perbandingan antara apa yang disebutkan dalamnya dengan apa yang disebutkan oleh *Akhbar As-Sin wal Hind*, sebagai tambahan apa yang telah kami isyaratkan dalam catatan notakaki yang mengingatkan tentang keserupaan ini.

Sesungguhnya Sauvaget dengan kecerdikannya dapat memperlihatkan bahawa sehinggakan kesilapan akibat silap tulis pun turut diikuti oleh Al-Mas'udi tanpa sedar. Contoh hal itu adalah: ketika mana penyalin naskhah di dalam juzuk pertama kitab *Akhbar As-Sin wal Hind*, iaitu semasa menceritakan tentang Gugusan Pulau Lanjbalus yang terdapat di sana penduduk yang ramai dan tidak berpakaian, lelaki wanita, melainkan hanya sehelai daun pokok ditutup di atas kemaluan wanita. Bila mana ada kapal lalu di sana, maka mereka akan datang menghampiri kapal dengan menaiki sampan yang kecil dan besar lalu menjual 'anbar dan kelapa dengan tukaran besi "*serta apa-apa yang mereka kehendaki daripada pakaian*"⁷⁸ daripada pakaian kerana panas dan sejuk itu sama saja pada mereka. [Dalam ayat itu] penyalin naskhah telah menambahkan kalimah (إليه) menjadikan kalimah (ما) menjadi *Isim Mausul* dengan makna (الذي) setelah asalnya ianya [yakni kalimah (ما)] adalah huruf penafian sehingga maknanya jadi tepat [lalu berubah menjadi sebaliknya]. Jika begitu maka bagaimana boleh jadi mereka yang tidak

terjemahkan kerana melihat ia sekadar pengulangan bagi apa yang telah diceritakan dalam kitab ini. -pent.

⁷⁸ Ar: (.. وما يحتاجون (إليه) من كسوة..)

berpakaian itu membeli pakaian pula?⁷⁹

Pertentangan inilah yang Al-Mas'udi terperosok ke dalamnya disebabkan beliau tidak menyedari kesilapan penyalin naskhah itu, bilamana beliau menulis dalam *Murujnya*: *“Pulau-pulau ini bersambung dengan gugusan pulau Najmalus [Lanjbalus], yang dihuni oleh manusia-manusia yang pelik wajahnya, bertelanjang, yang keluar dengan sampan-sampan ketika mana ada kapal melintasi tempat mereka, dengan membawa ‘anbar dan kelapa lalu mereka tukarkan dengan sutera dan beberapa helai pakaian”*.

Kesilapan lain dalam penukilan Al-Mas'udi daripada juzuk pertama *Akhbar As-Sin wal Hind* pada penceritaan tentang Balhara, Raja Hind Teragung: *“Hartanya [yakni matawangnya] adalah dirham yang dipanggil At-Tatarayah. Timbangan setiap dirham itu menyamai satu dirham setengah dan dicop dengan cop Raja. Dan tarikhnya pada tahun daripada wafatnya kerajaan raja sebelumnya, tidak seperti cara orang Arab iaitu dikira bermula daripada zaman Nabi SAW.”* Maka penyalin naskhah juzuk pertama kitab *Akhbar As-Sin wal Hind* telah mengugurkan kalimah *wafat* sebelum kalimah

⁷⁹ Ini sesuatu yang agak teknikal sedikit, iaitu bahasan tentang nahu bahasa Arab. Ringkasnya, jika tanpa kalimah (إليه) yang ditambah oleh penyalin kitab itu maka ayatnya berbunyi begini: *“Dan mereka tidak memerlukan pakaian kerana panas dan sejuk sama saja pada mereka.”* Sebaliknya apabila ditambah kalimah (إليه) maka ayatnya jadi seperti yang saya terjemahkan di atas: *“serta apa-apa yang mereka perlukan..”*. Dengan itu sudah berlaku satu pertentangan [kontradik] kerana penduduk di situ memang tidak berpakaian pun, maka apa sebab pula mereka mahu membeli pakaian?. –pent.

raja sebelumnya sehingga maknanya jadi betul elok.

Sedang Al-Mas'udi pula menulis dalam *Muruj*: “*Baginda menggunakan dirham Tahiriyah yang mana timbangan setiap dirham menyamai satu setengah dirham. Copnya bermula dengan tarikh raja mereka atau kerajaan mereka.*” Walaupun pengarang juzuk pertama *Akhbar As-Sin wal Hind* telah pun menjelaskan bahawa tarikh mereka tidak sama seperti tarikh bangsa Arab yang bermula daripada zaman Nabi SAW, sebaliknya mengikut tarikh [pemerintahan] raja-raja.

Dapat dilihat bahawa Al-Mas'udi menundukkan nas-nas yang dinukilkannya kepada uslub penulisan beliau yang unik, iaitu dengan menambah dan membuang mana-mana uslub sehingga menjadikan ayatnya panjang berjela.

Sebagai contohnya adalah ketika mana kitab *Akhbar As-Sin wal Hind* menyebutkan mengenai sejenis ikan yang kecil menyerang ikan paus: “*Ikan itu sering berada di pangkal telinga ikan besar itu tanpa berpisah sehinggalah ia berjaya membunuhnya.*” Maka kita dapati Al-Mas'udi membawa kisah ini mengikut uslub beliau dengan katanya: “*Apabila ikan besar itu melampaui batas, maka Allah akan menghantar seekor ikan lain yang panjang sekitar sehasta, dipanggil Lusyk, lalu menempel di pangkal telinga ikan besar itu sehingga ia tidak dapat melepaskan diri lagi. Ia akan mengikut ikan besar itu sehingga ke dasar laut, dimana ikan besar itu menghempaskan dirinya di sana sehingga mati, lalu timbul terapung di permukaan air, nampak seumpama sebuah gunung yang sangat besar.*”

Adapun jika kita bandingkan antara *Akhbar As-Sind*

wal Hind dengan *‘Ajaibul Hind* yang ditulis antara akhir kurun ketiga dan awal kurun keempat Hijrah (pertengahan pertama kurun kesepuluh Masehi) dari segi bentuknya, maka akan kita dapati yang kebanyakan khabar-khabar dan kisah-kisah dalam *‘Ajaibul Hind* disandarkan kepada para periwayatnya dengan dinyatakan nama-nama mereka, dalam masa yang sama hal tersebut tidak kita dapati dalam *Akhbar As-Sin wal Hind*.

Boleh jadi yang demikian itu kembali kepada suatu sebab iaitu kitab ini lebih awal zaman penulisannya ketika mana manhaj penulisan sejarah belum lagi terpengaruh dengan cara penukilan riwayat-riwayat hadis dan sunnah yang sangat mengambil berat dalam memastikan sumber ambilan ceritanya.

* * *

Begitu pentingnya kitab *Akhbar As-Sin wal Hind* ini adalah pada hakikat ianya merupakan antara kitab terawal yang menceritakan apa-apa yang ditemui di Lautan Hindi oleh para pelayar Arab berpengalaman sehingga kurun ketiga Hijrah (9 M). Kitab-kitab itu mengulangi pengalaman-pengalaman itu lalu memberi faedah pula, seumpama seorang penunjuk jalan lautan kepada para pelayar itu. Maka kitab ini mempersembahkan kepada kita gambaran laluan-laluan laut yang direntasi oleh orang Arab di Lautan Hind waktu itu, arah barat sehingga pantai Afrika Timur, dan sehingga Pelabuhan Canton di China.

Pengarang kitab kedua, Abu Zaid Hasan As-Sirafi telah menggariskan kepada kita tarikh penulisan juzuk pertama dalam muqaddimah kitabnya, iaitu tahun 237 Hijriah. Dalam masa yang sama, Abu Zaid sendiri tidaklah menyebutkan tarikh penulisannya akan juzuk kedua itu, melainkan beliau memulakan dengan menceritakan kisah pemberontakan yang berlaku di China, yang mana Al-Mas'udi menggariskan tarikh peristiwa itu – dalam kitab *Muruj Adz-Zahab* – pada tahun 264 Hijrah, ia itulah pemberontakan yang beliau sebutkan bahawa beliau telah menukikkan daripada riwayat Abu Zaid Hasan As-Sirafi kepadanya.

Dan riwayat mengenai pemberontakan itu berturutan sehingga tamat pemberontakan dan pemimpinnya dikalahkan, lalu Raja China dapat kembali semula ke ibu kota kerajaannya tetapi itupun setelah menjadi lemah cengkaman kekuasaannya ke atas para penguasa kota-kota di bawahnya. Baginda hanya berpada dengan mendapatkan ketaatan mereka tanpa mereka itu perlu mengirinkan ufti seperti sebelumnya.

Pada waktu yang sama, Al-Mas'udi memberitahu kepada kita dengan jelas bahawa beliau menuliskan riwayat tersebut pada tahun 332 Hijrah, yakni selepas sekitar seratus tahun daripada ditulisnya juzuk pertama kitab ini. Jika kita andaikan yang Al-Mas'udi ada bertemu pada zaman muda beliau dengan Abu Zaid Hasan As-Sirafi yang sudah tua umurnya waktu itu, maka sesungguhnya berkemungkinan untuk kita berkesimpulan bahawa Abu Zaid Hasan As-Sirafi telah mengarang juzuk

kedua itu pada akhir kurun ketiga Hijri atau awal-awal kurun keempat; iaitu selepas sekitar setengah kurun, dan bukannya dua puluh tahun mengikut apa yang disebutkan oleh Dr. Anwar Abdul ‘Alim di dalam kitabnya: “*Al-Mallahah wa ‘Ulum Al-Bihar ‘indal ‘Arab*”⁸⁰ yang menisbahkan juzuk kedua ini kepada Ibn Wahb bin Habbar bin Al-Aswad daripada kabilah Quraisy.

Juzuk kedua itu menyebutkan bahawa beliau ini keluar meninggalkan Basrah setelah pemberontakan puak Az-Zanji yang berlaku di sana pada tahun 257 Hijrah bersamaan tahun 871 Masehi, dan sebelum pemberontakan China tahun 264 Hijrah itu. Beliau ini satu-satunya periwayat kepada Abu Zaid Hasan As-Sirafi tentang kisah pertemuannya dengan Raja China, iaitulah kisah yang berulang kali disebutkan oleh penulis-penulis Arab dengan pelaku yang berbeza serta berlainan pula kejadian-kejadiannya.

Maka jarak dua puluh tahun adalah beza masa antara dikarangnya juzuk pertama kitab ini dengan pemberontakan puak Az-Zanji, dan bukannya beza masa antara dikarangnya kedua-dua juzuk itu. Adapun beza masa yang kedua ini [yakni tempoh dikarang juzuk pertama dengan dikarang juzuk kedua] maka Dr. Husain Fauzi dalam kitabnya: “*Hadis As-Sindabad Al-Qadim*” telah menganggarkan tempohnya adalah enam puluh tahun. Dan ini pada kita lebih hampir dengan kebenaran.

⁸⁰ Ar: (الملاحه وعلوم البحار عند العرب). *Pelaut dan Ilmu-ilmu Lautan Di sisi Bangsa Arab*. –pent.

Semenjak bangsa Arab dapat menyingkap rahsia angin monsun, maka para pelaut mula mampu menjejaki Timur Jauh (iaitu China pada waktu itu) dan ke pantai Afrika Timur, pada masa dimana orang-orang Eropah tidak mengetahui tentang angin ini melainkan pada tahun empat puluh lima (45 M) di tangan Hippalus, seorang Yunani yang hidup pada zaman Empayar Claudius.

Daripada sini, maka sesungguhnya perhubungan antara Jazirah Arab dengan Pantai Timur Afrika pada satu sisi, dan jalan laut menuju ke Hind dan China pada sisi yang lain telah pun berlaku semenjak sebelum Masehi lagi. Sekalipun terdapat kesukaran perhubungan dengan timur Afrika – walaupun nampaknya dekat – melainkan melalui jalan laut, namun sesungguhnya jalan ke Hind dan China – walaupun jauh – tidak terhad kepada jalan laut semata-mata, bahkan di sana terdapat jalan-jalan lain merentas daratan melalui Asia Tengah yang dikenali sebagai Laluan Sutera, lebih-lebih lagi semenjak penaklukan-penaklukan Alexander Macedonia (meninggal pada tahun 323 S.M) yang mana tenteranya menjejakkan kaki sehingga pinggir lima batang Sungai Punjab di India. Baginda lalu meninggalkan beberapa penguasa Yunani di sana yang mana dikenali dengan nama Empayar Hellenistic, ketika sampai di timur yang terjauh di Bukhara yang terletak di sebalik Sungai Saihun.

Adapun sempadan di sebelah barat, maka ia memanjang sehingga ke Wahat Siwah [Lembah Siwah] di padang pasir Mesir Barat.

Dalam masa yang sama, di sana terdapat perhubungan darat dan laut pada sisi yang lain, iaitu Hind dan China yang menuju ke arah barat sehingga sampai ke sempadan pertemuan dengan perhubungan bangsa Arab. Titik terjauh di sebelah barat yang dijejaki oleh kapal-kapal China – sehingga zaman Keluarga Minj [Dinaṣti Ming]⁸¹ [Dinaṣti Ming] – adalah Pelabuhan Quillon di bahagian barat India, dimana jong-jong Canton datang berlabuh di situ pada kurun kedua belas [Masehi], sepertimana juga kapal-kapal perang Hind⁸² – yakni kapal-kapal lanun⁸³ sebagaimana yang disebut oleh orang-orang Arab – turut sampai ke Laut Arab di Lautan Hindi pada zaman tersebut.

Berkaitan perdagangan bangsa Arab di Lautan Hindi dengan bangsa Hind, Melayu dan China, maka sesungguhnya bangsa Arab melalui beberapa peringkat pada laluan laut zaman lampau, iaitu di kawasan selatan Iraq dan pesisir Teluk Arab pada zaman Sasanid (226 – 630 M). Sesungguhnya penguasaan bangsa Arab-Parsi di Pelabuhan Canton, China sampai kepada had kekuatan

⁸¹ Memerintah antara tahun 1368 –1644 Masehi. –notakaki asal secara ringkas. [Pada cetakan pertama terdapat kesilapan, iaitu ditulis Keluarga Manj.] –pent.

⁸² Ar: (بوارج). Kata jama' daripada (بارجة). –pent.

⁸³ Ar: (القراصنة).

dimana pada tahun 785 Masehi ia mampu menguasai bandar tersebut, menjarah dan menyerangnya melalui jalan laut.

Abu Ubaidah Abdullah bin Al-Qasim, saudagar Oman telah belayar dengan dagangannya menuju ke China sebelum berlakunya penjarahan Canton tersebut. Dan seorang saudagar Ibadhi yang lain daripada Basrah, namanya An-Nadhar bin Maimun juga belayar ke China di antara akhir kurun ke lapan atau awal kurun ke sembilan Miladi. Bolehlah dikatakan yang para pedagang Ibadhi tersebut sebagai pembuka jalan bagi pengarang kitab "*Akhbar Al-Hind wa As-Sin*" iaitu Sulaiman At-Tajir dan Abu Zaid Hasan As-Sirafi.

Maksud yang demikian itu adalah bahawa orang-orang Arab telah mampu untuk mengetahui banyak daripada negeri-negeri yang terletak di bahagian timur Lautan Hindi pada zaman awal-awal itu, iaitu sebelum kurun kesembilan [Masehi] berdasarkan sama ada pengembaraan peribadi mereka atau riwayat-riwayat milik para pedagang dan pelaut Arab.

Maka Ibn Raṣṭah (sekitar 930 Masehi) meriwayatkan kepada kita kenyataan-kenyataan mengenai bumi Hind yang beliau nukilkan daripada seorang bernama Abu Abdillah Muhammad bin Ishaq yang telah menghabiskan dua tahun umurnya berada di Qumar (yakni Khmer, nama lama bagi Kemboja). Mengikut sangkaan yang kuat, ini berlaku pada awal kurun kesembilan Miladi. Sebahagian sejarawan mengiranya sebagai sumber asasi [yakni sumber primer] mengenai bumi Hind, tidak saja

bagi Ibn Rastah seorang, bahkan bagi Ibn Khurdazbah (wafat 913 Masehi) dan selainnya dari kalangan ahli geografi Arab.

Adapun perkara yang terkait dengan jalan darat yang membelah Asia Tengah sehingga ke China, maka Krachkopesky berpandangan dalam bukunya: *Sejarah Sastra Geografi Arab*⁸⁴ bahawa awal mulanya pengetahuan bangsa Arab mengenai laluan ini adalah melalui gambaran yang dipersembahkan oleh Tamim bin Bahr Al-Mutawwi'e, yang mana jelas daripada nisbah namanya bahawa beliau ini tergabung dalam kelompok *Al-Mutawwi'ah*⁸⁵ dari kalangan tentera-tentera pengawal perbatasan Islam yang ramai bilangannya di sempadan-sempadan Khilafah, khususnya di Asia Tengah.

Tamim ini telah pergi mengadap Khaqan Turki iaitu At-Tughuzghuz dengan membawa tugas diplomatik berdasarkan apa yang nampaknya terjadi pada zaman antara tahun 132 – 184 H / 760 – 800 M. Yaqut Al-Hamawi (574 – 620 H / 1179 – 1229 M) dan Ibn Khurdazbah telah menyimpan peristiwa ini kepada kita, begitu juga dapat dikesan jejak Tamim ini di sisi sebahagian para ahli geografi seperti: Abu Dulaf (kurun keempat Hijrah / kurun kesepuluh Masehi) dan Al-Idrisi (499 – 566 H / 1100- 1165 M). Dan dengan nama Khalifah Al-Wathiq (227 – 232 H / 842 – 847 M), sebagai

⁸⁴ Ar: (تاريخ الأدب الجغرافي العربي).

⁸⁵ Tentera sukarela atau boleh dikatakan seperti pasukan Wataniah jika di Malaysia. –pent.

perangsang kepada kembara-kembara antaranya kembara yang terkenal oleh Sallam At-Turjuman ke negeri-negeri di utara.

5

Berhubungan dengan lautan Hindi atau Laut Besar Timur – sepertimana yang disebut oleh para pengembara dan ahli geografi kita zaman dahulu – maka sesungguhnya ia telah diredahi oleh para pelaut bangsa Parsi, Arab dan China sejak zaman dahulu kala lagi. Bangsa Parsi dan Arab telah menentukan nama-nama kawasan tertentu mengikut pesisir laut tersebut, iaitulah Laut Parsi yang dikenal hari ini sebagai Teluk Parsi atau Teluk Arab, Selat Oman, Laut Lar atau Laruwi⁸⁶ yang berhadapan pesisir Sindh dan Malibar Barat iaitu berhampiran Pulau India⁸⁷ dan sekitar gugusan pulau Laccadive dan Maldives, kemudian Laut Hirkand antara pulau Sirandib (Ceylon, kemudiannya kini Sri Lanka) dimana terletaknya Teluk Benggala, lalu Laut Kalah⁸⁸ atau Shalahit⁸⁹ iaitu antara pulau-pulau Nicobar dan Andaman dan berhampiran

⁸⁶ Ar: (لار) atau (لاروی).

⁸⁷ Ar: (جزيرة الهند). Lihat di sini bagaimana benua India juga disebut “Jazirah”. Haruslah difahami baik-baik penggunaan kata “Jazirah” yang diterjemah sebagai “pulau” itu. –pent.

⁸⁸ Ar: (بحر كلاه).

⁸⁹ Ar: (شلاهط).

Pulau Melaka⁹⁰, dan Pulau-pulau Hindia Timur⁹¹ atau Zabaj (kini Sumatera)⁹², dan Laut Kundranj⁹³ (Teluk Siam), Laut Sanfa (Indo-China) dan Laut Sankha, iaitu yang ketujuh daripada Lautan China yang direntasi oleh pelayar daripada Basrah atau Siraf. Dan Khanfu pula merupakan pelabuhan China Besar. Hala ke timur daripada China terletaklah Gugusan Pulau Waq-waq.

Adalah memungkinkan bagi kita untuk menghitung tempoh masa yang diambil sepanjang pelayaran waktu itu mengikut tempat-tempat tadi seperti disebutkan dalam “*Akhbar As-Sin wal Hind*” sebagaimana berikut:-

- Daripada Basrah atau Siraf ke Muscat – Dua bulan Qamari.
- Daripada Muscat ke Kolam Mali – Sebulan Qamari.
- Daripada Kolam Mali ke Kalah Bar – Sebulan Qamari.

⁹⁰ Ar: (جزيرة ملقا). Lihat di sini Melaka juga disebut “pulau”. –pent.

⁹¹ Ar: (جزائر الهند الشرقية).

⁹² Ar: (الرابع). Ini adalah pendapat beliau, iaitu Zabaj itu adalah Sumatra, sementara saya sendiri mempunyai pendapat yang berbeza dalam perkara ini yang saya jelaskan dalam notakaki terjemahan kitab ‘*Ajaibul Hind*’ (2016). –pent.

⁹³ Ar: (كندرنج). Pulau Kundur (Melayu), Pulo Condore (English), Poulo Condor (Perancis), Sondur atau Condur (Marco Polo), Con Dao (Vietnam). Nama ini berasal dari bahasa Melayu. Kini dikenali dengan nama Con Son, di selatan Vietnam. –pent. Kemaskini: Berkemungkinan ianya adalah Chendering, Terengganu. Sila lihat kemaskini notakaki 175 dan 176.

- Daripada Kalah ke Sanfa Pulau⁹⁴ – Sebulan Qamari.
- Daripada Sanfa Pulau ke Canton – Sebulan Qamari.

Dengan ini, maka pelayaran boleh dianggarkan selama enam bulan dengan mengambil kira waktu-waktu berlabuh di pelabuhan-pelabuhan dan menunggu tamat musim panas di Canton, kerana orang-orang China – sepertimana yang disebutkan dalam *Akhbar As-Sin wal Hind* – menahan kapal-kapal dari keluar sehingga berakhirnya penggal *angin monsun al-mawatiyah*⁹⁵ untuk kapal-kapal datang berlabuh di Canton. Perbuatan itu adalah sebagai jaminan agar meratanya ruang keadilan dalam memperdagangkan barang-barang import, kadangkala juga untuk menurunkan harga barang dengan melimpahnya barang-barang dagangan di pasaran.

Al-Mas’udi menyebutkan: “*Sesungguhnya musim dimana orang-orang Arab kesemuanya mula belayar di bahagian barat Lautan Hindi adalah ketika matahari berada di Buruj Panah*⁹⁶, yakni pada separuh kedua bulan November dan separuh pertama bulan Disember. Kemudian, kapal-kapal akan kembali daripada Canton bersama tiupan Angin Monsun Timur sehingga ke Selat Melaka di waktu antara Oktober dan Disember, lalu meredahi Teluk

⁹⁴ Ar: (صنف فولاو). Nampak di sini perkataan “Pulau” daripada bahasa Melayu. –pent.

⁹⁵ Ar: (الرياح الموسمية المواتية). Saya tidak tahu istilah yang tepat bagi angin monsun ini. wallahu a’lam. –pent.

⁹⁶ Ar: (القوس). Buruj Sagittarius.

Benggala pada bulan Januari, kemudian belayar daripada Kolam ke Raisut⁹⁷ di Oman pada Februari atau Mac. Dan pelayaran itu sentiasa dibantu oleh tiupan Angin Monsun Timur Laut⁹⁸.

Tetapi kadangkala pelayaran daripada Raisut ke Muscat itu dibantu oleh tiupan lembut yang pertama oleh Angin Monsun Barat Daya⁹⁹ pada bulan April. Kemudian berakhirlah pelayarannya dengan berlabuh sekali lagi di Teluk Arab. Maka perjalanan pergi balik keseluruhannya mengambil masa selama setahun setengah. Setelah itu, para pelaut akan menghabiskan musim panas yang menandatangani pangkuan kaum keluarga mereka, sebelum pelayaran seterusnya pada permulaan musim sejuk.”

Pemergian para pedagang Oman dalam tempoh yang panjang daripada negara mereka memberi kesan sebaliknya pula kepada fiqh mazhab Ibadhi disebabkan kemusykilan yang timbul berkaitan zakat, jizyah dan cukai perdagangan. Maka Muhammad bin Mahbub bin Ar-Rahil pada kurun ketiga Hijrah / kesembilan Masehi telah memberi fatwa bahwa para pedagang Muslim dari kalangan penduduk Oman yang keluar membawa harta mereka untuk berdagang selama beberapa tahun, lalu pulang, dan belum lagi menunaikan zakat, maka mereka mesti menunaikannya apabila pulang.

Demikian juga Al-Imam Al-Muhanna Ibn Jaifur Al-Yahmudi (226 – 237 H / 840 – 851 M) telah mengarahkan

⁹⁷ Ar: (ريسوت).

⁹⁸ Ar: (الرياح الموسمية الشمالية الشرقية).

⁹⁹ Ar: (الرياح الموسمية الجنوبية الغربية).

walikota Suhar¹⁰⁰ agar bertanggungjawab mengutip zakat mereka itu. Namun zakat tidak dikutip daripada sesiapa yang sampai dengan dagangan ‘anbar atau mutiara, sepertimana juga tidak dikutip daripada pedagang Muslim yang bukan penduduk Oman yang cuma singgah sebelum meneruskan perjalanan ke negara mereka. Adapun Ahli Zimmah¹⁰¹ yang berulang alik daripada Siraf dan lainnya ke Oman sekali atau lebih pada setiap bulan, kemudian kembali semula ke negara mereka, maka daripada mereka juga tidak dipungut jizyah, sehinggalah mereka menetap di Oman selama tiga bulan.¹⁰²

6

Adapun laluan lain buat para pelaut Arab di Lautan Hindi adalah laluan daripada pelabuhan berhampiran Jazirah Arab menuju ke pesisiran Afrika. Perhubungan Arab dengan pantai-pantai Afrika bermula sebelum Islam lagi, seperti yang diisyaratkan oleh *Surah Al-Fil* dalam Al-Quranul Karim, dan apa yang telah diriwayatkan daripada Rasulullah SAW dimana sabdanya: “*Aku telah dilahirkan pada Tahun Gajah.*” Iaitulah tahun dimana datangnya Abrahah, Raja Yaman bagi pihak Najasyi Habsyah memimpin tenteranya untuk menghancurkan

¹⁰⁰ Ar: (صحار)

¹⁰¹ Ar: (أهل الذمة) Yakni orang bukan Islam yang hidup dalam negara Islam dan taat kepada pemerintah Islam. –pent.

¹⁰² Yakni, jika menetap di Oman lebih daripada tiga bulan baharulah akan dikutip jizyah daripada mereka. –pent.

Ka'abah sebagai membalas dendam perlakuan seorang Arab menghinakan gereja yang dibinanya di San'aa. Tatkala dia hampir sampai ke Ka'abah, dia dan tenteranya hancur dengan lemparan batu-batu sijjil daripada burung-burung yang membawa batu-batu tersebut pada paruh dan kedua kakinya.

Pada permulaan dakwah, ketika mana penyeksaan pihak Quraisy semakin teruk terhadap mereka yang memeluk Islam, dan Rasul SAW melihat bala yang menimpa para sahabatnya itu, maka baginda bersabda kepada mereka: *“Sekiranya kamu keluar ke bumi Habsyah kerana sesungguhnya di sana ada seorang raja yang seorang pun tidak akan dizalimi di sampingnya, dan itu adalah bumi kebenaran sehinggalah Allah membawakan kepada kalian kelapangan daripada apa yang menimpa kalian ini.”*

Lalu para Muslimun pun keluar menuju ke Habsyah, dan ini merupakan hijrah pertama dalam Islam. Seramai tiga puluh dua orang telah berhijrah ke Habsyah itu. Puak Quraisy berusaha untuk membawa balik kaum Muslimin ke negeri mereka semula, namun usaha itu ditolak oleh An-Najasyi.

Sebilangan besar para sejarawan telah bersepakat mengenai penghijrahan yang berlaku pada zaman Khalifah Umawi¹⁰³, Abdul Malik bin Marwan (65 – 86 H / 685 – 705 M) di waktu Abdul Malik menuruti siasah kekabilahan di sekitar Jazirah Arab, lalu baginda meminta pertolongan daripada beberapa kabilah untuk

¹⁰³ Yakni Bani Umayyah. –pent.

mengalahkan beberapa kabilah yang lain.

Antaranya adalah perlakuan-perlakuan Hajjaj bin Yusuf Ats-Tsaqafi – wakil Khalifah di Iraq – ke atas penduduk Oman, yang memaksa dua orang penguasanya [Oman] bernama Sulaiman dan Said bin ‘Abbad bin Abdul Julandi untuk berhijrah ke Timur Afrika dengan disertai oleh sekumpulan orang daripada kabilah Al-Azd yang tinggal di Oman. Tidak masuk akal untuk kedua orang penguasa Oman tadi berhijrah ke suatu negeri yang dapat mereka dan keluarga mereka hidup aman di sana melainkan kenyataan bahawa telah pun wujud di sana penduduk Oman yang lebih dahulu berpindah ke situ. Sebahagian sumber menyatakan bahawa penghijrahan ini berlaku pada tahun tujuh puluh Hijrah bersamaan tahun enam ratus sembilan puluh Masehi (70 H / 690 M).

Semenjak itu, berlaku berturut-turut penghijrahan orang-orang Arab ke pesisiran timur Afrika bermula daripada golongan Zaidiyyah yang menetap di sekitar Lamu, selatan Somalia kini. Sepertimana juga segolongan penghijrah daripada kabilah Harts yang lari daripada kezaliman penguasa mengikut jalan laut lalu menetap di dua bandar iaitu Mogadishu dan Brawah pada permulaan zaman Fatimiyyin yang memerintah Mesir antara tahun 385 – 566 H / 969 – 1771 M, seperti disebutkan oleh Al-Mas’udi, lalu mereka ini bergabung dengan puak Az-Zanji bagi mengusir golongan Zaidiyyah masuk jauh ke pedalaman.

Barangkali penghijrahan yang paling jauh jejaknya dalam sejarah kaum Muslimin di Timur Afrika adalah

penghijrahan orang-orang daripada Syiraz yang kemudian menetap di belahan selatan pesisir atau yang berhadapan bahagian pesisir negara Tanzania kini, lalu mereka mengasaskan negara pesisir terbesar pertama yang dikenal sebagai Kesultanan Az-Zanji.¹⁰⁴ Yang demikian itu adalah dibawah pimpinan Ali bin Al-Hasan Asy-Syirazi, pengasas bandar Klawah, pada tahun 295 H, menurut pendapat yang terkuat. Al-Mas'udi ada menyebutkan hal itu, dan beliau sendiri telah pergi melawat pesisir Afrika pada kurun keempat Hijrah. Beliau menyebutkan bahawa pembangunan [penempatan] memanjang bermula daripada Mogadishu di utara sehingga ke Sufalah¹⁰⁵ di selatan dengan bandar-bandar yang tidak putus-putus, seumpama bandar Brawah, Malindai, Siwa, Klawah, juga Zanzibar dan Pemba.¹⁰⁶

Adapun laluan pelaut yang ketiga terkenal adalah yang dikenali orang Arab pada kurun pertengahan adalah Laut Rom¹⁰⁷ (Laut Tengah¹⁰⁸ kini).

Andrew Michael merumuskan bahawa khabar-khabar dalam kitab *As-Sin wal Hind* diambil daripada para pedagang dan bukannya para pelaut. Hujah beliau adalah para pelaut arif tentang laut dan pesisirnya, pantai dan

¹⁰⁴ Ar: (سلطنة الزنج)

¹⁰⁵ (سفالة).

¹⁰⁶ Ar: (بمبة), (زنجبار), (كلوه), (سيوى), (ماليندى), (براوه).

¹⁰⁷ Ar: (بحر الروم).

¹⁰⁸ Ar: (بحر المتوسط). Atau kita kenali sebagai Laut Mediterranean.

teluknya; sedangkan para pedagang lebih tahu tentang keadaan dalam negara yang mereka tempati kadangkala beberapa tahun itu, setelah merentasi lautan dan berlabuh di pelabuhannya. Kerana inilah *Akhbar As-Sin wal Hind* lebih luas cakupan penceritaan dan sumber maklumatnya, merangkumi susunan siasah, ekonomi, kemasyarakatan dan kebudayaan negeri-negeri yang mereka singgahi tersebut.¹⁰⁹

* * *

Untuk menerbitkan kitab ini, maka saya bersandarkan kepada dua cetakan sebelumnya, iaitu:-

1. Cetakan Sauvaget bagi Kitab Yang Pertama yang dicetak bersama terjemahan ke bahasa Perancis berserta pendahuluan dan catatan beliau pada tahun 1948 M.
2. Cetakan Reinaud bagi Kitab Yang Kedua bersama terjemahan oleh beliau ke bahasa Perancis berserta pendahuluan dan catatan pada tahun 1845 M.

Kami mengambil faedah yang banyak dari kedua-dua muqaddimah itu dan muqaddimah oleh Gabriel Ferrand dalam terjemahan beliau bagi kedua-dua bahagian kitab ini ke bahasa Perancis yang diterbitkan

¹⁰⁹ Kemudian diteruskan beberapa perenggan sekitar satu halaman yang saya fikir agak kurang penting, maka saya tinggalkan menterjemahnya. –pent.

pada tahun 1922 M. Juga daripada catatan-catatan dan dapatan-dapatan bijaksana mereka serta perbandingan-perbandingan nas kandungan kitab yang hampir serupa daripada tinggalan warisan geografi lautan kita.

Kemudian kami tambahkan kepada semua itu maklumat-maklumat baharu yang dapat kami perolehi daripada sumber-sumber lain, sepertimana kami juga meletakkan tajuk-tajuk pada beberapa perenggan dan kisah-kisah dalam kedua-dua bahagian kitab ini sebagai memudahkan pembacaan dan meluaskan lagi kandungan maksud kedua kitab ini.

Kami turut menyenaraikan indeks bagi sembilan perkara berikut iaitu: Nama-nama orang, kedudukan geografi tempat-tempat, laut-laut, haiwan-haiwan, burung-burung, tumbuh-tumbuhan, makanan dan minuman, galian dan permata, wangi-wangian, pakaian, lafaz-lafaz yang diterangkan maknanya oleh kedua-dua orang pengarang kitab, dan akhirnya nama-nama para ahli geografi dan pengembara yang disebut namanya atau karangannya dalam kitab.

Kemudian kami juga melampirkan sebahagian nas kitab yang hampir sama daripada kitab *Muruj Adz-Zahab* oleh Al-Mas'udi, bagi membuka ruang kemudahan untuk para pembaca membuat perbandingan sendiri di antara nas kandungan yang sezaman dengan kitab ini. Juga tambahan dengan nas daripada Ad-Dinuri bagi beberapa kisah lain yang hampir sama yang terdapat dalam kitab yang kedua.

Hal itu dilakukan dengan harapan agar saya dengan

itu telah memberi suatu sumbangan kepada para pembaca Arab kini – buat kali pertamanya – untuk menjamah sendiri sumber terpenting berkaitan warisan kelautan Arab kita ini, yang mana tidak ada jalan untuk menelaahnya sebelum ini melainkan berpandukan terjemahan para orientalis Perancis melalui beberapa cetakan berbahasa Perancis yang sangatlah jauh untuk dicicipi oleh tangan-tangan dan mata-mata kebanyakan bangsa Arab, lebih-lebih lagi muatan kandungannya seperti kitab tentang adab-adab kembara, dan kepentingannya sebagai sumber terawal dalam sejarah pelayar-pelayar Arab.¹¹⁰

* * *

Ingin saya tegaskan sekali lagi bahawa kalaulah tanpa hubungan timbal-balik yang terjadi antara saya dengan kitab ini, maka tentulah tidak terbuka ruang kepada saya untuk menyingkap sebahagian rahsia dan harta karunnya, (saya tidaklah mendakwa bahawa saya telah menyingkap dan bertemu semua rahsianya, peluang masih terbuka luas untuk orang selain saya juga).

Dan tidaklah mungkin bagi saya untuk mencurahkan

¹¹⁰ Hal yang sama jugalah yang saya harapkan untuk bangsa Melayu melalui terjemahan sulung kitab ini ke dalam bahasa Melayu. Mudah-mudahan terjemahan ini nanti ada dalam setiap rumah di Malaysia dan negara-negara jiran yang penduduknya memahami bahasa Melayu, kerana banyak juga bahagian dalam kitab ini bersangkutan paut dengan rantau kita ini. –pent.

tenaga dan keghairahan yang enak dalam menyelongkar perkaitan-perkaitan antara kitab ini dan karangan-karang lain sama ada yang sezaman dengan kitab ini atau yang terkemudian. Usaha tersebut saya lakukan kerana saya sangat-sangat mahu agar para pembaca mendapat kenyataan yang tepat tentang khazanah pemikiran, karangan-karangan yang setaraf serta kedudukan sejarah seumpama kitab ini.

Itulah yang mendorong saya untuk mengikut sertakan beberapa halaman di bahagian akhir kitab ini beberapa kandungan yang hampir serupa daripada karangan-karangan para pengembara dan ahli geografi lain dengan *Akhbar As-Sin wal Hind* ini.

YUSUF ASY-SYARUNI

Ogos, 1999 M

BAYTUL

HIKMA

MUQADDIMAH NASKHAH

DR. SAIF¹¹¹

TAJUK KITAB

Dalam pencarian kami berkenaan tajuk naskhah tulisan tangannya, maka kami kembali merujuk kepada kitab *Al-Fihriṣṭ* tulisan Ibn An-Nadim (m. 385 H / 995 M), *Miftah As-Sa'adah* oleh Tasyh Kubra Zadeh (m. 968 H / 1560 M), *Kasyfu Az-Zunun 'an Usami Al-Kitab wal Funun* oleh Haji Khalifah (m. 1067 H / 1656 M), *Mu'jam Al-Muallifin* oleh Umar Ridha Kahhalah, *Tarikh At-Turats Al-Arabi* oleh Fuad Sazkin dan karangan-karangan lainnya. Begitu juga kami turut merujuk kepada kitab *Mu'jam Al-Udaba* oleh Yaqut A-Hamawi (m. 626 H / 1228 M), *Wafayat Al-A'yan* oleh Ibn Khallikan (m. 681 H / 1282 M), *Siyar A'lam An-*

¹¹¹ Untuk muqaddimah naskhah ini, saya meninggalkan menterjemah bahagian awal muqaddimahnya yang agak panjang lebar tetapi tidak menyangkut tentang kitab ini secara khusus. Saya hanya menterjemah muqaddimah itu bermula daripada bahasan beliau tentang tajuk kitab ini. Sebagai maklumat sekali lagi, naskhah yang dikaji oleh Dr. Saif ini hanyalah Kitab Yang Pertama oleh Sulaiman At-Tajir sahaja, tanpa bahagian kedua yang ditulis oleh Abu Zaid As-Sirafi. –pent.

Nubala' oleh Adz-Zahabi (m. 748 H / 1347 M), *Syadzarat Adz-Zahab fi Akhbar Man Z'ahab* oleh Ibnul Imad Al-Hanbali (m. 1089 H / 1678 M) dan kitab biografi lainnya.

Namun tidak kami jumpai dalam kesemua itu sebarang isyarat yang menghilangkan selaput kekaburan mengenai tajuk naskhah tulisan tangan kitab ini melainkan pengarang mengisyaratkan dalam bahagian muqaddimah naskhah tulisan tangan ini bahawa “*Inilah kitab berisikan rantaian sejarah, negara-negara, lautan dengan segala ikannya, juga ilmu falak, keajaiban dunia, kedudukan negara-negara serta kawasan yang dihuni serta dibangunkan, hidupan liar*”.¹¹²

Ketika dilakukan penelitian dan bacaan yang fasih, akan ternampak jelas bagi seseorang pembaca bahawa naskhah tulisan tangan ini memuatkan berita-berita pengembaraan yang dilakukan oleh pengarang ke Hind dan China serta membicarakan tentang peristiwa-peristiwa, kisah-kisah, maklumat geografi, falak dan gambaran tempat, yang kesemuanya itu terangkum di bawah apa yang terkenal di sisi orang-orang Arab dan kaum Muslimin pada kurun ketiga dan keempat Hijrah bersamaan kurun kesembilan dan kesepuluh Masehi sebagai *Ilmu 'Ajaib dan Ilmu Al-Masalik*.

¹¹² Perkara ini telah dijelaskan dalam muqaddimah oleh Asy-Syaruni yang saya terjemahkan sebelumnya bahawa bahagian ini bukanlah daripada penulis/kitab asalnya tetapi tambahan dan tempelan daripada orang lain kerana tidak berkait langsung dengan nas kandungan kitab ini. Nampaknya hal ini tidak dibahaskan oleh Dr. Saif. –pent.

Kerana itulah, maka kami keluarkan daripada muqaddimah itu suatu tajuk yang kami fikir munasabah dengan kitab ini, iaitulah: *'Ajaib Ad-Dunya qa Qiyas Al-Buldan*.

NASKHAH-NASKHAH

Dalam mengkaji kitab ini, kami bersandar kepada empat naskhah: satunya naskhah tulisan tangan [makhtutah], dan tiga lagi adalah naskhah bercetak.

NASKHAH TULISAN TANGAN

Adapun naskhah tulisan tangan, maka ianya merupakan satu naskhah yang sangat berharga dan satu-satunya yang mana ia tersimpan di Perpustakaan Nasional di Paris, Perancis di bawah nombor 2281. Ia terdiri daripada 54 helaian kertas, dimana setiap helaian terdiri daripada (A) dan (B) kecuali helaian pertama.¹¹³ Naskhah ini terdapat dua bahagian. Bahagian pertama oleh Sulaiman At-Tajir, dan ia tanpa tajuk, serta membicarakan tentang berita-berita pelayaran daripada dua bandar – Basrah dan Siraf – di Teluk Arab menuju ke Hind dan China. Ia turut menggambarkan keadaan para penduduk pelabuhan-pelabuhan yang dilalui oleh kapal-kapal orang Islam dalam perjalanan menuju ke Hind dan China.

Bilangan helaian kitabnya sebanyak 23 helai dimana setiap helai terdiri daripada (A) dan (B) melainkan helai

¹¹³ Yakni ditulis di kedua-dua belah mukasurat. –pent.

pertama sahaja satu halaman. Tarikh dikarangnya kitab ini kembali kepada tahun 237 H / 851 M. Adapun tarikh naskhah ini, maka ianya kembali kepada tahun 1011 H / 1602 M. Tiada dinyatakan nama penyalin selain nama pertama “*Muhammad*”. Inilah karangan yang menjadi tumpuan kajian ini.

Adapun karangan kedua, maka ia bertajuk “*Min Akhbar As-Sin wal Hind*”, karangan Abu Zaid Al-Hasan bin Yazid As-Sirafi. Beliau menulisnya pada sekitar tahun 304 H / 916 M. Ia bermula daripada helaian ke 24 (A) sehingga akhir naskhah tulisan tangan ini. Naskhah ini mengandungi maklumat dan berita-berita mengenai pelayaran antara kawasan Teluk Arab, negeri-negeri pesisir timur Afrika, Lautan Hindi dan Lautan China pada kurun keempat Hijrah / kesepuluh Miladi, yang mana dikumpulkan oleh pengarangnya sepanjang pengembaraan beliau ke kawasan-kawasan tersebut.¹¹⁴

GAMBARAN NASKHAH KITAB PERTAMA

Naskhah ini ditulis dengan khat *nasakh* yang ditulis pada sekitar tahun 1011 H / 1602 M. Keadaan khatnya jelas, namun terdapat bahagian yang tidak dapat dibaca, gugur huruf dan kalimah serta sedikit kesilapan yang saya

¹¹⁴ Lihat dua muqaddimah yang diterjemahkan sebelum ini yang menyatakan bahawa Abu Zaid As-Sirafi tidaklah menulisnya berdasarkan pengalaman pengembaraan beliau sendiri, tetapi meriwayatkannya daripada para pedagang dan pelaut di Siraf dan Basrah serta sekitarnya. –pent.

isyaratkan hal itu dalam notakaki. Bilangan baris pada setiap helaian adalah empat belas baris yang mana pada setiap baris mengandungi lebih kurang lapan kalimah. Melihatkan kepada tiadanya naskhah kedua yang boleh dijadikan penelitian dan perbandingan, maka saya jadikan naskhah ini sebagai naskhah utama, lalu saya salin dan betulkannya¹¹⁵ serta membandingkannya dengan tiga lagi naskhah bercetak.

Naskhah bercetak sebanyak tiga naskhah semuanya:-

1. Pertama adalah yang diterbitkan oleh seorang Perancis bernama Langles dan dicetak di Percetakan Royale di Paris pada tahun 1811 M dengan tajuk "*Silsilah Tawarikh*". Saya letak simbolnya (س) dalam notakaki.
2. Kedua adalah naskhah yang diterbitkan oleh Jean Sauvaget dengan nama "*Akhbar As-Sin wal Hind*" dan beliau tersilap menisbakkannya kepada Abu Zaid Hasan As-Sirafi. Ia dicetak di Paris pada tahun 1948 M, mengandungi beberapa tambahan yang banyak yang tidak terdapat dalam naskhah asal bertulisan tangan. Saya letakkan simbolnya (ص).
3. Naskhah ketiga adalah daripada penelitian Ibrahim Al-Khauri, diterbitkan pada tahun 1991 M di bawah siri kajian mengenai benua India dengan tajuk "*Akhbar As-Sin wal Hind*". Naskhah

¹¹⁵ Saya jadikan pembedaan itu dalam kurungan begini []. – notakaki Dr. Saif.

ini merangkumi banyak keterangan dan catatan yang benar dan berfaedah. Faedah terpenting yang pengkaji¹¹⁶ dapati daripada naskhah ini adalah kajian yang dikemukakan oleh Ibrahim Al-Khauri berkenaan naskhah asal tulisan tangan serta penerangan beliau sekitar pertelingkahan pendapat para orientalis berkaitan penulis naskhah itu dan tempat tinggalnya. Demikian juga beberapa penjelasan beliau pada beberapa perkataan yang terdapat di dalam kandungan naskhah itu. Saya simbolkan naskhah ini dengan huruf (ع).¹¹⁷

¹¹⁶ Lafaz “Pengkaji” di sini adalah Dr. Saif merujuk kepada dirinya sendiri. –pent.

¹¹⁷ Kemudian Dr. Saif meneruskan dan mengakhiri muqaddimah beliau dengan menerangkan manhaj [metod] kajian dan penelitian beliau terhadap kitab ini. Saya berpendapat tidak ada kepentingan untuk menterjemahkannya, kerana itu saya tinggalkan. –pent.

كتابه فيه سلكه التواريخ والبلاد
 والبحور وانواع الاسماك وفيه علم الفلك
 ومجايب الدنيا وقياس البلدان والمعروف
 منها والوحش ومجايب وغير ذلك وهو
 كتاب يقدر باب
 في البحر الذي بين بلاد الهند والسند وخور
 وماخوز وجبل قاف وبلاد سند وفتح
 ابو حبيش وهو الرجل الذي عاش من العربتين
 وحياي سنة وكان في بعض السنين نزل
 في الماخوز فرأى ابو حبيش الملك السوادى فأتى به الى البحر
 ورواه سلكه مثل السراء وعباد فقواس

Halaman Pertama Naskhah Tulisan Tangan
 (Gambar daripada naskhah Dr. Saif)

مِنْ أَنْهَارِهَا وَالْأَمْطَارِ بِالْبَحْرِ لَدُنْ جَمِيعًا كَثِيرَةٌ وَفِي
بِلَادِ الْهِنْدِ مَعْنَا وَزَكِيَّةٌ وَلِلصِّينِ كُلِّهَا عِمَارَةٌ وَأَهْلُ
الصِّينِ سَمَلٌ مِنْ أَهْلِ الْهِنْدِ وَأَشْبَهُ بِالْعَرَبِ فِي النَّبَاتِ
وَالدَّوَابِّ وَفِيهِمْ فِي مَوَاطِنِهِمْ شَبِيهَةٌ بِالْعَرَبِ فِي السِّبْطِ
الْأَقْبِيَّةِ وَالْمَنَاطِقِ وَأَهْلُ الْهِنْدِ يَلْبَسُونَ قَوَاطِنَ
وَيَتَخَوَّنُونَ بِالسُّبُورِ الذَّهَبِ وَيَكُونُ الرِّجَالُ وَالنِّسَاءُ
سَوَاءً فِي بِلَادِ الصِّينِ مِنَ الْأَرْضِ الْعَرَبِ عَزَّ وَجَلَّ مِنْ
الْتُرْكِ وَخَاقَانِ تَبَّتْ هَذَا مَا يَلِي بِلَادَ التُّرْكِ
فَمَا مَا يَلِي الْخَيْبَرَ فَجَاوِزَ السِّيْلَةَ وَهُمْ سَفْهَاءُونَ
صَاحِبِي الصِّينِ وَبُرْعَمُونَ نَهْمُ أَنْ يَلْمُوا بِهَا دُونَ
الْبَاءِ وَلَمْ يَلْغُهَا أَحَدٌ مِنْ أَصْحَابِنَا فَكَلِمَةٌ
وَلَهُمْ نَرَاهُ يُبَيِّنُونَ تَمَّ الْكِتَابُ لِأَوْلَادِهِمْ

عظمي ١٤٤٢ هـ الكتاب الفقير خدجي عظيم
احمد عظيم الدين احسن الله ما قبتها وما بان
عن اللهم اعصم لكاتبه ووالده ووالده

Halaman Terakhir Naskah Tulisan Tangan
(Gambar naskah Dr. Saif)

من تراثنا البحري



يوسف
الشاروني

أخبار

الصين والهند


لسليمان التاجر
وأبي زيد حسن السيرافي

القرن الثالث الهجري
التاسع الميلادي

دار المصرية اللبنانية

رحلة السيرافي


تحقيق: عبد الله الحبشي



بِحجاب الدنيا

وقياس البلدات

المستوفى لسيهان التاجر
ألفه سنة ٥٢٣٧ - ٨٥١م



دليّة وثقافة

د. سعيد شاهين المرغوب



مركز زايد للتراث والتاريخ

A N C I E N T
A C C O U N T S

O F

I N D I A and *C H I N A*,

B Y T W O

M O H A M M E D A N T R A V E L L E R S .

Who went to those Parts in the 9th Century ;

Translated from the *A R A B I C*,

By the late Learned

E U S E B I U S R E N A U D O T .

With Notes, Illustrations and Inquiries by the same Hand.

Hasan ibn Yazid, ibn ...



L O N D O N :

Printed for Sam. Harding at the Bible and Anchor
on the Pavement in St. Martins-Lane.

M D C C X X X I I I

KITAB PERTAMA

Terdapat dalam kitab ini rangkaian sejarah, negara-negara, lautan dengan segala ikannya, juga ilmu falak, keajaiban dunia, kedudukan negara-negara serta kawasan yang dihuni serta dibangun, hidupan liar dan juga keajaiban-keajaiban yang lain. Dan ini adalah kitab yang sangat bernilai lagi langka.¹¹⁸

BAB MENGENAI LAUT DI ANTARA NEGARA HIND DAN SINDH GHUZ DAN MAGHUZ, GUNUNG QAF, NEGERI SARANDIB DAN FATH ABU HUBAISY

Fath Abu Hubaisy – iaitu seorang lelaki yang umurnya mencapai dua ratus lima puluh tahun. Ada pada tahun sekian dimana beliau ini ketika itu berada di Maghuz, lalu

¹¹⁸ Inilah tajuk pada helaian pertama yang ditambah pada naskhah tulisan tangan yang disebutkan di dalam muqaddimah ianya tidak ada kena mengena langsung dengan isi kandungan kitab. –pent.

beliau berjumpa dengan Al-Hakim As-Sawwah yang membawanya ke laut dan menunjukkan kepadanya sejenis ikan.¹¹⁹ (Adakalanya ia timbul di permukaan laut dengan rumpai-rumpai serta kerang-kerangan laut tumbuh di atas belakangnya. Kadangkala ada kapal yang melabuhkan sauh di atasnya kerana menyangka ianya sebuah pulau. Bila saja mereka menyedari hal yang sebenarnya, tanpa bertangguh lagi mereka segera menarik sauh dan beredar dari situ. Sekali-sekala ikan ini mendepangkan salah satu daripada sirip di sisi tubuhnya itu, maka kelihatanlah)¹²⁰ besarnya sirip itu seumpama layar kapal.

Kadangkala ikan itu mengangkat kepalanya daripada air, maka ia kelihatan seperti sesuatu yang sangat besar sekali. Adakalanya ia menyemburkan air daripada mulutnya, lalu terlihatlah seakan menara tingginya. Apabila laut tenang, ikan-ikan itu akan berkumpul lalu membuat suatu lingkaran. Kemudian ikan-ikan berkenaan akan membuka mulutnya masing-masing sehingga kelihatan air-air yang dikelilingi itu melimpah masuk ke perutnya seolah-olah air itu melimpah ke dalam telaga.

Kapal-kapal yang belayar di lautan amat takut kepada ikan ini. Pada waktu malam, mereka akan meniup

¹¹⁹ Bermula daripada awal Kitab Pertama sampai di sini hanya terdapat dalam naskhah Dr. Saif dan Maktabah Syamilah, tidak dalam naskhah Asy-Syaruni. –pent.

¹²⁰ Bahagian dalam kurungan ini hanya terdapat dalam naskhah Asy-Syaruni. –pent.

terompet seperti trompet orang Nasrani kerana takut kalau-kalau ikan itu melanggar kapal mereka sehingga menyebabkan karam.

Di laut ini juga terdapat sejenis ikan yang kami ada menangkapnya yang mana panjangnya mencecah dua puluh hasta. Kemudian kami belah perutnya lalu kami dapati di dalam perutnya itu terdapat seekor ikan jenis yang sama juga. Setelah itu, kami belah pula perut ikan yang kedua itu, lalu kami dapati di dalam perutnya juga terdapat seekor lagi ikan yang sama. Semua ikan ini bergerak-gerak dan saling tak tumpah rupa setiap satunya.

WAL DAN LUSYK

Bersama ikan besar yang dipanggil *Wal*¹²¹ ini, ada seekor ikan yang dipanggil *Lusyk*¹²² yang panjangnya sekadar satu hasta. Apabila ikan besar tersebut membuat onar dan mengacau ikan-ikan lain di laut, maka ikan kecil ini akan menguasai ikan besar tersebut dengan mendempel bersama-samanya di pangkal telinganya dan tidak berpisah lagi sehingga dibunuhnya ikan besar itu. Apabila ikan kecil itu berada berhampiran kapal, maka ikan besar tadi tidak akan menghampiri kapal berkenaan kerana mahu memisahkan diri daripada ikan kecil tersebut.

Di laut ini juga diceritakan ada sejenis ikan yang wajahnya berwajah manusia serta dapat pula terbang di

¹²¹ Ar: (الوال). Sama namanya dalam bahasa Inggeris iaitu *Whale*, yakni paus. –pent.

¹²² Ar: (اللشك).

atas air. Nama ikan ini adalah *Miy*¹²³. Ada juga ikan lain di bawah air yang sentiasa mengintip pergerakan ikan terbang tadi hingga bila saja ikan itu jatuh ke air, maka segera disambar dan ditelannya. Nama ikan ini adalah *Unqutus*. Semua jenis ikan saling memakan sesama sendiri.

LAUT HAKAKAND¹²⁴

Laut yang ketiga adalah Laut Harakand. Antaranya dengan Laut Dalarawa¹²⁵ terdapat banyak sekali pulau-pulau sehingga dikatakan seribu sembilan ratus (1900) buah pulau banyaknya. Dan pulau-pulau itu menjadi pemisah antara dua buah laut berkenaan, Dalarawa dan Harakand.

Pulau-pulau tersebut di bawah kekuasaan kerajaan seorang perempuan. Di pulau-pulau berkenaan terdapat ‘anbar dalam jumlah yang banyak dan besar-besar ukurannya. Bahkan setiap satunya ada yang sebesar sebuah rumah dan seumpamanya. ‘Anbar ini tumbuh di dasar laut. Apabila gelombang laut terlampau kuat, maka ia akan melemparkan ‘anbar itu dari dasar naik ke darat seumpama kulat dan cendawan.

Gugusan pulau yang dikuasai perempuan ini

¹²³ Ar: (الميج).

¹²⁴ Dalam naskhah Asy-Syaruni di sini diberikan tajuk “*Kepulauan Yang Diperintah Oleh Seorang Perempuan*”. –pent.

¹²⁵ Ar: (بحر دلا روى). Beginilah tertulis dalam naskhah Syamilah. Manakala dalam dua naskhah lagi ditulis (لا روى). Dalam notakaki naskhah Asy-Syaruni dinyatakan bahawa ia adalah Laut Arab. *Wallahu a’lam*. –pent.

dipenuhi banyak pokok kelapa dan jarak antara satu pulau ke satu pulau yang lain adalah sejauh dua, tiga atau empat farsakh. Kesemuanya makmur dengan para penduduk dan pokok-pokok kelapa. Harta mereka¹²⁶ adalah kulit siput. Sang Ratu yang memerintah menyimpan kulit siput dalam khazanah perbendaharaan baginda.

Dikatakan bahawa tidak ada yang lebih hebat dalam kepandaian daripada penduduk di pulau ini. Seinggakan mereka mampu membuat baju qamis yang siap ditenun itu lengkap berjahit dengan dua lengan, dua pesak¹²⁷, serta poket. Mereka juga membina kapal-kapal dan rumah-rumah, serta melakukan segala kerja yang berkait dengan kepandaian dan kemahiran yang pelbagai.

Kulit siput didapati oleh mereka daripada laut dalam keadaan siput itu masih lagi bernyawa. Lalu diambil pelepah nyiur lantas dicampakkan ke atas permukaan laut sehingga siput-siput tadi bergayutan padanya. Mereka menyebut siput itu sebagai “*Kabtah*¹²⁸”.

¹²⁶ Yakni matawang. –pent.

¹²⁷ Ar: (الدخريين)

¹²⁸ Ar: (الكبتح). Dalam naskhah Dr. Saif ditulis “*Kabtaj*” (الكبتح), manakala dalam naskhah Asy-Syaruni pula “*Kastaj*” (الكستج). –pent. Kemaskini: Mungkin ianya adalah “*Kubanj*” yakni Kupang. Ini kerana dalam bahasa Arab, huruf nun dan jim akan digunakan sebagai ganti sebutan yang berakhir dengan “ng” seperti Pahang disebut Bahanj, Penang disebut Binanj dan semisalnya.

**GUNUNG DI PULAU SARANDIB TEMPAT DI MANA
NABI ADAM DITURUNKAN¹²⁹**

Pulau yang terakhir dalam gugusan pulau-pulau ini adalah Sarandib yang terletak di Laut Harakand, dan ia itulah kepala bagi segala pulau tersebut. Mereka memanggilnya Dibajat¹³⁰. Di Sarandib terdapat tempat selaman mutiara. Laut pulau ini berada di sekelilingnya..

Di buminya terdapat sebuah gunung yang dipanggil Rahwan¹³¹ dimana di atas gunung itulah diturunkan Adam alaihissalam. Kesan telapak kaki baginda terdapat pada sebongkah batu di puncak gunung ini dimana kesan itu telom pada batu tersebut. Di puncak gunung ini hanya terdapat satu kesan telapak kaki. Dikatakan bahawa Baginda alaihissalam melangkahakan kakinya yang satu lagi di laut. Dikatakan juga bahawa kesan telapak kaki yang di puncak gunung ini ukurannya lebih kurang tujuh puluh hasta.

Di sekitar gunung berkenaan terdapat kawasan galian permata yaqut merah dan kuning serta *Asmanjuni*¹³². Terdapat dua raja yang memerintah di pulau ini.¹³³ Pulau

¹²⁹ Tajuk daripada naskhah Asy-Syaruni. –pent.

¹³⁰ Ar: (الدبيجات).

¹³¹ Ar: (الرهون). Atau disebut juga *Rawana*. –pent.

¹³² Ar: (الاسمانجوني). Warna biru muda yang dinisbahkan kepada bunga *Irsa* (الإرسا) yang bernama *Asmanjun* (الأسمنجون). –notakaki naskhah Dr. Saif dan Asy-Syaruni.

¹³³ Ibnul Faqih dalam kitabnya “*Al-Buldan*” menyebutkan terdapat tiga orang raja. –notakaki naskhah Dr. Saif.

ini juga besar dan lebar dengan hasilan seperti gaharu, emas, permata dan di perut lautnya tersimpan mutiara serta *syank*¹³⁴ – iaitu cengkerang siput laut yang dibuat trompet – adalah antara apa yang mereka jadikan harta simpanan.

TENGGORAK KEPALA UNTUK MENDAPATKAN ISTERI¹³⁵

Di laut ini, sekiranya seseorang belayar ke Sarandib, tidaklah didapati pulau-pulau yang terlalu banyak. Melainkan pulau-pulau yang ada itu besar dengan keluasannya tidak dapat ditaksirkan. Antara pulau-pulau berkenaan adalah Pulau Ramuni¹³⁶. Terdapat banyak raja di pulau ini. Keluasannya dikatakan sebanyak lapan ratus atau sembilan ratus *farsakh*. Di sana terdapat galian emas. Juga di sana terdapat sebuah kawasan yang dipanggil Fansur¹³⁷ yang mana *kafur*¹³⁸ yang terbaik datang dari situ.

Pulau-pulau lain yang mengiringi pulau ini antaranya ialah Pulau yang dipanggil Nian¹³⁹. Penduduk di situ memiliki emas yang banyak. Makanan mereka adalah

¹³⁴ Ar: (الشنك).

¹³⁵ Tajuk daripada naskhah Asy-Syaruni. –pent.

¹³⁶ Ar: (الرامني). Ini adalah nama bagi Pulau Sumatera pada zaman tersebut. Juga dikenal dengan nama Rami, Ramni. Nama pulau-pulau tertentu adakalanya berubah mengikut zaman. Kerana itu kadangkala kita dapati dalam kitab-kitab klasik Arab disebut nama yang berbeza sedangkan ia merujuk kepada tempat yang sama. –pent.

¹³⁷ Ar: (فنصور). Dikenal juga dengan nama Barus. –pent.

¹³⁸ Ar: (الكافور). Kapur, atau Kapur Barus. –pent.

¹³⁹ Ar: (النيان). Atau dikenal hari ini dengan Pulau Nias. –pent.

kelapa. Dengannya mereka jadikan lauk serta minyak. Jika salah seorang penduduk di pulau itu ingin berkahwin, dia tidak akan dikahwinkan melainkan jika dia memiliki tengkorak kepala musuh mereka. Sekiranya si lelaki itu membunuh dua orang musuh, maka dia dikahwinkan dengan dua orang perempuan. Demikianlah jika dia berjaya membunuh lima puluh orang, maka dia akan dikahwinkan dengan lima puluh orang perempuan bersamaan dengan lima puluh tengkorak yang berjaya diperolehinya itu. Sebab hal yang demikian adalah kerana musuh-musuh mereka itu ramai. Dengan itu, barangsiapa yang lebih banyak membunuh musuh, maka kecintaan mereka kepadanya pun bertambah-tambah pula.

Di pulau ini juga – maksudku Pulau Ramuni – terdapat banyak gajah. Di sana juga terdapat *baqqam*¹⁴⁰ serta buluh¹⁴¹. Di situ juga ada kaum pemakan manusia. Pulau ini memanjang antara dua laut, iaitu Laut Harakand dan Shalahit¹⁴².

¹⁴⁰ Ar: (البقم). Sejenis pokok yang digunakan untuk dibuat pewarna celupan. Ini menurut notakaki naskhah Dr. Saif yang memetik daripada Lisanul Arab. Manakala dalam notakaki naskhah Asy-Syaruni ada tambahan: daunnya seperti daun pokok *Lauz*, batangnya pokok berwarna merah. –pent.

¹⁴¹ Ar: (الخيزران). “*Khaizurān*” ini merangkumi juga pokok rotan. Kerana itu ada antara orang tua-tua menyebut pokok rotan itu sebagai “*Buluh rotan*”. –pent.

¹⁴² Ar: (شلاط). Ini adalah sebutan Selat, yakni Selat Melaka kini. Sebutannya begini: “*Shelat*”, namun disebabkan bahasa Arab tiada

PULAU-PULAU ORANG TIDAK BERPAKAIAN¹⁴³

Setelah pulau ini, terdapat gugusan pulau dipanggil Lanjbalus¹⁴⁴. Di sana ramai penduduk yang tidak berpakaian, baik lelaki mahupun perempuan. Melainkan di atas bahagian sulit perempuan terdapat sejenis daun pokok buat menutupnya. Sekiranya ada mana-mana kapal melalui kawasan mereka, maka penduduk di situ akan menghampiri kapal menggunakan sampan yang kecil dan besar untuk menjual ‘anbar dan kelapa dengan tukaran besi. Mereka tidak memerlukan pakaian kerana di tempat mereka tidak panas dan tidak pula sejuk.

PEMAKAN DAGING MANUSIA¹⁴⁵

Selepas mereka, terdapat dua buah pulau yang dipisahkan oleh laut. Kedua pulau itu dipanggil Andaman¹⁴⁶. Penduduknya memakan manusia hidup-hidup. Mereka itu berkulit hitam, berambut kerinting dengan rupa dan mata yang menakutkan. Kaki mereka pula panjang-

baris untuk huruf “e” maka ia jadi “*Shalaht*”. Huruf “ha” itu sebagai menunjukkan tekanan sebutan huruf contohnya sebutan Rawana sebelum ini yang ditulis (الرهون) “*Rahwana*”. Namun, berdasarkan pemerhatian saya, yang disebutkan (شلاهط) itu bukanlah sepanjang-panjang Selat Melaka kini, tetapi hanyalah laut bahagian utara Selat Melaka sahaja, iaitu berhampiran Perak, Kedah, Perlis dan sekitarnya.–pent.

¹⁴³ Tajuk daripada naskhah Asy-Syaruni. –pent.

¹⁴⁴ Ar: (لنجبالوس). Atau Lanjalus. Kepulauan Nicobar kini. –pent.

¹⁴⁵ Tajuk daripada naskhah Asy-Syaruni. –pent.

¹⁴⁶ Ar: (اندامان).

panjang. Kemaluan [yakni zakar] mereka seumpama lengan. Mereka bertelanjangan bulat. Mereka tidak memiliki sampan. Kalaulah mereka memilikinya, pastilah mereka akan memakan sesiapa saja yang melintasi kawasan pulau itu. Barangkali ada terjadi sesetengah kapal yang tertahan dan tidak dapat meneruskan pelayaran di laut berkenaan akibat angin, lalu mereka mencampakkan muatan dan setelah itu mendekati penduduk pulau itu untuk meminta bekalan air tawar. Boleh jadi mereka akan tertangkap lalu banyaklah yang terbunuh.

BUKIT PERAK¹⁴⁷

Setelah pulau ini, ada sebuah gunung yang letaknya bukan di laluan biasa kapal-kapal. Dikatakan bahawa di gunung itu terdapat galian perak. Gunung itu tidak berpenghuni. Tidak semua kapal yang hendak menuju ke pulau itu dapat sampai ke sana. Yang menjadi petunjuk kepada pulau berkenaan adalah sebuah gunung di situ yang dikenal sebagai *Al-Khusynami*¹⁴⁸.

Ada sebuah kapal melalui kawasan berkenaan lalu ternampak gunung yang tersebut. Mereka lalu belayar menghala ke arahnya. Apabila pagi tiba, mereka pun turun dalam sebuah sampan untuk mengumpulkan kayu-kayu api lalu menyalakan api di situ, lantas perak yang ada di situ menjadi cair. Dengan itu mereka merasa yakin bahawa ia memang galian perak yang tulen. Lalu mereka

¹⁴⁷ Tajuk daripada naskhah Asy-Syaruni. –pent.

¹⁴⁸ Ar: (الخشنامي).

pun mengangkut seberapa banyak perak yang dimahukan untuk dibawa balik ke kapal. Apabila kapal mula belayar, tiba-tiba laut menggila. Mahu tidak mahu, terpaksa mereka mencampakkan kesemua muatan perak yang telah mereka kumpulkan sebelum itu. Setelah kejadian itu, ada juga orang lain yang mencuba untuk mengesan semula jalan untuk menuju ke gunung berkenaan, namun gagal mencari jalan ke sana.

Perkara seperti ini banyak sekali berlaku di laut. Tidak dapat dihitung dimana terdapatnya banyak pulau yang terhalang dan tidak diketahui oleh para pelaut. Ada di antaranya yang memang tidak mampu untuk para pelaut sampai ke sana.

RIBUT LAUT¹⁴⁹

Kadangkala kelihatan di laut ini ada awan yang putih menyelubungi kapal-kapal, lalu keluar suatu lidah yang panjang dan nipis sehingga lidah tersebut mencecah air laut. Kemudian air laut itu akan meninggi seumpama puting beliung. Apabila puting beliung itu menghampiri kapal, ia lalu menelannya. Awan tersebut kemudian meninggi lalu mencurahkan hujan yang lebat ke dalam laut. Aku tidak tahu apakah keadaan ini menunjukkan awan tersebut meminum air laut atau bagaimana.

Kesemua laut di lautan ini bergelombang kuat dimana angin sentiasa menolak dan menggerakannya

¹⁴⁹ Atau puting beliung. Tajuk ini daripada naskhah Asy-Syaruni. -pent. Kemaskini: Belalai air.

sehingga menggelegak seakan gelegaknya air mendidih dalam periuk lalu mencampakkan apa saja yang ada di dalamnya ke pulau-pulau yang ada di sana serta memecahkan kapal-kapal dan juga melontarkan bangkai-bangkai ikan yang besar-besar bersaiz gergasi. Bahkan kadangkala ia juga mencampakkan bongkah-bongkah batu dan bukit gunung seperti mana busur melontarkan anak panahnya.¹⁵⁰

Adapun Laut Harakand, maka di situ anginnya lain daripada angin tersebut tadi, iaitu di antara Barat dan Bintang Tujuh¹⁵¹. Angin ini meniup membangkitkan gelombang seumpama menggelegaknya air mendidih dalam periuk lalu mencampakkan ‘anbar yang banyak sekali. Semakin luas dan dalam dasar satu-satu laut itu, maka semakin baik pula ‘anbarnya. Laut ini – aku maksudkan Laut Harakand – apabila gelombang ombaknya semakin membuak, maka engkau akan melihatnya seakan-akan api yang bernyala-nyala. Di laut ini juga terdapat sejenis ikan yang dipanggil *Lukhm*¹⁵² yang ganas dan menelan manusia.

¹⁵⁰ Ini menunjukkan kejadian tsunami di kawasan Lautan Hindi berdekatan India dan Nusantara memang sesuatu yang tidak asing dalam pengetahuan para pelaut zaman dahulu. –pent.

¹⁵¹ Ar: (بنات نعيش). Bintang tujuh di langit utara. –pent.

¹⁵² Ar: (اللحم).

(Pada ketika-ketika tertentu, berlaku kekurangan barang dagangan)¹⁵⁴. Di antara penyebab kurangnya barang dagangan adalah kebakaran yang kadangkala berlaku di Khanfu¹⁵⁵ yang merupakan pelabuhan segala kapal-kapal dan tempat berkumpulnya segala jenis perniagaan bangsa Arab dan penduduk China dimana kebakaran itu akhirnya merebak kepada barang-barang dagangan. Punca kebakaran itu adalah disebabkan rumah-rumah di sana dibina daripada kayu dan buluh.

Antara sebab yang lain kurangnya barang dagangan adalah karamnya kapal yang datang, atau berlakunya rampasan terhadap kapal-kapal tersebut. Boleh jadi juga kapal-kapal terpaksa berlabuh di satu-satu tempat dalam tempoh yang lama sehingga menyebabkan mereka terus menjualkan barang dagangan itu di tempat tersebut dan bukannya di negara Arab. Adakalanya angin membelokkan mereka terus sampai ke Yaman atau

¹⁵³ Tajuk ini daripada saya sendiri (penterjemah). Dalam naskhah Asy-Syaruni diberi tajuk: “*Suatu Kaum Yang Sedikit Barangan Mereka*”. Manakala dua naskhah lagi tiada tajuk khusus. –pent.

¹⁵⁴ Ada yang tertinggal dan tidak jelas pada naskhah makhtutatnya. Ayat dalam kurungan adalah tambahan daripada naskhah Dr. Saif oleh beliau sendiri. Saya (penterjemah) melihat ianya munasabah berdasarkan konteks penceritaan selepasnya. Sementara dalam naskhah Syamilah dan Asy-Syaruni ditulis begini: “.. *Di tangan mereka semua ini maka barang dagangan berkurangan.*” –pent.

¹⁵⁵ Ar: (خانفو). Guangzhou kini. –pent.

lainnya, lalu mereka menjualkan barang di sana. Boleh jadi juga mereka terpaksa tinggal lama untuk memperbaiki kapal-kapal mereka, serta pelbagai macam sebab musabbab yang lain.

SEORANG MUSLIM MENGELOLA HUKUM-HAKAM ORANG ISLAM DI KHANFU¹⁵⁶

Saudagar Sulaiman telah menyebutkan bahawa di Khanfu yang merupakan tempat berhimpunnya para pedagang ada seorang lelaki Muslim yang dilantik oleh Raja China sebagai hakim bagi kaum Muslimin yang berdagang ke sana. Beliau itu memang dilantik atas kehendak Raja sendiri. Apabila tiba Hari Raya, beliau akan bersolat bersama kaum Muslimin, berkhotbah dan berdoa buat Sultan kaum Muslimin. Sesungguhnya para pedagang daripada Iraq tidaklah mengingkari sedikitpun kekuasaan lelaki tersebut, baik dari segi hukum dan keilmuannya berhubung kebenaran, Kitabullah Azza wa Jalla serta hukum-hakam Islam.

PELAYARAN KAPAL-KAPAL CHINA ANTARA SIRAF DAN OMAN¹⁵⁷

Adapun tempat-tempat yang disinggahi dan ditujui oleh kapal-kapal itu, maka mereka menyebutkan bahawa

¹⁵⁶ Tajuk daripada naskhah Asy-Syaruni. –pent.

¹⁵⁷ Tajuk daripada naskhah Asy-Syaruni. Dalam naskhah Dr. Saif diberi tajuk: *“Jalan Perdagangan Laut Daripada Basrah Ke Hind Dan China”*. –pent.

kebanyakan kapal-kapal China¹⁵⁸ itu membawa barang dagangan daripada Siraf¹⁵⁹. Dan bahawasanya barang dagangan dibawa daripada Basrah, Oman dan lain-lainnya ke Siraf, lalu dimuatkan ke dalam kapal-kapal China. Hal itu disebabkan gelombang di laut ini begitu kuat serta sedikitnya air¹⁶⁰ pada sesetengah tempat daripadanya. Jarak antara Basrah dan Siraf mengikut jalan air adalah seratus dua puluh farsakh. Setelah barang dagangan dilengkapi dan bekalan air minum diperolehi di Siraf, maka mereka akan belayar keluar ke sebuah tempat bernama Masqat¹⁶¹ – iaitu penghujung daerah Oman yang mana jarak daripada Siraf ke situ adalah sekitar dua

¹⁵⁸ Ar: (السفن الصينية). Ini adalah suatu nama umum. Bukan semestinya kapal itu milik pedagang China sahaja. Kemungkinan ianya milik pedagang sekitar China seperti Sanfa, Kalah, Rami dan lain-lain namun terdapat kesamaan dari segi saiz dan reka bentuk kapalnya. Sama seperti pinggan mangkuk tembikar yang disebut sebagai (الصينية) atau “china” walaupun tidak dibuat di China, walaupun asal istilah ini dahulu memang merujuk kepada tembikar daripada China, namun akhirnya sudah menjadi nama umum. *Wallahu a’lam.* –pent.

¹⁵⁹ Kerana peranan Siraf sebagai pelabuhan import eksport terunggul di Teluk Parsi ketika itu. Sama juga seperti peranan Kalah (Kedah) pada zaman itu yang menjadi pelabuhan titik tengah pelayaran antara kapal-kapal daripada Hind dan China. –pent.

¹⁶⁰ Yakni ceteknya air pada sebahagian kawasan daripada Siraf ke Basrah, Oman dan lain-lain itu. Kerana inilah kapal-kapal China yang besar-besar saiznya itu hanya berlabuh setakat di Siraf sahaja. –pent.

¹⁶¹ Ar: (مسقط). Muscat, Oman. –pent.

ratus farsakh.

Di arah Timur laut ini di antara Siraf dan Masqat ada negeri-negeri seperti Saif Bani Saffaq¹⁶² dan Pulau Ibn Kawan¹⁶³. Di bahagian barat laut ini pula terdapat pergunungan Oman dimana terdapat di situ tempat yang bernama Dardur¹⁶⁴ yang merupakan laluan sempit antara dua gunung yang hanya boleh dilalui oleh kapal-kapal kecil, manakala kapal-kapal China tidak dapat lalu di situ¹⁶⁵.

Di situ juga terdapat dua buah gunung yang dipanggil *Kusair*¹⁶⁶ dan *Uwair*¹⁶⁷ yang mana hanya sebahagian kecil

¹⁶² Ar: (سيف بني الصفاق). Menurut Yaqt di dalam kitabnya “*Mu’jam Al-Buldan*” Saif Bani Saffar (سيف بني الصفار) memiliki penempatan di pesisir Laut Parsi yang mana pesisir itu dinisbahkan kepada mereka serta dikenal dengan nama mereka. Mereka ini termasuk daripada kaum keluarga Al-Julandi (الجلندي). –notakaki naskhah Dr. Saif.

¹⁶³ Ar: (جزيرة ابن كاوان). Jazirah Kawan. Dan disebut juga Jazirah Bani Kawan: sebuah pulau yang besar – iaitulah Jazirah Lafit – terletak di Laut Parsi antara Oman dan Bahrain. Uthman bin Abil ‘Ash Ats-Tsaqafi telah membukanya pada zaman Umar bin Al-Khattab ketika mana hendak berperang dengan Parsi di Bahrain lalu beliau melintasinya dalam perjalanan itu. Pulau ini termasuk pulau yang ternama, makmur dengan penduduknya. Terdapat kampung dan ladang-ladang. Namun kini ia telah ditinggalkan orang. (*Mu’jam Al-Buldan*; j 3: h 139). –notakaki naskhah Dr. Saif.

¹⁶⁴ Ar: (الدردور).

¹⁶⁵ Kerana kapal-kapal China itu besar buatannya. –pent.

¹⁶⁶ Ar: (كسير).

¹⁶⁷ Ar: (عوير).

saja daripada puncaknya terlihat di permukaan air. Apabila kita telah melewati gunung-gunung itu, maka kita akan sampai ke sebuah tempat yang dipanggil Suhar Oman¹⁶⁸ dan dari sanalah bekalan air tawar dari Masqat diperbaharui dengan mengambil daripada telaga-telaga yang terdapat di situ. Sebuah gunung tersergam di situ yang mana terdapatnya kambing-kambing daripada Oman.

DARI MASQAT KE HIND

Daripada sini, kapal-kapal akan belayar ke Negeri Hind menuju ke Kolam Mali¹⁶⁹. Jarak daripada Masqat ke Kolam Mali adalah sebulan berdasarkan tiupan angin yang sederhana¹⁷⁰. Di Kolam Mali terdapat pos kawalan negeri Kolam Mali yang mana apabila kapal-kapal China datang – di situ terdapat bekalan air tawar daripada telaga-telaga – maka akan dikutip bayaran daripada kapal China sebanyak seribu dirham, manakala kapal-kapal lain pula bayarannya antara sepuluh ke dua puluh dinar.

Di antara Masqat – Kolam Mali – dan Harakand ada lebih kurang sebulan perjalanannya. Di Kolam Mali itulah akan diperbaharui bekalan air tawar. Setelah itu, kapal akan bertolak ke Laut Harakand. Apabila melewati laut berkenaan, mereka akan sampai ke sebuah tempat yang

¹⁶⁸ Ar: (صُحَار عمان). Dalam naskhah Dr. Saif, huruf (ص) dibariskan fathah. –pent.

¹⁶⁹ Ar: (كولم ملي).

¹⁷⁰ Ar: (اعتدال الريح) boleh juga difahami sebagai tiupan angin yang baik yakni tanpa gangguan ribut. –pent.

dipanggil Lanjbalus yang mana penduduknya tidak memahami bahasa Arab serta bahasa-bahasa lain yang biasa digunakan oleh para saudagar. Mereka itu kaum yang tidak berpakaian, berkulit putih serta berwajah tanpa janggut atau jambang.

Para pelayar menyebutkan bahawa kaum perempuan daripada penduduk itu tidak pernah kelihatan. Ini kerana kaum lelaki mereka akan keluar daripada pulau pergi kepada kapal-kapal dengan menaiki sejenis perahu yang diperbuat daripada sebatang balak yang ditebuk. Mereka akan membawa bersama buah kelapa, tebu, pisang serta nira kelapa¹⁷¹; ia itulah sejenis minuman berwarna putih. Apabila diminum sejurus setelah diambil daripada kelapa ia begitu manis umpama madu. Apabila dibiarkan lama sedikit, ia menjadi arak. Jika dibiarkan beberapa hari, ia akan menjadi cuka.

Mereka akan menjual barang-barang tadi dengan tukaran besi. Kadangkala ada juga sedikit wangian ‘anbar yang didapati mereka lalu dijual dengan harga sepotong besi saja. Proses jual beli itu berlaku menggunakan isyarat dan serah-menyerah berlaku ketika itu juga disebabkan mereka itu tidak memahami bahasa. Mereka amat cekap sekali berenang. Kadangkala ada antara mereka yang merampas begitu saja besi daripada para saudagar itu tanpa memberi apa-apa.

¹⁷¹ Ar: (شراب النرجيل).

Daripada kawasan itu, kapal-kapal kemudiannya akan bertolak menuju ke sebuah tempat yang dipanggil Kalah Baar¹⁷³. Seluruh kerajaan dan pantai di situ semuanya dipanggil Kalah Baar, yang mana ia itulah Kerajaan Zabaj¹⁷⁴ yang berkedudukan ke kanan daripada Negeri

¹⁷² Tajuk daripada naskhah Asy-Syaruni. –pent.

¹⁷³ Ar: (كلاه بار). Berkemungkinan yang dimaksudkan adalah Kuala Bara. Menurut notakaki no. 30 buku *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Bara kini dikenali sebagai Pakbara dalam negeri Setul (Satun), di selatan Thailand.

¹⁷⁴ Ar: (مملكة الزابج). Kemaskini: Dalam kitab *Nukhbat al-Dahr* (hlm 152) disebut (بحر الرانج بالراء المهملة من بحر الصين، وبها جزائر الرانج) yang bermaksud: “*Laut Rong* (di sini pengarang memastikan bahawa perkataan itu dengan huruf Ro, bukan huruf Zai) adalah termasuk di dalam *Laut China*, dan di situ terletakanya Pulau-pulau Rong.” Di sini membuat kita berfikir apakah perkataan (الرانج) yakni “Rong” ini merujuk kepada Merong Mahawangsa? Berdasarkan apa yang disebutkan beliau ini, sebutan untuk kalimah tersebut adalah Rong dan bukannya Zabaj.

Namun, Yaqut al-Hamawi di dalam *Mu’jamnya* (3/124) pula memastikan bahawa sebutannya adalah Zabaj. Kata beliau: (الزابج براي) وباء موحدة وآخره جيم هي جزيرة بأقصى الهند وراء بحر هرکند في حدود الصين، وقيل هي بلاد الرانج) yang bermaksud: “*Zabaj*, iaitu dengan huruf *Zai* diikuti huruf *Ba* dan diakhiri huruf *Jim* adalah sebuah pulau di penghujung Hind setelah Laut Harakand, bersempadankan China. Dikatakan ia adalah negeri *Zanj*, yakni bangsa kulit hitam.”

Dalam *Ajaibul Makhlukat* (hlm. 152) cetakan Faruq Saad pula, kalimah ini disebut Rataj. (جزيرة راتج بالراء والتاء المثناة من فوق وهي جزيرة كبيرة)

Hind di bawah penguasaan seorang Raja. Pakaian penduduk di situ adalah kain sarung¹⁷⁵. Orang kaya dan orang kebanyakan mereka semuanya memakai kain sarung yang sama. Di sana diperbaharui lagi bekalan air tawar daripada telaga-telaga. Penduduk di sana lebih mengutamakan air telaga berbanding air mata air atau air hujan.

Jarak antara Kolam Mali yang terletak berhampiran

(في حدود الصين أقصى بلاد الهند يملكها رجل يقال له المهراج) yang bermaksud: *“Pulau Rataj iaitu sebuah pulau yang besar bersempadankan China, merupakan penghujung negeri Hind. ia diperintah oleh seorang lelaki bergelar Maharaja.”* (notakaki naskhah Abdullah al-Habsyi)

Dapat kita lihat pelbagai sebutan bagi kalimah tersebut. Hal ini berlaku salah satunya kerana keunikan huruf Arab itu sendiri yang mana satu rumah huruf boleh bertukar menjadi huruf berbeza akibat perbezaan bilangan atau kedudukan titiknya.

Notakaki naskhah Dr. Saif menyebut bahawa Kerajaan Zabaj terletak di Sumatra.

Sebagai maklumat tambahan, gelar Maharaja ini sememangnya dipakai oleh para pemerintah Kedah zaman silam. Para pembaca boleh merujuk buku *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* yang telah diterbitkan semula oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK).

¹⁷⁵ Ar: (الفوط). Sejenis kain yang pendek dan tebal yang dibuat sarung, diimport daripada Sindh (masuk dalam Pakistan kini). Dikatakan juga (الفوط) itu adalah sejenis kain daripada bulu. (Lisaanul ‘Arab). Perlu saya tegaskan bahawa terjemahan perkataan ini sebagai “sarung” adalah terjemahan yang longgar. Ini kerana kalimah umum untuk kain sarung adalah “izar” (إزار), sedangkan kalimah (الفوط) ini adalah nama khusus kepada jenis kain tertentu. Mungkin batik, pelikat, songket, cindai atau seumpamanya. *Wallahu a’lam.* –pent.

Harakand ke Kalah Baar adalah sebulan. Dari situ, kapal-kapal kemudiannya akan bergerak ke Bitumah¹⁷⁶ yang di

¹⁷⁶ Ar: (بتومة). Beginilah ditulis dalam naskhah Dr. Saif dan naskhah Maktabah Syamilah. Berat dugaan saya bahawa inilah yang benar. Manakala pada naskhah Asy-Syaruni ditulis (تيومة). Berdasarkan tulisan yang kedua inilah timbulnya sangkaan pengkaji Barat – lalu dituruti pula sebahagian pengkaji dan peminat sejarah di Malaysia – yang menyatakan bahawa ia adalah Pulau Tioman dengan sangkaan bahawa kapal-kapal itu melalui sepanjang Selat Melaka seperti laluan hari ini.

Saya melihat itu agak tersasar kerana ada dinyatakan bahawa jarak perjalanan daripada Kalah Baar ke situ hanya sepuluh hari. Dugaan saya, laluan itu adalah suatu laluan pintas purba merentas Semenanjung tanpa melalui bahagian paling selatan Semenanjung atau Singapura. Laluan itu pada hemat saya mungkin masuk daripada Sungai Merbuk di Kedah sehingga Reman, lalu menyusuri sungai Patani dan keluar ke teluk berdekatan Yaring, Patani. Atau keluar di muara sungai Kelantan. Mungkin juga terusan seperti di Sarandib telah dibina bagi membentuk laluan ini. *Wallahu a'lam.*

Di sini ada hal yang lebih aneh lagi, iaitu dalam notakaki naskhah Asy-Syaruni – yang menetapkan tulisan “*Tūmah*” (تومة) – dibawakan pendapat Father Reinaud (penterjemah bahagian pertama kitab ini ke dalam bahasa Perancis pada tahun 1845 M) yang mengatakan bahawa asal penamaan “*Tūmah*” ini adalah daripada nama *Saint Thomas* (القديس توما), salah seorang Hawariyyun kepada Nabi Isa a.s yang menuju ke Hind bagi menyebarkan agama Masihiyyah (agama Kristian yang asal), lalu mati syahid di sana. Kubur beliau berada di tempat ini, iaitu berhampiran Madras. Dan nama tersebut berasal daripada bahasa Siryani yang bermaksud “*Rumah atau Gereja Thomas*”. Tamat.

Nampak kepada kita bahawa hal ini jauh sekali daripada apa yang dinyatakan oleh pengarang kitab ini. Madras letaknya di India, sedangkan pengarang menyebutkan bahawa ketika ini kapal sudah pun masuk ke pelabuhan Kedah, dan letaknya Bitumah itu adalah antara Kedah dan Kadranj.

Sementara itu, dalam notakaki naskhah Dr. Saif pula dinukilkan penjelasan Al-Idrisi mengenai “Tinumah/Tanumah” (تنومة), kata Al-Idrisi: Ia itulah sebuah pulau yang berpenduduk. Pakaian penduduk di situ adalah kain sarung (الأزر). Di sana terdapat air tawar, beras, tebu dan kelapa. Di situ juga terdapat kawasan selaman mutiara. Di Pulau Tinumah ada gaharu Hindi (العود الهندي), kafur, pokok gaharu... *Penduduknya memakai sarung (القوط) dan bergaul dengan para pedagang dan bermuamalah dengan semua orang. Keadilan zahir pada mereka, demikian juga kedermawanan mereka terkenal di mana-mana, begitu juga memiliki sikap kesederhanaan (إنصاف) yang sempurna. Mereka menyembah berhala dan Buddha. Orang-orang yang mati dikalangan mereka disempurnakan dengan cara dibakar.* Tamat Al-Idrisi. Kemudian Dr. Saif menyebutkan: “Pulau itu kini dikenal sebagai : *Pulau Tioman in the coast of Malaya. For more details, see Tibbetts, A Study of the Arabic Texts Containing Material on South East Asia, p136.*”

Ayat berbahasa Inggeris yang saya condongkan hurufnya di atas memang begitulah ditulis dalam notakaki Dr. Saif. Nyata di sini bahawa Dr. Saif juga dalam hal ini turut bertaqlid kepada sumber Barat.

Saya telah meneliti tiga naskhah *Nuzhah* oleh Al-Idrisi.

Pertamanya, saya mendapati jelas sekali yang disebutkan oleh Al-Idrisi itu bukanlah Pulau Tioman berdasarkan letak duduk pulau itu yang dinyatakan oleh beliau dalam kitabnya itu.

Kedua, saya mendapati nukilan Dr. Saif bermula daripada “*Penduduknya.*” (yang saya condongkan hurufnya di atas) bukanlah penerangan mengenai “Pulau Tinumah”, sebaliknya tentang “Pulau

sana terdapat bekalan air tawar bagi sesiapa yang mengkehendaknya. Jarak ke situ adalah selama sepuluh hari. Kemudian kapal-kapal akan bergerak pula ke sebuah tempat dipanggil Kadranj¹⁷⁷ dalam masa sepuluh hari. Di

Qimar/Qamar/Qumar” (جزيرة قمار) – dibaca dengan ketiga-tiga baris, berdasarkan pembacaan saya dalam sumber klasik Arab yang pelbagai – yang menurut Al-Idrisi terletak lima hari pelayaran daripada Pulau Tinumah.

Bagi mengelakkan notakaki ini menjadi teramat panjang, maka saya berhenti setakat ini sahaja. Berdasarkan penjelasan ini, saya berpendapat Pulau Tinumah yang dinyatakan oleh Al-Idrisi itu bukanlah Pulau Tioman. Dan ia juga tidak berkaitan dengan Bitumah yang disebut dalam kitab ini.

Mungkin untuk perbandingan boleh juga dibaca Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan untuk diketahui berapakah jumlah hari yang diambil dalam pelayarannya dari Singapura sampai ke Pahang jika hendak dikatakan juga Pulau Tinumah itu sebagai Pulau Tioman. Kemudian bayangkan pula jika pelayaran itu daripada muara Sungai Merbok, Kedah, apakah mungkin tempoh sepuluh hari memadai bagi mengelilingi Semenanjung sehingga sampai ke Pulau Tioman? *Wallahu a'lam bis sowab.* –pent. Kemaskini: Setelah meneliti kembali dengan lebih lanjut, saya melihat ada kemungkinan bukan laluan rentas Semenanjung digunakan seperti dugaan yang saya nyatakan di awal notakaki ini, sebaliknya laluan Selat Melaka. Cuma, Bitumah yang disebutkan itu pada saya tetaplah bukan Tioman, tetapi Pulau Batam, manakala Kanduranj yang disebutkan selepas itu berkemungkinan Chendering, Terengganu. *Wallahu a'lam.*

¹⁷⁷ Ar: (كدرنج). Pulau Kundur (Melayu), Pulo Condore (English), Poulo Condor (Perancis), Sondur atau Condur (Marco Polo), Con Dao (Vietnam). Nama ini berasal dari bahasa Melayu. Kini dikenali

situ juga terdapat bekalan air tawar bagi sesiapa yang berkehendakkannya. Demikianlah pulau-pulau Hindia itu, sekiranya digali saja telaga pasti akan didapati di situ air tawar. Di situ terdapat sebuah gunung yang tinggi. Boleh jadi kadangkala terdapat di gunung itu hamba-hamba dan para pencuri yang melarikan diri bersembunyi.

KAUM YANG MEMAKAI DUA HELAI KAIN SARUNG¹⁷⁸

Setelah itu, kapal-kapal akan belayar ke sebuah tempat yang dipanggil Sanfa¹⁷⁹ dalam jarak sepuluh hari.¹⁸⁰ Di sana terdapat bekalan air tawar. Dari sanalah datangnya Gaharu Sanfa¹⁸¹. Di situ ada seorang Raja memerintah.

dengan nama Con Son, di selatan Vietnam. –pent. Kemaskini: Berkemungkinan ianya Chendering, Terengganu. Lihat akhir notakaki sebelum ini. Dr. Saif menyatakan dalam notakaknya bahawa hanya Sulaiman At-Tajir yang menyebutkan pelabuhan ini dan seorang orientalis bernama Tibbetts berpandangan bahawa pelabuhan ini terletak berhampiran Qumar/Khmer serta merupakan salah satu pelabuhan pentingnya. Wallahu a'lam.

¹⁷⁸ Tajuk daripada naskhah Asy-Syaruni. –pent.

¹⁷⁹ Ar: (صنف). Yakni Champa. Iaitu sebuah kerajaan purba yang sangat gah dan masyhur. –pent.

¹⁸⁰ Berdasarkan apa yang disebut di sini, nampak kepada kita bahawa pada zaman tersebut terdapat laluan kapal yang merentas Semenanjung tanpa perlu melalui Singapura dan seterusnya naik semula ke atas untuk ke China. Sebaliknya terus daripada Kedah rentas ke Bitumah – Kadranj – Sanfa. *Wallahu a'lam.* –pent. Kemaskini: Sila lihat kemaskini di akhir notakaki 175.

¹⁸¹ Ar: (العود الصنفي). Oud Sanfi.

Penduduk di situ berkulit sawo matang dan mereka memakai dua helai kain sarung. Apabila kapal-kapal sudah mengisi bekalan air tawar dari sana, maka mereka akan bertolak pula ke sebuah tempat dipanggil Sondar Fulat¹⁸² yang merupakan sebuah pulau di tengah laut. Jarak ke situ adalah selama sepuluh hari. Di sana juga terdapat bekalan air tawar.

Kemudian kapal-kapal akan bergerak ke laut yang dipanggil Sanja¹⁸³, lalu ke pintu-pintu Negeri China, ia itulah gunung-ganang di tengah laut di mana di antara dua gunung itu terdapat sebuah laluan yang boleh dilalui oleh kapal-kapal, seterusnya ke negeri China. Apabila Allah menjadikan perjalanan daripada Sondar Fulat itu selamat, maka kapal-kapal itu seterusnya akan bergerak terus ke China dalam jangka masa satu bulan, melainkan gunung-ganang yang menjadi tempat laluan kapal-kapal tadi jarak untuk melepasiya selama tujuh hari.

Apabila kapal telah melepasi pintu-pintu berkenaan lalu masuk ke teluk, maka sampailah ia kepada air tawar, iaitu sebuah kawasan daripada negara China yang menjadi tempat berlabuhnya kapal-kapal, ia itulah sebuah

¹⁸² Ar: (صندر فولات). Menurut Al-Idrisi (صندى فولات) sebuah pulau yang besar. Di sana terdapat air tawar, tanam-tanaman, padi dan kelapa. Raja mereka dipanggil *Ẓinbad* (زينبد) [Mungkinkah ini asalnya nama watak Sinbad? –pent]. Penduduknya memakai sarung. – notakaki naskhah Dr. Saif.

Dalam naskhah Asy-Syaruni ditulis: *Sanfa Pulau* (صنف فولاو).

¹⁸³ Ar: (صنجى). Sementara dalam naskhah Asy-Syaruni pula tertulis Sankha (صنخى). –pent.

bandar yang dinamakan Khanfu¹⁸⁴. Pada seluruh negara China itu terdapat air tawar daripada sungai-sungai dan lembah-lembah, begitu juga pos pengawal dan pasar-pasar di segenap ceruknya.

PASANG SURUT AIR¹⁸⁵

Di tempat ini air pasang surut berlaku sebanyak dua kali dalam sehari semalam.¹⁸⁶ Melainkan air pasang itu berlaku daripada Basrah¹⁸⁷ ke Pulau Bani Kawan¹⁸⁸ sewaktu bulan berada di tengah langit dan sewaktu bersetentang dengan tengah langit¹⁸⁹. Air surut pula berlaku ketika bulan mula timbul dan ketika bulan menghilang. Air pasang akan berlaku dari pinggir China sehingga hampir kepada Pulau Bani Kawan apabila bulan mula muncul. Kemudian apabila bulan mula sampai ke pertengahan langit, air akan surut. Ketika bulan menghilang, air pasang lagi. Dan apabila ia berada bertentangan dengan pertengahan langit, akan berlaku air surut sekali lagi.

¹⁸⁴ Ar: (خانفو). Guangzhou. –pent.

¹⁸⁵ Tajuk daripada naskhah Asy-Syaruni. –pent.

¹⁸⁶ Sampai di sini berakhir nukilan Ibnul Faqih daripada Sulaiman At-Tajir. –notakaki naskhah Dr. Saif.

¹⁸⁷ Ar: (البصرة).

¹⁸⁸ Ar: (جزيرة بني كاوان).

¹⁸⁹ Bermaksud bulan berada di belahan bumi yang lagi satu pada kedudukan yang sama bersetentang dengan kedudukannya di pertengahan langit China pada waktu malam. –pent.

PULAU MALJAN¹⁹⁰

Mereka¹⁹¹ menyebutkan bahawa di sebuah pulau yang dipanggil Pulau Maljan yang terletak di antara Sarandib dan Kalah – yang mana pulau itu termasuk daripada negara Hind di sebelah timur lautan – terdapat suatu kaum daripada As-Sudan¹⁹² yang tidak berpakaian. Apabila mereka mendapatkan manusia dari luar negeri mereka, akan digantungkannya secara terbalik kaki di atas kepala di bawah, kemudian dipotong-potongnya serta dimakannya mentah-mentah. Mereka itu ramai sekali bilangannya dan bertempat di sebuah pulau itu saja. Tidak ada raja yang memerintah mereka. Makanan harian mereka pula adalah daripada ikan, pisang, kelapa dan tebu. Sementara tempat tinggal¹⁹³ mereka pula seumpama binatang liar¹⁹⁴, [iaitu di] belukar paya¹⁹⁵ dan hutan rimba¹⁹⁶.

¹⁹⁰ Ar: (جزيرة ملجان). Tajuk daripada naskhah Syamilah. Sementara naskhah Asy-Syaruni pula diberi tajuk: *Suatu Kaum Menyerupai Binatang Buas*. –pent.

¹⁹¹ Ahli pelayaran atau para saudagar. –pent.

¹⁹² Ar: (السودان). Yang dimaksudkan adalah kaum berkulit hitam, bukannya kaum daripada negara Sudan yang di Afrika itu. –pent.

¹⁹³ Perkataan “*tempat tinggal*” tidak terdapat dalam naskhah Dr. Saif. –pent.

¹⁹⁴ Perkataan “*binatang liar*” (الوحوش) tambahan dalam naskhah Asy-Syaruni. –pent.

¹⁹⁵ Ar: (الغياض)

¹⁹⁶ Ar: (الآجام)

BELALANG AIR¹⁹⁷

Mereka juga menyebutkan bahawa pada bahagian laut berkenaan¹⁹⁸ terdapat sejenis ikan yang kecil dan dapat berterbangan di atas permukaan air. Ia dinamakan sebagai *Belalang Air*.

Mereka juga menceritakan bahawa di bahagian laut itu terdapat sejenis ikan yang keluar daripada air sehingga dapat memanjat ke atas pokok kelapa lalu meminum air yang terdapat di situ kemudiannya kembali semula ke laut.

HAIWAN CELAK¹⁹⁹

Mereka turut menyebutkan bahawa di laut itu terdapat sejenis haiwan menyerupai ketam yang apabila keluar saja daripada laut ia bertukar menjadi batu. Katanya, daripada batu itu diperbuat celak untuk mengubat sebahagian penyakit mata.

GUNUNG BERAPI²⁰⁰

Mereka menyebutkan bahawa berhampiran Zabaj²⁰¹

¹⁹⁷ Tajuk daripada naskhah Syamilah. –pent.

¹⁹⁸ Yakni Laut Hindi. –pent.

¹⁹⁹ Tajuk daripada naskhah Syamilah. Dalam naskhah Asy-Syaruni tajuknya: *Batu Yang Diperbuat Celak*. –pent.

²⁰⁰ Tajuk daripada naskhah Syamilah. –pent.

²⁰¹ Ar: (الزايج). Sementara dalam naskhah Syamilah pula ditulis “*Zayaj*” (الزايج). Begitu juga dalam kisah yang berlaku dengan Raja Qumar, ditulis Maharaja “*Zayaj*” (الزايج). Ada disebutkan dalam sebuah kitab yang lain bahawa maksud “*Zayaj*” (الزايج) adalah pohon

terdapat sebuah gunung yang dinamai *Gunung Berapi*²⁰². Gunung itu tidak dapat dihampiri ke dekatnya.²⁰³ Pada waktu siang kelihatan asap berkepul keluar daripadanya, sementara pada waktu malam pula terlihat lidah api. Di kaki gunung itu keluar air mata air yang sejuk lagi tawar, juga air mata air yang panas serta tawar.

ADAT RESAM PENDUDUK CHINA²⁰⁴

Pakaian penduduk China kecil besar semuanya sutera belaka samada pada musim sejuk mahupun musim panas. Adapun para raja, maka mereka memakai sutera terbaik. Sementara selain mereka itu memakai mengikut kadar

kelapa. Wallahu a'lam. –pent. Kemaskini: Sila lihat kemaskini notakaki 173.

²⁰² Ar: (جبل النار). Dalam sebuah terbitan oleh Lembaga Muzium Negeri Kedah yang menceritakan tentang “*Gunung Jerai: Antara Realiti dan Fantasi*”, ada disebutkan bahawa lama sebelum Merong Mahawangsa tiba lagi, kemuncak Gunung Jerai sentiasa dipasangkan api dimana ahli-ahli pelayaran yang belayar malam boleh membuat pedoman. Api itu dinyalakan dari sebuah kawah yang dipenuhi lemak dan minyak oleh orang-orang yang berkeyakinan bahawa perbuatannya itu akan mencerahkan juga perjalanannya ke alam yang lebih jauh. Saya kira api inilah yang dimaksudkan dalam kisah diatas, dimana gunung berkenaan adalah Gunung Jerai, bukannya mana-mana gunung berapi seperti di Pulau Jawa contohnya.–pent.

²⁰³ Barangkali yang dimaksudkan di sini adalah kedudukan gunung tersebut yang jauh ke darat, maka tidak dapat dihampiri dengan kapal. Wallahu a'lam. –pent.

²⁰⁴ Tajuk daripada naskhah Dr. Saif. Sementara naskhah Asy-Syaruni tajuknya: *Sutera Pakaian Penduduk China*. –pent.

kedudukan masing-masing. Apabila musim sejuk, kaum lelaki akan memakai dua helai seluar, atau tiga, empat, lima helai atau lebih mengikut kadar kemampuan yang memungkinkan. Tujuan mereka berbuat begitu sebagai untuk menghangatkan bahagian bawah badan disebabkan terlampau basah, dan mereka sangat takutkan hal itu.

Adapun pada musim panas, maka mereka akan memakai sehelai baju panjang²⁰⁵ sutera saja atau yang seumpama itu. Mereka tidak memakai serban. Makanan mereka adalah nasi. Kadangkala mereka memasaknya bersama *Kusyan*²⁰⁶ yang kemudian dicurahkan ke atas nasi tersebut lalu dimakan bersama-sama. Manakala para raja pula, mereka itu memakan roti gandum, daging daripada segala macam haiwan termasuk babi dan binatang lainnya.

Buah-buahan tempatan mereka berupa epal, *khaukh*²⁰⁷, limau, delima, *safarjal*²⁰⁸, buah lai²⁰⁹, pisang, tebu, tembikai, buah tin, anggur, kundur, timun, bidara, *jauz*²¹⁰, badam, *jillauz*, *fustuq*, *ajash*, *misymisy*, *ghubaira*²¹¹ dan kelapa. Tidak ada pokok kurma yang banyak di sana melainkan seponon kurma pada rumah salah seorang

²⁰⁵ Ar: (القميص). Gamis. -pent.

²⁰⁶ Ar: (الكوشان).

²⁰⁷ Ar: (الخوخ).

²⁰⁸ Ar: (سفرجل). Jambu batu.

²⁰⁹ Ar: (الكمثرى).

²¹⁰ Ar: (الجوز).

²¹¹ Ar: (الغبيراء), (المشمش), (الاجاص), (الفستق), (الجلوز).

daripada mereka. Minuman mereka pula adalah jus²¹² yang terbuat daripada beras. Tidak ada arak di negara mereka, dan tidak ada dibawa ke sana serta mereka pun tidak mengenalnya atau meminumnya²¹³. Mereka memperbuat cuka, nabitdz, tuak²¹⁴ dan seumpamanya daripada beras.

Kebersihan tidak ada pada mereka. Mereka tidak membersihkan najis (beristinja) dengan air apabila qadha hajat, sebaliknya hanya menyapunya menggunakan kertas buatan China²¹⁵. Mereka juga memakan bangkai dan seumpamanya seperti yang dilakukan oleh orang Majusi kerana agama mereka itu sesungguhnya menyerupai agama Majusi. Kaum perempuan mereka pula mendedahkan kepala tidak bertutup serta diletakkan sikat di kepalanya. Adakalanya pada kepala seseorang perempuan itu terdapat sehingga dua puluh bilah sikat yang diperbuat daripada gading gajah atau buatan lainnya. Sementara kaum lelaki menutup kepala dengan sesuatu seperti kopiah. Hukuman mereka terhadap pencuri ialah ia akan dibunuh jika dapat ditangkap.

²¹² Ar: (النبيذ).

²¹³ Difahami di sini maksudnya arak daripada jenis peraman kurma, anggur dan barli. –pent.

²¹⁴ Ar: (الناطف).

²¹⁵ Ar: (القراطيس الصينية).

**BERITA MENGENAI NEGERI-NEGERI HIND DAN CHINA
SERTA RAJA-RAJANYA²¹⁶**

Penduduk Hind dan China sepakat bahawa raja-raja dunia yang terbilang itu ada empat. Yang pertama mengikut kiraan mereka daripada keempat-empat yang tersebut itu adalah Raja Arab²¹⁷. Baginda itu disepakati oleh mereka tanpa ada selisih pendapat lagi bahawa baginda itulah raja yang teragung, paling banyak khazanah hartanya, paling tampan orangnya serta raja bagi suatu agama yang besar yang mana tidak ada suatu pun yang lebih tinggi dari agama itu.

Setelah itu Raja China sendiri setelah [Raja Balhara]²¹⁸ Raja Arab. Kemudian Raja Rom, lalu Raja Balhara – iaitu seorang raja yang memakai subang telinga.

Adapun Balhara ini, maka baginda itu merupakan seorang Hind yang paling mulia, demikian mereka juga mengakui kemuliaannya. Setiap raja daripada raja-raja Hind itu memiliki kerajaan yang tersendiri, hanya saja kesemua mereka mengiktiraf Balhara ini. Apabila ada utusan-utusan baginda itu datang kepada seluruh raja-raja tersebut, maka raja-raja itu akan mendoakan utusan-utusan itu sebagai suatu bentuk pengagungan buat baginda.

²¹⁶ Tajuk ini sama dalam ketiga-tiga naskhah. –pent.

²¹⁷ Yakni Khalifah Umat Islam. –pent.

²¹⁸ Demikian dalam naskhah Arabnya. Barangkali ada kekeliruan di situ kerana Raja Balhara itu letaknya pada kedudukan keempat seperti yang diterangkan kemudian. –pent.

Baginda merupakan seorang raja yang memberi anugerah kurnia [yakni dermawan] seperti kebiasaan yang dilakukan oleh orang Arab. Kuda, gajah dan harta benda baginda terlalu banyak. Harta [matawang] baginda adalah dirham yang dipanggil At-Tatariyah²¹⁹. Berat setiap dirham tersebut adalah [bersamaan] satu setengah dirham²²⁰ dan dicop dengan cop mohor raja serta tarikh tahun bermula daripada kerajaan sebelum baginda.

[Tarikh mereka] tidak seperti tahun Arab yang bermula daripada zaman Nabi *'alaihi*ssalam, sebaliknya tarikh mereka adalah mengikut [tempoh pemerintahan] raja-raja mereka. Raja-raja mereka pula memerintah dalam tempoh yang lama masanya. Kadangkala salah seorangnya memerintah sehingga lima puluh tahun. Rakyat kerajaan Balhara itu mempercayai bahawa lamanya tempoh masa pemerintahan dan panjangnya umur raja mereka adalah disebabkan kecintaan raja-raja itu kepada bangsa Arab. Dan tidak ada di antara raja-raja yang terlebih cinta kepada Arab berbanding baginda. Demikian juga para rakyatnya.

Balhara itu adalah nama [gelaran] bagi setiap raja mereka, sama seperti gelar Kisra dan seumpamanya, bukannya nama yang lazim [sebenar]. Kerajaan dan tanahair Balhara bermula daripada tepi pantai – ia itulah

²¹⁹ Ar: (الطاطرية).

²²⁰ Maksudnya satu dirham Tatariyah itu menyamai satu setengah dirham Arab. –pent.

negeri yang dipanggil Kumkam²²¹ – bersambung terus tanahnya sehingga ke China. Dan disekeliling kerajaannya itu terdapat raja-raja lain yang sentiasa memerangnya, hanya saja baginda itu selalu menang ke atas raja-raja yang lain tersebut.

RAJA JURZ²²²

Di antara raja-raja yang lain itu adalah seorang raja yang dipanggil Raja Jurz²²³. Raja ini memiliki tentera yang ramai. Tidak ada seorang pun daripada Hind memiliki kuda seperti kuda baginda. Raja ini merupakan musuh kepada bangsa Arab, hanya saja baginda tetap mengiktiraf bahawa raja Arab itu sebagai raja yang teragung. Tidak

²²¹ Ar: (الكمكم).

²²² Tajuk daripada naskhah Syamilah. –pent.

²²³ Ar: (ملك الجزر). Beginilah yang ditulis di dalam naskhah Syamilah dan naskhah Dr. Saif. Sementara dalam naskhah Asy-Syaruni ditulis (الجزر). Manakala dalam *Murij Adz-Dzahab* oleh Al-Mas'udi (m/s 132) pula ditulis (الجزر). Ini mungkin tersilap kerana ketika membicarakan tentang kerajaan (رهمى), ditulis (الجزر) pula yang dikatakan bersempadan dan sering berperang dengan kerajaan (رهمى).

Pada mulanya, saya menterjemahkan raja ini sebagai “*Raja Kepulauan*” atau “*Raja Segala Pulau*” berdasarkan perkataan (الجزر) dalam naskhah Asy-Syaruni yang merupakan kata *jama'* bagi *Al-Jazirah* (الجزيرة) yang bererti “*Pulau-pulau*”. Namun melihat kepada perbezaan di atas, saya berpendapat kalimah itu bukanlah kalimah Arab oleh pengarang, sebaliknya nama khas yang boleh jadi bahasa tempatan (bukan Arab). Dengan itu saya membiarkannya tanpa diterjemah. *Wallahu a'lam.*–pent.

ada seorang pun daripada Hind yang lebih memusuhi Islam berbanding raja ini.

Baginda berkerajaan di “*lidah bumi*”²²⁴. Harta benda mereka banyak, demikian juga unta serta binatang ternak. Mereka berjual beli menggunakan galian perak yang belum ditempa. Dikatakan bahawa mereka memiliki galian-galian berharga. Tidak ada negeri di Hind itu yang lebih aman daripada kejadian curi berbanding negeri mereka.

RAJA TOFIQ²²⁵

Bersempadan dengan raja tersebut, adalah raja Tofiq²²⁶. Baginda ini kerajaannya kecil saja. Kaum perempuan mereka berkulit putih, dan merupakan perempuan Hind yang paling cantik. Baginda mengikat perjanjian damai dengan raja-raja sekeliling disebabkan tenteranya yang

²²⁴ Ar: (وهو على لسان من الأرض). Saya mencari-cari padanan kata yang tepat untuk kata-kata ini. Dalam penggunaan bahasa Arab, kadangkala dijumpai perkataan (لسان النار) “*lidah api*” kerana bentuk api yang menjulang itu kelihatan seperti lidah. Saya fikir maksud “*lidah bumi*” itu tepat dengan perkataan “*tanjung*” yang menganjur ke laut. Berdasarkan ini, saya melihat lokasinya adalah di kawasan Yangoon, Burma hari ini. Namun, keluasan kerajaannya mungkin mencakupi juga Bangladesh dan sebahagian Thailand kini. *Wallahu a’lam*. –pent.

²²⁵ Tajuk daripada naskhah Syamilah. –pent.

²²⁶ Ar: (الطافق). Beginilah yang tertulis dalam naskhah Syamilah dan naskhah Dr. Saif. Manakala dalam naskhah Asy-Syaruni tertulis “*Toqi*” (الطاقى) dengan penjelasan notakaki bahawa letaknya di Barat Laut daripada Hind. Sementara dalam Muruj oleh Al-Mas’udi ditulis “*Tofin*” (الطافن). *Wallahu a’alam*. –pent.

tidak ramai. Baginda juga sangat mencintai bangsa Arab sama juga seperti kecintaan Balhara.

RAJA RAHMI²²⁷

Setelah²²⁸ raja-raja tadi adalah seorang raja yang dipanggil namanya Darahram²²⁹. Baginda ini diperangi

²²⁷ Tajuk daripada naskhah Syamilah. –pent.

²²⁸ Kalimah Arabnya adalah (يلي). Kalimah ini bermaksud kedudukan sesuatu setelah sesuatu dari segi urutan seperti kedudukan B setelah A, juga saiz dan taraf sesuatu dari kecil kepada lebih besar atau sebaliknya dan lain-lain. Dalam konteks di atas, kalimah ini bermaksud kedudukan kerajaan yang berikut ini bersempadan dengan kerajaan sebelumnya. Saya melihat perlu untuk menerangkan hal ini sekalipun nampak kecil, namun ianya amat penting bagi kita mengesan kedudukan geografi kerajaan-kerajaan ini dan membayangkannya semasa melalui pembacaan ini. –pent.

²²⁹ Ar: (درهم). Beginilah ditulis dalam naskhah Syamilah. Dalam naskhah Asy-Syaruni ditulis “*Dahram*” (درهم). Jika kedua-dua ini yang benar, maka pada hemat saya baginda adalah Dharmaraja. Sementara naskhah Dr. Saif tertulis “*Ruhmi*” (رُهمي) dengan baris depan pada huruf (ر). Kemudian Dr. Saif menukulkan perkataan Ibnul Faqih dalam kitab *Al-Buldan*: “*Di negeri Hind ada sebuah kerajaan di pesisir pantai yang dipanggil Rahmi (رهمي). Pemerintahnya adalah seorang wanita (Ratu). Negerinya terdapat wabak. Barangsiapa yang masuk ke negeri itu daripada seluruh Hind akan menempah maut..*”

Boleh jadi apa yang disebutkan oleh Ibnul Faqih adalah pada waktu pemerintahan yang berlainan. Dalam *Muruj* oleh Al-Mas’udi juga ditulis (رهمي). Boleh jadi sebutannya adalah “*Rama*”, kerana semua naskhah ditulis (رهمي) di atas adalah dengan huruf “*Alif maqshurah*” (ي), bukan dengan (ي). Dan itulah pendapat saya, iaitu

oleh Raja Jurz. Baginda tidaklah memiliki kemuliaan dalam kerajaan. Baginda juga memerangi Balhara sama seperti baginda memerangi Raja Jurz itu. Dahram²³⁰ ini memiliki tentera yang jauh lebih ramai daripada Raja Balhara, Raja Jurz dan [Raja] Tofiq²³¹.

Dikatakan: Apabila keluar berperang, baginda akan keluar dalam rombongan hampir lima puluh ribu ekor gajah.²³² Baginda tidak akan keluar [untuk berperang] melainkan pada musim sejuk disebabkan gajah tidak mampu menahan dahaga, maka hal tersebut tidak memungkinkan selain hanya keluar pada musim sejuk saja. Dikatakan lagi: Bahawa tukang cuci pakaian²³³ askarnya menghampiri sepuluh ribu ke lima belas ribu orang.²³⁴

Rama/Dharma adalah nama bagi Raja yang memerintah kerajaan yang sebahagian besarnya adalah Thailand kini dan sekitarnya. *Wallahu a'lam.* –pent.

²³⁰ Ar: (دهرم). Saya menetapkan berdasarkan naskhah Asy-Syaruni. Sementara dalam naskhah Syamilah dan naskhah Dr. Saif ditulis (رهمى) dengan baris depan pada (ر) dalam naskhah Dr. Saif, tanpa baris dalam naskhah Syamilah. –pent.

²³¹ Ar: (الطاقى). Berdasarkan naskhah Dr. Saif, Manakala naskhah Asy-Syaruni dan Syamilah tertulis “*Toqi*” (الطاقى).. –pent.

²³² Sama ada ini sesuatu yang benar ataupun sekadar *mubalaghah* (berlebih-lebihan dalam penceritaan) sahaja *Allahu a'lam bissowab.* –pent.

²³³ Ar: (قَصَّارى)

²³⁴ Ini untuk menunjukkan jika bilangan tukang dobinya saja sudah sebanyak itu, maka tentulah askarnya lebih banyak lagi. Dalam

Di negeri baginda itu terdapat pakaian yang tidak terdapat seumpamanya di tempat-tempat lain. Kain tersebut dapat dimasukkan ke dalam lingkaran sebentar cincin dek kerana kehalusan dan keindahan buaatannya – dan kain itu terbuat daripada kapas, dan kami sendiri pun pernah melihat sebahagian daripadanya²³⁵. Matawang yang beredar dalam negeri baginda itu adalah kulit siput – dan ia itulah matawang negerinya. Di negerinya juga terdapatnya emas, perak, gaharu, kain (dan)²³⁶ somar²³⁷ digunakan untuk membuat penghalau lalat.²³⁸

nota kaki naskhah Asy-Syaruni ada dibawakan peringatan/kritikan Al-Mas'udi mengenai hal ini dengan katanya: “*Ada antara orang yang suka melebihi-lebih dalam bercerita melampau-lampau dalam menyebutkan ramainya bilangan tenteranya. Sehingga mereka menyangka bahawa bilangan tukang dobi dalam askarnya sahaja mencapai jumlah sepuluh ribu ke lima belas ribu orang.*” (m/s 147)

²³⁵ Maknanya halusnyanya tenunan kain tersebut bukanlah daripada cerita yang didengar daripada orang lain, sebaliknya telah disaksikan sendiri oleh pengarang. *Wallahu a'lam.* –pent.

²³⁶ Perkataan “*dan*” (و) ini tambahan dalam naskhah Dr. Saif. Sementara dalam dua naskhah lagi tidak terdapat huruf (و) tersebut. Jika tiada huruf (و) itu maka jadilah somar itu sifat bagi kain yang disebut sebelumnya, yakni somar itu dikira sejenis kain pula . –pent.

²³⁷ Ar: (الصمر). Sama dalam ketiga-tiga naskhah, iaitu dengan huruf *sod* (ص). –pent.

²³⁸ Dalam notakaki naskhah Dr. Saif dan Asy-Syaruni ada dinukilkan daripada Al-Mas'udi dalam *Muruj Adz-Zahab* dengan sebutan “*Ad-Dhomru*” (الضمر) [dengan huruf dhod ض] iaitu sejenis bulu yang dibuat penghalau lalat (المذاب) berpemegang daripada gading

BADAK SUMBU²³⁹

Di negerinya itu ada sejenis (البُشَانُ المعلم)²⁴⁰ ia itulah badak sumbu. Pada bahagian hadapan dahinya terdapat sebatang tanduk, dan pada tanduk itu terdapat gambaran bentuk seumpama seorang manusia – mengikut ceritanya. Keseluruhan tanduk itu berwarna hitam, manakala gambar itu pula berwarna putih, terletak ditengah-tengahnya.

Badak sumbu ini lebih kecil daripada gajah, dan kehitaman warnanya dan menyerupai kerbau. Dari segi kekuatan, tidak ada binatang lain yang sekuatnya. Ia tidak memiliki sendi – tidak pada lututnya, tidak pula pada kaki hadapannya. Bermula daripada kakinya sampai ke ketiaknya, sepotong saja. Gajah pun lari menghindar daripada badak sumbu ini. Ia memamah makanan sama seperti lembu dan unta. Dagingnya pun halal dan kami sendiri telah pernah memakannya.

Ia banyak sekali terdapat dalam hutan rimba

dan perak, dikipaskan oleh khadam di kepala raja-raja semasa dalam majlis. Para pembaca yang budiman boleh melihat gambarnya dalam *Kamus Al-Marbawi*, carian pada kalimah (دَبَّ). -pent.

²³⁹ Tajuk daripada naskhah Syamilah. -pent.

²⁴⁰ Dalam Muruj ditulis (النشان) dengan *nun*. Saya tidak menjumpai maknanya. Namun, jika diambil menurut apa yang tertulis di dalam Muruj, iaitu dengan huruf *nun*, maka berkemungkinan *An-Nisyan* itu adalah dari bahasa tempatan iaitu Nesan yang bermaksud tanda. Maka *An-Nisyan Al-Mu'allam* di sini maksudnya suatu tanda yang bergambar, yakni merujuk kepada sumbu badak tersebut. Wallahu a'lam. -pent.

kerajaan ini, bahkan terdapat juga di seluruh negeri Hind, melainkan tanduk [sumbu] badak yang terdapat di sinilah yang lebih bagus. Kadangkala terdapat pada sumbu itu gambar seorang lelaki, atau seekor merak, atau ikan atau gambar-gambar lainnya. Penduduk China membuat tali pinggang daripada sumbu badak itu²⁴¹. Harga satu tali pinggang itu di negeri China mencecah sehingga dua ribu dinar ke tiga ribu, bahkan lebih lagi, bergantung kepada kecantikan gambar yang terdapat padanya. Semua ini dibeli daripada negeri Rahmi ini menggunakan kulit siput, ia itulah matawang negerinya.

RAJA KASYBIN²⁴²

Setelah itu adalah raja darat yang tidak ada laut pada negeri mereka, iaitulah yang dipanggil Raja Kasybin²⁴³. Mereka itu suatu kaum yang berkulit putih dan bersubang telinga. Mereka cantik-cantik dan mereka mendiami daratan dan bukit-bukau.

RAJA QIRANJ²⁴⁴

Setelahnya adalah satu laut yang terdapat seorang raja

²⁴¹ Mungkin yang dimaksudkan adalah kepala tali pinggangnya. – pent.

²⁴² Tajuk daripada naskhah Syamilah. –pent.

²⁴³ Ar: (ملك الكاشيين). Ini menurut naskhah Syamilah dan Dr. Saif. Manakala naskhah Asy-Syaruni ditulis “*Laksymir*” (لكشمير). Sementara dalam Muruj ditulis “*Kamin*” (الكامن). –pent.

²⁴⁴ Tajuk daripada naskhah Syamilah. –pent.

dipanggil Qiranj²⁴⁵. Baginda itu seorang raja yang faqir, tetapi sombong. ‘Anbar banyak terdapat di negerinya. Demikian juga gading gajah. Tumbuhan lada di sana dimakan mentah begitu saja disebabkan kurangnya.

RAJA-RAJA YANG LAIN²⁴⁶

Setelah raja ini, ada raja-raja lain yang banyak yang mana tidak ada sesiapa yang mengetahui bilangan mereka itu melainkan Allah Tabaraka wa Ta’ala jua.

Antara mereka itu adalah Mujah²⁴⁷. Mereka ini suatu kaum berkulit putih, menyerupai orang China dari segi pakaiannya. Terdapat banyak kasturi di tempat mereka. Di negeri mereka terdapat suatu gunung putih, tidak ada suatu yang lebih tinggi berbanding gunung itu. Mereka berperang dengan raja-raja lain yang banyak berada di sekitar mereka. Kasturi yang terdapat di negeri mereka adalah sangat bagus dan berkualiti tinggi.

Setelah mereka, terdapat pula raja-raja Mabid²⁴⁸.

²⁴⁵ Ar: (القيرنج) menurut naskhah Syamilah dan Dr. Saif. Manakala naskhah Asy-Syaruni ditulis “*Tanlunj*” (التلونج), sementara dalam Al-Mas’udi pula “*Ifranj*” (الإفرنج). –pent.

²⁴⁶ Tajuk daripada naskhah Syamilah. –pent.

²⁴⁷ Ar: (الموجة). Sama dalam ketiga-tiga naskhah. Menurut Al-Ya’qubi (الموشة). Menurut Al-Idrisi pula (الموجة) adalah sebuah pulau di Laut Dar Larumi. Mereka ini memiliki banyak kuda. Kaum wanita mereka merupakan secantik-cantik wanita daripada segala umat. – notakaki naskhah Dr. Saif.

²⁴⁸ Ar: (المابد). Ini di dalam naskhah Syamilah dan Dr. Saif.

Bandar-bandar mereka itu banyak sekali. Mereka hampir kepada Mujah, bahkan lebih ramai daripada Mujah, melainkan Mabid lebih menyerupai China berbanding Mujah. Mereka juga memiliki khadam-khadam yang dikasi [sida-sida] sama seperti yang dilakukan oleh China, sebagai pekerja untuk mereka. Negeri mereka bersambung dengan negeri China. Mereka ini mengadakan perjanjian damai dengan Raja China, hanya saja mereka tidaklah mentaati perintahnya.

Pada setiap tahun, Mabid akan menghantar utusannya ke China dengan membawa hadiah-hadiah, demikian juga Raja China pun akan membalas dengan turut memberi hadiah kembali. Negeri mereka luas. Apabila masuk saja utusan Mabid ke negeri China, maka mereka akan segera dikawal ketat kerana dibimbangkan mereka akan mengalahkan negeri itu disebabkan ramainya mereka tersebut. Tidak ada yang memisahkan antara negeri mereka dan negeri China melainkan banjaran gunung dan bukit-bukau.²⁴⁹

Manakala naskhah Asy-Syaruni tertulis (المأبد). Dr. Saif menulis dalam notakaknya seperti berikut: “Menurut Al-Ya’qubi (المايد). Demikian juga menurut Al-Idrisi. Manakala Al-Mas’udi menyebutkan (مملكة المائد).” –pent.

²⁴⁹ Jika kita perhatikan, kerajaan yang disebut adalah lain daripada nama pelabuhan-pelabuhan yang terkenal yang telah disebut sebelum ini. Contohnya Kalah sebagai sebuah pelabuhan, ia tidak disebut sebagai sebuah kerajaan, kerana ia hanya merupakan sebuah daripada negeri dalam kerajaan yang lebih besar, ia itu Zabaj.

Dikatakan bahawa Raja China memiliki sebanyak lebih daripada dua ratus buah bandar besar di bawah kekuasaannya. Bagi setiap bandar besar itu pula terdapat seorang raja dan sida-sida. Kemudian, bagi setiap bandar itu pula terdapat sebilangan bandar-bandar lagi.

Antara bandar-bandar mereka adalah Khanfu, ia itulah pelabuhan bagi kapal-kapal. Di bawahnya terdapat dua puluh bandar pula. Bahawasanya yang dinamakan bandar itu ialah apabila ia memiliki *Jadim*²⁵¹ yang mana jadim itu seperti suatu trompet panjang dan berat yang perlu dipegang dengan kedua-dua belah tangan. Trompet itu dilumuri dengan ubat-ubatan Cina. Panjangnya tiga atau empat hasta. Kepalanya kecil sekadar dapat dimasukkan ke dalam mulut seorang laki-laki. Bunyi tiupannya boleh didengar hampir satu *mil* jauhnya.

Setiap bandar terdapat empat buah pintu, dan di atas

Tambahan yang penting juga, pada waktu ini Melaka belum lagi muncul sebagai sebuah pelabuhan dan kerajaan. Kita dapati tidak ada langsung sebutan Melaka dalam kitab ini dan kitab lain yang sezamannya, berbanding Kalah, Zabaj dan lain-lain. *Wallahu a'lam*.

Tentang Melaka, saya berpendapat ia muncul sebagai pelabuhan mengambil alih tempat Kalah (Kedah) dan muncul sebagai sebuah kerajaan setelah runtuhnya kerajaan Zabaj dan berlaku sesuatu – peperangan, bencana alam atau lainnya – yang menyebabkan terhalangnya laluan rentas Semenanjung yang disebutkan sebelum ini. *Wallahu a'lam*. –pent.

²⁵⁰ Tajuk daripada penterjemah sendiri. –pent.

²⁵¹ Ar: (الجام).

setiap pintu tersebut ada lima *jadim* yang akan ditiup pada waktu-waktu tertentu siang dan malam. Pada setiap bandar itu juga terdapat sepuluh buah genderang yang akan ditabuh bersama tiupan trompet berkenaan. Hanyasanya hal itu dilakukan supaya diketahui ketaatan mereka kepada rajanya serta agar diketahui waktu-waktu malam dan siang. Mereka juga memiliki petanda-petanda dan timbangan tersendiri bagi mengukur waktu.

Mu'amalah perniagaan mereka menggunakan duit *fulus*²⁵². Simpanan khazanah mereka pula serupa dengan khazanah raja-raja yang lain juga, cuma raja-raja lain tidak ada simpanan fulus itu seperti mereka, dan itulah matawang negeri. Mereka juga mempunyai emas, perak, mutiara, sutera tebal dan sutera biasa; semua itu banyak dalam negeri mereka, melainkan semua itu adalah “barang niaga” sementara *fulus* pula adalah tukarannya.

Gading gajah, kemenyan, potongan tembaga, cengkerang penyu serta sumbu badak untuk dibuat tali pinggang yang telah kami sebutkan sebelum ini semuanya diimport ke negeri mereka. Haiwan peliharaan mereka banyak sekali, namun tidak ada kuda Arab, sebaliknya sejenis kuda yang lain. Mereka juga membela keldai dan unta yang banyak. Unta tersebut berbonggol dua.

Selain itu, mereka juga memiliki tembikar yang bagus yang dibuat bekas-bekas minuman yang begitu halus seumpama kaca sehinggakan dapat dilihat sinaran airnya sedangkan ia terbuat daripada tembikar.

²⁵² Wang tembaga. -pent.

Apabila para pelaut memasuki negeri, maka orang China akan mengambil barangan dagangan dan meletakkannya di dalam gudang dengan memberi jaminan akan mendapat kembali sehingga enam bulan sampai kepada masuknya pelaut yang terakhir²⁵³. Kemudian daripada setiap sepuluh akan diambil tiga²⁵⁴, manakala bakinya akan diserahkan kembali kepada pedagang berkenaan.

Mana-mana barangan yang dikehendaki oleh Sultan, maka baginda akan mengambilnya dengan tukaran harga yang mahal dan membayarnya segera tanpa berlaku zalim dalam hal itu. Antara barangan yang diambil oleh baginda adalah kapur barus, satu *mann*²⁵⁵ dibayar lima puluh *fakkuj*, yang mana satu *fakkuj* menyamai seribu fulus. Kapur barus ini jika tidak diambil oleh sultan harganya di luar

²⁵³ Al-Marwazi menyatakan sebab yang demikian dengan katanya: "*Hanyasanya ditahan jual beli selama enam bulan berkenaan agar kesemua barang yang diimport sampai ke sana, lalu harganya akan stabil. Dengan demikian tidak akan berlaku kerugian atau mudarat samada kepada penjual mahupun pembeli kerana kadangkala berlaku lebihan barangan dalam tahun tertentu sehingga tidak laku, atau berkurangan sehingga sukar didapati pula...*" (lihat *Toba'ik Hayawan*, hlm 11). –notakaki naskhah Dr. Saif.

²⁵⁴ Iaitu menyamai 30%. Kata Al-Marwazi: "*Separuhnya menjadi bahagian ketua tentera, manakala separuh lagi adalah bahagian Raja China.*" (Untuk tambahan sila lihat *Toba'ik Hayawan*, hlm 11). –notakaki naskhah Dr. Saif.

²⁵⁵ *Mann* adalah sejenis timbangan yang digunakan secara meluas dalam abad pertengahan di Iraq dan Iran. Satu *mann* menyamai sekitar 812.5 g. Untuk tambahan sila lihat kitab *Al-Makayil wal Auzan Al-Islamiyyah*, oleh Syeikh Ali Jumu'ah, hlm 45-55. –pent.

hanyalah menyamai separuh saja harga itu.

ADAT PENDUDUK CHINA DALAM URUSAN KEMATIAN²⁵⁶

Apabila meninggal salah seorang daripada penduduk China itu, maka ianya tidak akan dikebumikan melainkan pada hari yang sama dengan hari kematiannya pada minggu seterusnya. Seterusnya mereka akan meletakkan jenazah tersebut ke dalam sebuah peti [keranda] dan menyimpannya di dalam rumah mereka. Kapur tohor akan diletakkan ke atas mayat tersebut yang mana ianya berfungsi menyerap segala cecair badan mayat lalu menjadikan jasad mayat tahan lama. Jenazah raja-raja pula akan diletakkan dalam ubat *sobir*²⁵⁷ dan kapur barus.

Mereka akan menangiisi mayat selama tiga tahun dan barangsiapa yang tidak menangiisi mayat akan dipukul dengan kayu. Dalam hal kena pukul ini sama saja lelaki atau perempuan, serta dikatakan: “*Apa hal engkau sampai orang mati tak menyebabkan engkau sedih?!?*”

Jenazah mereka dikebumikan di perkuburan sama seperti perkuburan orang Arab. Dalam pada itu, mereka tetap mengirinkan makanan kepadanya. Pada sangkaan mereka mayat itu masih lagi tetap makan minum. Ini kerana mereka meletakkan makanan di sisi mayat pada malam hari lalu apabila besok harinya mereka dapat

²⁵⁶ Tajuk daripada naskhah Syamilah. –pent.

²⁵⁷ Ar: (الصبر). Dengan baris bawah pada huruf ba. Menurut Al-Jauhari ia adalah sejenis ubat yang pahit. (Lihat *Lisaanul Arab* pada صبر). –pent.

makanan tersebut sudah tiada lagi dan sudah dimakan. Seterusnya sentiasalah mereka dalam keadaan menangis dan memberi makan itu selama mana mayat tersebut masih berada di rumah-rumah mereka. Mereka juga menaruh harap kepada mayat itu sehinggakan tiadalah duit atau kelengkapan rumah melainkan semuanya mereka belanjakan untuk mayat tersebut.

Pada sebelum-sebelum ini, apabila mereka mengebumikan raja yang meninggal, akan dikebumikan juga bersamanya segala miliknya daripada perabot rumah, kain baju dan segala tali pinggangnya yang mana tali pinggang itu sangat mahal harganya. Namun, amalan itu kini telah ditinggalkan disebabkan berlaku kejadian dimana kubur-kubur tersebut digali orang lalu dikebas segala barang-barang yang berharga itu.

Semua penduduk China itu tidak kira orang miskin dan orang kaya, kecil atau besarnya, semuanya mempelajari kaligrafi dan tulis menulis.

Nama raja mereka adalah mengikut kepada martabat kemegahan dan besarnya bandar-bandar di bawahnya. Jika daripada bandar kecil maka rajanya dinamakan Tosang²⁵⁸. Makna Tosang itu adalah “*Pemerintah Bandar*”. Jika daripada bandar seumpama Khanfu pula, maka nama rajanya adalah Daifu²⁵⁹. Sida-sida²⁶⁰ pula dipanggil

²⁵⁸ Ar: (طوسنج).

²⁵⁹ Ar: (ديفو).

²⁶⁰ Iaitu pelayan lelaki yang telah dikasi (dipotong buah zakarnya).

-pent.

Tuqam²⁶¹. Ada di antara para sida-sida itu yang berkhatan. Hakim Agung pula dipanggil Lok Chai Mamakun²⁶². Seperti itulah nama-namanya yang mana tidak dapat kami sebutkan dengan benar-benar tepat.

Seorang pun tidak akan dilantik menjadi raja mereka jika umurnya kurang daripada empat puluh tahun. Mereka mengatakan: “*Pengalaman telah menguatkannya*”²⁶³. Raja-raja yang berpangkat kecil apabila duduk di dalam bandarnya di atas singgahsana pada balai penghadapan, di hadapan baginda itu akan diletakkan sebuah kursi. Lalu dibawakanlah ke hadapan baginda segala buku yang berisikan hukum-hakam rakyat jelata. Di belakang raja itu berdiri seorang laki-laki yang dipanggil Li Khoo²⁶⁴, yang mana apabila raja terkhilaf dalam arahannya atau tersalah, maka beliau itulah yang akan membetulkannya.

Mereka tidak melayan mana-mana aduan yang disampaikan melainkan jika ditulis di dalam buku saja. Sebelum seseorang pengadu masuk menemui raja, maka akan ada seorang petugas laki-laki yang berdiri di pintu akan memeriksa buku-buku berkenaan. Jika terdapat kesalahan maka akan dikembalikan semula. Tidak diperbolehkan untuk menulis buku aduan itu melainkan

²⁶¹ Ar: (الطوقام).

²⁶² Ar: (لقشي مامكون). Demikian dalam naskhah Syamilah dan Dr. Saif. Manakala naskhah Asy-Syaruni menuliskan “*Lok Chai Somikun Shi*” (لقشي صامكون شي). –pent.

²⁶³ Yakni seorang yang mencapai umur empat puluh dikira telah matang pengalaman hidupnya. –pent.

²⁶⁴ Ar: (ليخوا).

seorang penulis yang arif selok-belok hukum. Jika selesai ditulis aduan itu maka penulis itu mesti menulis di buku itu bahawa: “*Ini telah ditulis oleh Fulan bin Fulan.*”

Dengan itu, sekiranya terdapat kesalahan pada buku tersebut, maka celaan akan kembali kepada penulis berkenaan dan dia akan dipukul dengan kayu. Seseorang raja tidak akan duduk untuk melakukan penghakiman melainkan setelah baginda makan dan minum supaya nanti tidak berlaku kacau-bilau fikirannya. Perbelanjaan setiap orang raja adalah daripada Baitul Mal [Perbendaharaan] bandarnya sendiri.

Adapun Raja Terbesar²⁶⁵, maka baginda itu tidak dapat dilihat [tidak tampil kepada umum] melainkan sepuluh bulan sekali. Mengikut kata baginda itu: “*Sekiranya rakyat jelata melihat beta (dengan kerap), nanti mereka akan meremehkan beta. Dan siasah itu tidak akan tegak melainkan dengan kemegahan [keperkasaan]. Ini kerana rakyat jelata itu tidaklah memahami keadilan dengan sebenarnya, maka hendaklah digunakan cara kemegahan agar kita dipandang agung di sisi mereka.*”

Negeri mereka tidak ada cukai *kharaj*²⁶⁶, tetapi dikutip cukai kepala bagi setiap lelaki mengikut keadaan individu itu. Sekiranya ada mana-mana orang bangsa Arab atau lain bangsa, maka akan dikutip cukai hartanya supaya terpelihara [terjamin] hartanya. Apabila berlaku kenaikan harga barang, maka Sultan akan mengeluarkan simpanan

²⁶⁵ Maharaja China

²⁶⁶ *Kharaj* secara umumnya bermaksud cukai. Secara khususnya adalah cukai tanah. –pent.

makanan daripada khazanah baginda lalu menjualkannya dengan harga yang lebih murah daripada harga pasaran, dengan itu harga pun akan turun.

Penghasilan yang masuk ke dalam Baitul Mal [Perbendaharaan] hanyalah cukai kepala sahaja. Dan aku [Pengarang] menganggarkan bahawa jumlah penghasilan yang masuk ke Baitul Mal Khanfu sahaja pada setiap harinya berjumlah lima puluh ribu dinar. Begitupun, Khanfu bukanlah merupakan bandar yang paling besar di negeri mereka itu.

Menjadi milik khusus raja adalah galian garam dan sejenis daun²⁶⁷ yang diminum oleh mereka dengan air yang panas. Daun itu dijual pada setiap bandar dengan harga yang tinggi, ia dipanggil *Sakh*²⁶⁸. Pokoknya lebih banyak daun berbanding pokok *rotbah*²⁶⁹ dan lebih harum baunya serta sedikit pahit [kelat]. Daun itu akan direndamkan di dalam air dan dibiarkan terendam. Dan ianya bermanfaat bagi mereka berbanding segala yang lain. Keseluruhan yang masuk ke dalam Baitul Mal adalah *jizyah* [cukai kepala], garam dan daun tadi.

Pada setiap bandar terdapat sesuatu yang disebut

²⁶⁷ Ar: (حشيش). Zahirnya kalimah ini membawa maksud rerumput. Namun dalam konteks ini saya menterjemahkan sebagai daun kerana memahami bahawa benda yang dimaksudkan itu adalah daun teh. –pent.

²⁶⁸ Ar: (الساخ).

²⁶⁹ Ar: (الرطبة). Sejenis pokok yang dimakan daunnya oleh haiwan ternak. Dinamakan juga *Qat* (القت) atau *Fisfiso* (فصفصة). (*Lisanul Arab*). –pent.

*Dara*²⁷⁰, ia itu sebuah loceng yang tergantung di hadapan Raja bandar berkenaan. Loceng itu diikat dengan seutas tali yang direntangkan ke jalan yang dilalui oleh orang ramai. Jarak antara jalan itu hingga kepada Raja ada sekitar satu farsakh. Apabila tali tersebut digerakkan oleh gerakan yang paling ringan sekalipun, maka loceng tersebut akan bergerak. Sesiapa saja yang dizalimi boleh menggerakkan tali tersebut, lantas berbunyiilah loceng yang tergantung di hadapan raja itu. Dengan itu dia akan diizinkan masuk bagi menceritakan sendiri hal ehwalnya serta menerangkan kezaliman yang dideritainya. Pada seluruh negeri terdapat seperti yang disebutkan tadi.

Barangsiapa yang ingin bermusafir daripada suatu bandar ke bandar yang lain perlu mendapatkan dua buku [dokumen], iaitu daripada raja dan satu lagi daripada sida-sida. Adapun dokumen daripada raja, maka itu terkait dengan jalan, iaitu berisikan nama lelaki musafir, nama sesiapa yang ikut serta, umurnya serta umur mereka yang bersamanya, dan daripada kabilah mana diri musafir itu. Setiap orang di negeri China – tidak kira samada anak negeri, orang Arab atau lainnya – maka menjadi kemeſtian untuk menisbahkan diri kepada sesuatu yang dikenali.²⁷¹ Adapun dokumen daripada sida-sida pula, maka ia terkait dengan harta dan barang berharga apa yang dibawa bermusafir itu.

²⁷⁰ Ar: (الدَّرَا).

²⁷¹ Yakni daripada suku mana, kaum mana, bangsa mana dan seterusnya. –pent.

Dokumen ini diperlukan kerana pada jalan-jalan mereka akan ada pos pengawal bersenjata yang akan meneliti kedua-dua dokumen berkenaan. Bila saja seseorang melintasi pos mereka itu, maka mereka akan menuliskan seperti berikut: *“Telah lalu di kawasan kami Fulan bin Fulan Al-Fulani pada hari sekian bulan sekian dan tahun sekian, serta bersamanya ada begian-begian.”*

Ini bagi mengelakkan daripada harta si musafir itu serta barang-barangnya tidak menjadi sesuatu yang musnah begitu saja dengan tersia-sia. Maka apabila terjadi hilang daripada si musafir itu sesuatu atau dia sendiri menemui ajal, dengan itu dapat diketahui bagaimana hilang atau matinya lalu dikembalikan kepadanya harta berkenaan, atau kepada warisnya setelah kematiannya.

Penduduk China sangat menjaga hak dalam berurusan dan hutang-piutang. Apabila seseorang memberi hutang kepada seorang yang lain, maka dituliskan untuknya sebuah buku [dokumen] dan untuk si penghutang juga sebuah dokumen, lalu ditanda dengan suatu cap samada jari tengah dan jari telunjuk. Kemudian dihimpunkan kedua-dua dokumen tersebut lalu dilipat bersama, dan ditulis di atas bahagian yang bertemu antara kedua-dua dokumen itu, seterusnya dipisahkan kembali kedua-dua dokumen berkenaan. Setelah itu maka diberikan dokumen si penghutang bersama dengan ikrarnya.

Jika berlaku salah seorang daripada pemiutang atau penghutang berkenaan mengingkari pihak yang lagi satu, maka dikatakan kepada lawannya: *“Bawa kemari dokumen*

kamu!”

Sekiranya si penghutang itu mengakui bahawa dia tiada sebarang harta untuk membayar hutang, atau dia mengajukan dokumen siap dengan tulisan dan capnya, sedangkan dokumen si pemiutang pula tiada; maka dikatakan kepada si penghutang yang menjadi lawan itu: *“Bawa kemari suatu dokumen yang menyatakan bahawa engkau bebas hutang! Selama mana si pemiutang yang engkau lawan ini tidak menerangkannya, maka engkau harus dipukul dengan kayu sebanyak dua puluh kali di atas belakang serta denda sebanyak dua puluh fakkuj”*. Satu *fakkuj* itu seribu fulus, iaitu menghampiri dua ribu dinar, sedangkan dua puluh pukulan kayu itu boleh menyebabkan kematiannya.

Dengan itu hampir-hampir tiada seorang pun di China yang akan menjerumuskan dirinya ke dalam hal sebegini kerana takutkan nyawanya dan hartanya. Dan kami sendiri belum pernah melihat seorang pun yang dikenakan hukuman sebegini. Mereka sesama sendiri saling menjaga hak masing-masing dan tidak ada yang mengurangkan hak orang lain serta mereka juga tidak mempergunakan saksi atau sumpah dalam hal demikian.

Jika seseorang lelaki jatuh mufis serta hutang keliling pinggang, lalu para pemiutang akan mengadukan hal harta mereka itu di sisi sultan, maka akan diambil pengakuan si mufis tersebut. Setelah sebulan ditahan di dalam penjara, maka sultan akan mengeluarkannya dan akan dibuat pengumuman: *“Bahawa Si Fulan bin si Fulan ini telah memufiskan harta si Fulan bin si Fulan.”*

Sekiranya ternyata bahawa lelaki mufis tersebut

memiliki barang yang dipinjamkan pada seseorang, atau dia memiliki tanah atau hamba atau apa saja yang boleh membayarkan hutangnya, maka pada setiap bulan dia akan dikeluarkan dari dalam penjara lalu dipukul dengan kayu pada bontotnya disebabkan dia tinggal dalam penjara makan dan minum sedangkan sebenarnya dia memiliki harta.

Dia akan dipukul, tidak kira samada seseorang menghalalkan hutangnya atau tidak, maka dia tetap dipukul. Sambil itu akan dikatakan kepadanya: *“Engkau ini tidak ada kerja lain selain mengambil hak-hak orang lain dan menjahanamkannya.”*

Di samping itu akan dikatakan juga: *“Engkau ini merampas hak-hak orang-orang itu.”*

Sekiranya tidak ada jalan keluar untuknya dan telah sah pada sultan bahawa dia memang tidak memiliki apa-apa untuk membayar, maka akan dipanggil semua pemiutang berkenaan lalu dibayar hak mereka daripada simpanan Baitul Mal oleh *Baghbun*²⁷², ia itulah Raja Terbesar. – Gelaran *Baghbun* itu maknanya: *“Anak Langit”*; sementara kami pula menamakannya *Maghbun*²⁷³ – kemudian dibuat pengumuman: *“Barangsiapa yang*

²⁷² Ar: (البغيون). Sementara naskhah Asy-Syaruni ditulis (بغيور). Menurut Al-Khawarizmi (بغيور) *“Baghbun”*. *“Bagh”* ertinya Raja, manakala *“Bur”* bererti anak dalam bahasa Sindh, China, Parsi Pahlawi. (*Mafaatih Al-Ulum*, m/s 116-117). –notakaki Dr. Saif.

²⁷³ Ar: (المغبون). Yakni orang yang tertipu atau orang yang rugi. – pent.

berurusniaga dengan dia ini akan dihukum bunuh!” Dengan itu hampir tidak ada orang yang berani melesapkan harta dan duit orang lain dengan cara begitu.

Sekiranya diketahui bahawa si muflis itu ada harta yang disimpan pada orang lain, dan tukang simpan itu pula tidak mengakui, maka si tukang simpan itu akan dibunuh secara dipukul dengan kayu, serta harta simpanan itu tidak akan dikurangkan sedikit pun. Harta itu kemudian akan diambil untuk dibahagi-bahagikan kepada sesiapa yang memiliki hutang si muflis itu. Setelah itu si muflis itu tidak akan dibenarkan berurusniaga lagi.²⁷⁴

Mereka juga memiliki sebongkah batu besar yang ditegakkan, panjangnya sepuluh hasta. Tertulis dengan huruf yang dipahat pada batu tersebut catitan mengenai ubat-ubatan dan penyakit: *“Penyakit sekian ubatnya sekian.”* Sekiranya pesakit merupakan seorang yang miskin, maka harga ubatannya akan ditanggung beres oleh Baitul Mal.

Harta benda dan tanah mereka tidak dikenakan cukai, tetapi dikutip mengikut cukai kepala berdasarkan kadar harta dan pekerjaan²⁷⁵ mereka. Apabila lahir seorang bayi lelaki dalam satu keluarga, maka akan dicatat

²⁷⁴ Hukuman berat dalam kes-kes seperti ini masih lagi dapat kita lihat dijalankan di negara China sampai kepada zaman kini (2016) contohnya dalam kes rasuah dimana para pesalah dihukum tembak dengan dipertontonkan hukuman itu kepada awam. –pent.

²⁷⁵ Kalimah Arabnya adalah (ضياع). Ia boleh bermaksud harta seperti tanah, boleh juga bermaksud kepakaran atau jenis pekerjaan seperti yang saya terjemahkan di atas. –pent.

namanya pada Raja²⁷⁶. Setelah budak itu mencapai umur lapan belas tahun, maka dia akan dikenakan cukai kepala. Apabila dia sampai umur lapan puluh tahun pula, cukai kepala tidak akan dikenakan, sebaliknya Baitul Mal pula yang akan memberi bantuan kepadanya. Mereka mengatakan: “*Kami dulu telah mengambil daripadanya sewaktu dia muda, maka kini kamilah yang akan menanggungnya ketika dia telah berusia.*”

Pada setiap bandar terdapat sekolah-sekolah rendah²⁷⁷ dan tempat belajar untuk mengajarkan kaum fakir miskin serta anak-anak mereka. Mereka itu juga dibiayai oleh Baitul Mal.²⁷⁸

Kaum wanita mereka mendedahkan rambut sementara kaum lelaki pula menutup kepala. Di sana juga terdapat sebuah kampung yang dipanggil Ta yu²⁷⁹, berkedudukan di bukit. Penduduk di situ pendek-pendek.

²⁷⁶ Yakni pihak berkuasa.

²⁷⁷ Ar: (كتاب). *Kuttab* secara umumnya adalah sekolah untuk mengajarkan pelajaran asas seperti membaca, menulis dan mengira. –pent.

²⁷⁸ Dari sini fahamlah kita bahawa negeri China zaman dahulu itu makmur dan teguh dengan sebab kepandaian siasah dan berekonomi, ketegasan dalam membanteras kezaliman dan penipuan walau sekecil-kecilnya, serta keprihatinan mereka kepada golongan lemah dan miskin. Mana-mana kerajaan pun dalam dunia ini pada mana-mana zaman jua, Islam atau bukan Islam, jika melakukan hal-hal di atas, pastilah akan menatijahkan akibat baik yang serupa. *Wallahu a'lam.* –pent.

²⁷⁹ Ar: (تا يوا).

Setiap orang yang bertubuh pendek di negeri China akan dinisbahkan kepada penduduk di kampung berkenaan.

Penduduk China orangnya cantik-cantik, tinggi lampai, putih bersih bercampur kemerah-merahan. Mereka itu sangat hitam rambutnya. Kaum wanita mereka berambut panjang mengurai.

ADAT TURUN-TEMURUN PENDUDUK HIND

Adapun negeri Hind, sesungguhnya jika berlaku kes dimana ada seorang lelaki mendakwa seorang yang lain dengan dakwaan yang boleh membawa kepada hukuman mati, maka akan dikatakan kepada si pendakwa berkenaan: “*Engkau mahu mengenakan api kepadanya?*”²⁸⁰ Maka dijawabnya: “*Ya!*”

Lalu dibakarkan seketul besi sehingga benar-benar panas sampai kelihatan api pada besi tersebut, kemudian dikatakan kepadanya: “*Bentangkan tanganmu!*”

Maka diletakkanlah di telapak tangan orang itu tujuh helai daun daripada pokok yang terdapat di negeri mereka, kemudian diletakkan besi panas tadi di atas daun tersebut. Berjalanlah orang itu kesana kemari sehingga dilemparkannya besi panas itu daripada tangannya. Setelah itu dibawakan pula suatu dompet kulit, maka dimasukkan tangannya ke dalam dompet tadi, lalu dicapkan dengan cop Sultan.

²⁸⁰ Yakni: “*Engkau mahu menjadikan api sebagai hakim siapa benar siapa salah antara kamu berdua?*” – Notakaki naskhah Asy-Syaruni dengan ringkas. –pent.

Apabila berlalu tiga [hari], dibawakan padi yang belum dikisar, lalu dikatakan kepada pesalah itu: *“Kupaslah kulit padi ini!”* Sekiranya tidak ada kesan apa-apa pada tangannya, maka terselamatlah dia dan tidaklah dia dihukum bunuh. Dan akan ditebus si pesalah itu dengan tebusan satu *mann* emas yang akan diambil oleh Sultan untuk diri baginda sendiri.

Kadangkala dijerang air dalam sebuah periuk besi atau tembaga sehingga seorang pun tidak mampu untuk mendekatinya [kerana terlampau panas], lalu dicampakkan ke dalamnya sebetuk cincin besi, lantas diarahkan kepada pesalah itu: *“Celupkan tanganmu dan keluarkan cincin tadi!”* Sungguh, aku sendiri pernah melihat seseorang mencelupkan tangannya ke dalam periuk tersebut dan mengeluarkan tangannya kembali tanpa apa-apa kesan [cedera atau melepuh]. Si pendakwa juga akan dikenakan denda sebanyak satu *mann* emas.

Apabila mangkat seorang raja di negeri Sarandib, maka jenazah akan diletakkan ke atas sebuah pedati yang rendah. Jenazah ditempatkan di bahagian belakang pedati itu dalam keadaan terlentang dengan rambut terurai menyentuh tanah. Sementara itu akan ada seorang perempuan dengan penyapu di tangannya menyapu tanah daripada rambut jenazah itu sambil berseru dengan katanya: *“Wahai manusia! Inilah raja kamu kelmarin. Dulunya dia telah memegang urusan kamu, dan segala titahnya dipatuhi. Sesungguhnya sekarang dia telah menjadi sepertimana yang kamu dapat lihat bagaimana dia telah meninggalkan dunia sedang malaikat maut telah mencabut nyawanya. Maka jaganlah kamu*

semua terpedaya dengan kehidupan setelah apa yang kamu lihat terjadi pada jenazah ini.”

Dan perkataan-perkataan lain seumpamanya diucapkan dengan hal sedemikian selama tiga hari.

Setelah itu maka disediakanlah cendana, kapur barus dan za'faran, lalu dibakarlah jenazah tersebut, kemudian abunya dihamburkan ke udara untuk diterbangkan angin. Orang Hindu semuanya membakar jenazah mereka. Sarandib adalah pulau yang terletak di hujung dan ia termasuk negeri Hind. Adakalanya boleh jadi ketika dibakar jenazah raja itu, para isterinya pun akan turut masuk ke dalam api sehingga terbakar bersamanya. Namun sekiranya mereka mahu, mereka juga boleh untuk tidak melakukannya.

AHLI IBADAT HINDU

Di negeri Hind juga terdapat mereka yang sering berkelana di hutan rimba dan bukit-bukau serta menjauhi bergaul dengan manusia. Mereka kadangkala memakan rumput dan daun kayu serta buah-buahan hutan. Pada kemaluan mereka diletakkan suatu gegelung besi untuk mengelakkan mereka mendatangi kaum wanita.

Ada antara mereka itu yang bertelanjang bogel saja, ada juga yang duduk tegak mengadap matahari dalam keadaan bogel begitu – melainkan menutup badannya dengan sedikit daripada kulit harimau. Aku sendiri pernah menyaksikan seorang lelaki daripada kalangan mereka ini seperti yang telah aku sifatkan di atas, kemudian aku beredar dari tempat berkenaan. Setelah aku kembali

semula ke tempat tersebut enam belas tahun kemudian²⁸¹, aku melihat lelaki tersebut masih dalam keadaan yang sama seperti yang aku tinggalkan dulu. Aku merasa sungguh takjub bagaimana matanya tidak tercabut melawan panas matahari itu.

Ahli keluarga kerajaan pada setiap kerajaan mereka adalah daripada satu keluarga yang mana kerajaan itu tidak keluar daripada kekuasaan keluarga berkenaan. Mereka juga memiliki para putera mahkota²⁸². Demikian juga para jurutulis dan tabib semuanya daripada ahli keturunan tertentu yang mana kepandaian tersebut tidak terdapat melainkan pada keluarga mereka saja.

Raja-raja di negeri Hind itu tidaklah dikawal oleh seorang raja, bahkan setiap orang raja adalah berkuasa ke atas negerinya masing-masing. Balhara merupakan Raja Teragung di Hind. Adapun China, maka mereka tidak memiliki para putera mahkota.

Orang China adalah bangsa yang sukakan permainan²⁸³ sedangkan orang Hind pula memandangi aib permainan-permainan dan mereka tidak melakukannya. Mereka juga tidak meminum arak dan tidak memakan cuka kerana asalnya cuka itupun daripada

²⁸¹ Kenyataan ini menunjukkan pengarang, iaitu Saudagar Sulaiman (Sulaiman At-Tajir) ini berulang alik ke Hind beberapa kali, dan dia sangat arif dengan hal ehwal penduduknya. –notakaki naskhah Dr. Saif.

²⁸² Ar: (ولاء عهد). Yakni para pewaris kerajaan mengikut susunan masing-masing seperti Raja Muda dan seterusnya. –pent.

²⁸³ Ar: (الملاهي).

arak juga. Hal itu bukanlah atas dasar larangan agama, tetapi mereka memandang jelek padanya. Kata mereka: “*Mana-mana raja yang meminum arak, maka dia bukanlah raja.*”

Ini kerana di sekeliling mereka terdapat banyak raja-raja yang sentiasa memerangi mereka. Kata mereka lagi: “*Bagaimanakah seorang pemabuk dapat mengurus tadbir kerajaannya?*”

Adakalanya mereka berperang untuk merebut takhta kerajaan, namun itu jarang terjadi. Belum pernah aku melihat seorang yang berjaya mengalahkan seorang yang lain dalam kerajaannya melainkan suatu kaum dekat negeri Filfil²⁸⁴. Apabila seorang raja berjaya mengalahkan kerajaan itu, raja yang menang itu menabalkan seorang putera daripada keluarga raja yang kalah serta jadilah ia bawah kekuasaan raja yang menang itu. Ini kerana penduduk negeri berkenaan tidak redha melainkan dengan cara itu saja.²⁸⁵

Adapun negeri China, kadangkala ada raja yang dibawah kekuasaan Raja Agung memberontak dan merampas kuasa lalu menyembelih serta memakan raja itu. Sesiapa yang dibunuh dengan pedang, maka orang China akan memakan dagingnya.

²⁸⁴ Ar: (الفيل). Pada telahan saya, ianya Pulau Pinang kerana ada sesetengah ulama asal Pulau Pinang seperti Alm. Tuan Guru Hj Soleh Penanti pada nama mereka terdapat nisbah “*Al-Filfilani*”. Dan negeri yang berhampiran yang disebut dalam kisah di atas boleh jadi negeri Perak kini. *Wallahu A’lam.* –pent.

²⁸⁵ Yakni raja mesti daripada keluarga raja asal juga. –pent.

PERBEZAAN ADAT DAN BUDAYA PENDUDUK HIND DAN CHINA

Penduduk Hind dan China, apabila hendak berkahwin maka mereka saling memberi tahniah kemudian saling bertukar hadiah, setelah itu diisytiharkanlah pernikahan itu dengan bunyian *ching chang*²⁸⁶ dan gendang. Hadiah itu adalah duit mengikut kadar kemampuan.

Apabila seseorang lelaki mendatangi seorang perempuan, lalu perempuan tersebut menggoda sehingga berlaku perkara keji, maka perempuan itu bersama lelaki yang berzina dengannya tersebut akan dihukum bunuh. Hukum ini berlaku di seluruh negeri Hind. Jika seorang lelaki merogol seorang perempuan, maka lelaki itu sahaja yang akan dibunuh. Sekiranya seorang lelaki berbuat keji dengan seorang perempuan dengan kerelaan perempuan berkenaan, maka kedua-dua mereka akan dibunuh.

Pencurian, samada sedikit atau banyak kadar curian itu, hukumannya di seluruh negeri China dan Hind adalah bunuh. Adapun di Hind, maka sesungguhnya jika mana-mana pencuri mencuri satu fulus atau lebih, akan diambil suatu kayu panjang dan ditajamkan di hujungnya, kemudian didudukkan pencuri tersebut di atas kayu itu sehingga keluar melalui halkumnya [sula].

Penduduk China mengamalkan liwat dengan kanak-kanak lelaki.

²⁸⁶ Sejenis alat muzik daripada gangsa berbentuk seperti tudung periuk yang dipegang di kedua belah tangan lalu dipukul bersama-sama. –pent.

Sesungguhnya dikenakan hukuman disebabkan perbuatan itu dikira setara dengan para penzina berhala.²⁸⁷

Pagar kubu penduduk China terbuat daripada kayu, manakala binaan penduduk Hind pula daripada batu, kapur, bata dan tanah. Kadangkala terdapat juga binaan sedemikian di negeri China.

Samada orang China atau Hind itu, wanita mereka tidaklah terikat dengan mana-mana lelaki. Seseorang lelaki daripada kalangan mereka boleh menikahi mana-mana wanita sahaja yang dia sukai.²⁸⁸

Makanan penduduk Hind adalah nasi, manakala gandum dan nasi merupakan makanan penduduk China. Penduduk Hind tidak memakan gandum.

Orang China dan orang Hind masing-masing tidak ada yang berkhatan.

Penduduk China menyembah berhala dan bersembahyang serta memohon kepada berhala-berhala tersebut. Mereka juga mempunyai pelbagai kitab agama.

Orang Hind memanjangkan janggut mereka.

²⁸⁷ Mungkin ayat ini merujuk kepada penduduk Hind yang membunuh peliwat, berbeza dengan penduduk China. Ini kerana di Hind, seorang yang “mendatangi” berhala akan dihukum bunuh, seperti yang terdapat pada sebuah kisah dalam *Ajaibul Hind*. Untuk rujukan boleh dilihat di dalam *Ajaibul Hind* yang telah saya terjemahkan ke dalam Bahasa Melayu sebelum menterjemahkan kitab ini. –pent.

²⁸⁸ Yakni sekalipun perempuan yang dikehendaknya itu merupakan isteri orang lain. –pent.

Adakalanya aku melihat janggut salah seorang daripada mereka itu panjangnya sampai tiga hasta. Misai mereka juga turut dibiarkan panjang. Kebanyakan penduduk China pula tidak ada yang berjanggut yang mana memang asal kejadiannya kebanyakan mereka begitu. Penduduk Hind, apabila ada kematian salah seorang daripada mereka, maka mereka akan mencukur kepala dan janggutnya.

Penduduk Hind, apabila mereka memenjara atau menahan seseorang, selama tujuh hari ia tidak akan diberi makan minum.

Penduduk China mempunyai para hakim yang akan memutuskan hukum, tanpa adanya para pekerja²⁸⁹. Begitu juga yang diamalkan oleh penduduk Hind.

Harimau dan serigala kedua-duanya terdapat di negeri China, sedangkan singa tidak terdapat di kedua-dua negeri itu.

Para perompak dihukum bunuh.

Penduduk China dan Hind percaya bahawa berhala berkata-kata dengan mereka, sedangkan yang berkata-kata kepada mereka itu adalah para hamba mereka. Penduduk China dan Hind membunuh binatang yang hendak dimakan dengan tidak menyembelihnya, sebaliknya mereka akan memukul kepalanya sehingga mati.

²⁸⁹ Yakni pekerja lain yang ikut serta dalam menjatuhkan hukum. Barangkali seperti barisan para juri seperti yang dipakai dalam sistem kehakiman sesetengah negara. –pent.

Samada penduduk Hind atau China, semua mereka tiada yang mandi kerana janabah [hadas besar]. Orang China tidak beristinjak²⁹⁰ melainkan dengan kertas, sementara orang Hind pula akan mandi setiap pagi sebelum sarapan, kemudian barulah mereka makan.

Orang Hind tidak mendatangi perempuan pada waktu haid dan mengeluarkan mereka daripada rumah kerana merasa tidak enak terhadap perempuan itu. Sementara orang China pula mendatangi perempuan ketika haid dan tidak mengeluarkan mereka daripada rumah.

Orang Hind menggosok gigi. Salah seorang daripada mereka tidak akan makan sehinggalah terlebih dahulu menggosok gigi dan mandi. Manakala orang China tidaklah melakukan hal itu.

Negara Hind lebih luas berbanding negeri China berkali ganda. Bilangan raja-raja mereka juga lebih banyak, sedangkan negeri China itu lebih makmur [membangun]. China dan Hind tidak ada pokok kurma, sebaliknya mereka memiliki segala jenis pokok dan buah-buahan yang tiada pada kita [orang Arab]. Hind tidak ada buah anggur, sementara di China ada juga sedikit. Buah-buahan jenis lain memang banyak sekali. Buah delima pula lebih banyak terdapat di Hind.

Penduduk China itu tidaklah mempunyai ilmu, hanyasanya asal agama mereka itu daripada Hind jua. Mereka meyakini bahawa orang Hind membuat untuk

²⁹⁰ Membersihkan tempat keluar najis setelah qadha hajat. –pent.

mereka segala berhala dan mereka [orang Hind] itulah ahli agama. Kedua-dua negeri itu berpegang kepada konsep perpindahan roh daripada satu kehidupan kepada kehidupan yang lain²⁹¹, namun dalam hal cabang agama itu mereka berbeza pendapat.

Perubatan dan falsafah itu di Hind. Penduduk China juga menguasai perubatan dan kebanyakan perubatan mereka adalah menggunakan teknik besi panas²⁹². Mereka [penduduk China] juga memiliki ilmu nujum, bahkan pada penduduk Hind lebih banyak lagi.

Tidak aku ketahui seorang pun daripada dua jenis bangsa itu yang Muslim dan tahu bercakap Arab.

Kuda terdapat sedikit sahaja di Hind, sebaliknya di China lebih banyak. Di China tidak terdapat gajah dan mereka pun tidak akan membiarkannya di negeri mereka kerana bimbangkan kecelakaan dan nasib buruk disebabkan. Tentera Raja Hind lebih banyak dan mereka tidak diberi gaji. Mereka cuma dipanggil oleh raja untuk berperang, lalu mereka keluar dengan perbelanjaan mereka sendiri dan raja tidak menanggung biaya mereka. Adapun China, maka tentera mereka digaji seperti gaji [tentera] Arab.

Negeri China lebih bersih dan lebih indah. Kebanyakan negeri Hind itu tidak mempunyai bandar. Penduduk China pula pada setiap tempat mereka itu terdapat bandar yang besar dan bertembok. Negeri China

²⁹¹ Ar: (التناسخ).

²⁹² Ar: (الكي). Al-Kayy.

juga lebih menyihatkan dan sedikit penyakit serta lebih bagus udaranya. Hampir-hampir tidak dapat dilihat di sana orang buta atau juling atau berpenyakit. Sedangkan semua ini banyak sekali di negeri Hind.

Sungai di kedua-dua negeri itu besar-besar, bahkan ada yang lebih besar daripada sungai kita [di negeri Arab]. Banyak hujan di kedua-dua negeri itu. Di negeri Hind banyak tanah-tanah lapang, sementara di China kesemuanya dibangun [dipergunakan tanahnya].

Penduduk China lebih cantik daripada penduduk Hind dan lebih menyerupai Arab dari segi berpakaian dan tunggangan. Perilaku mereka dalam kenaikan mereka menyamai orang Arab dengan memakai pakaian luar serta ikat pinggang. Sementara penduduk Hind pula memakai dua helai kain sarung serta berhias dengan gelang emas dan permata, samada yang lelaki atau perempuannya.

Setelah negeri China dari sebelah daratnya adalah negeri Tughuzghuz²⁹³. Mereka ini daripada bangsa Turki. Dan Khaqan Tibet²⁹⁴ antara negeri bersempadan dengan negeri bangsa Turki. Adapun sempadan negeri China pada sebelah lautnya pula adalah pulau-pulau Sila²⁹⁵.

²⁹³ Ar: (التغوزغوز).

²⁹⁴ Ar: (خاقان تبت).

²⁹⁵ Ar: (جزائر السيل). Dikatakan bahawa ini adalah Pulau Korea hari ini. Dinyatakan dalam sebuah kitab yang lain bahawa sebab dinamakan demikian adalah kerana barangsiapa yang masuk ke negeri itu akan merasa ceria atau senang hati (*man dakhala salaa*). Waalahu a'lam. -pent.

Mereka ini berkulit putih dan memberi hadiah kepada Raja China dengan keyakinan bahawa jika mereka tidak memberi hadiah kepada baginda hujan tidak akan turun. Tidak ada antara sahabat kami yang pernah sampai ke sana untuk dapat menceritakan hal ehwal mereka. Di sana juga terdapat helang berwarna putih.²⁹⁶

* * *

*Tamat terjemahan bahagian pertama daripada dua bahagian
kitab ini pada 16 Ogos 2016, Selasa,
jam 12:06 pagi.*

تم

²⁹⁶ Berdasarkan keterangan ini, pulau-pulau Sila yang dimaksudkan adalah Hong Kong, Hainan dan Fuzhou. Juga termasuk pulau-pulau Filipina. Ini kerana pulau-pulau berkenaan menjadi habitat helang berwarna putih atau *White-bellied sea eagle*. Sementara Korea tidaklah termasuk dalam senarai habitat helang jenis ini. Wallahu a'lam. Pautan mengenai *White-bellied sea eagles* (https://en.m.wikipedia.org/wiki/White-bellied_sea_eagle) -pent.



KITAB KEDUA

DARIPADA BERITA-BERITA NEGERI CHINA DAN HIND

Kejadian-Kejadian Tahun 264 H Di Khanfu

Berkata Abu Zaid Al-Hasan As-Sirafi:

Sesungguhnya aku telah melihat dalam kitab ini, yakni Kitab Pertama yang aku telah diperintahkan untuk menelitinya dan menetapkan apa-apa yang aku temui di dalamnya darihal lautnya, raja-rajanya dan hal ehwal keadaan mereka, serta apa saja yang aku ketahui mengenai berita-berita mereka itu yang tidak dimasukkan ke dalam kitab berkenaan; maka aku telah dapati tarikh kitab tersebut adalah pada tahun dua ratus tiga puluh tujuh (237 H), dan urusan di laut pada waktu itu adalah

berjalan teratur disebabkan banyaknya berlaku ulang-alik para pedagang ke sana daripada Iraq.

Dan aku dapati juga bahawa keseluruhan apa yang telah dihidayatkan di dalam kitab tersebut adalah dengan jalan yang tepat dan benar, melainkan apa yang disebutkan di dalamnya berkenaan makanan yang dipersembahkan oleh penduduk China kepada orang mati mereka, yang mana apabila makanan tersebut diletakkan di sisi mayat itu pada malam hari, maka keesokan paginya didapati makanan tersebut telah tiada, dan mereka mendakwa bahawa mayat itu telah memakannya; maka sesungguhnya cerita ini memang telah sampai kepada kami seperti itu juga sehinggalah seseorang – yang kami percayai ceritanya – datang daripada belah negeri penduduk China itu lalu kami pun bertanyakan kepadanya tentang hal tersebut, maka dia mengingkarinya sambil berkata: *“Itu hanyalah dakwaan yang tidak ada asal usulnya sama seperti dakwaan para penyembah berhala juga yang percaya bahawa berhala-berhala itu bercakap dengan mereka.”*²⁹⁷

Selepas tarikh ini [yakni tahun 237 H] hal ehwal penduduk China secara khususnya telah berubah dengan berlakunya beberapa peristiwa yang menyebabkan terputusnya pemergian kapal-kapal ke negeri mereka, kehancuran negeri dan hilangnya keteraturan pentadbiran serta kucar-kacir segala urusan. Dan aku

²⁹⁷ Nyata di sini bahawa yang diingkari bukanlah khabar kejadian tersebut, namun yang diingkari itu adalah kepercayaan penduduk China yang mendakwa makanan itu dimakan oleh si mati. –pent.

akan menerangkan apa yang dalam pengetahuanku daripada sebab-sebab yang membawa kepada berlakunya hal itu, insya Allah.

Sebab yang merubah hal ehwal negeri China itu daripada keadaan sebelumnya dari sudut pemerintahan dan keadilan serta terputusnya pemergian kapal-kapal daripada Siraf ke sana adalah kerana berlakunya pemberontakan oleh seorang pemberontak yang bukan daripada keluarga raja yang memerintah, dikenali sebagai Ban Syu²⁹⁸. Mula perkaranya adalah pakatan senyap, kemudian saling berjanji setia, lalu memikul senjata dan membuat kacau, seterusnya makin banyak orang-orang bodoh yang ikut serta sehingga makin kuat pengaruhnya, banyak bilangan anggotanya dan teguh propagandanya.

Mereka lalu mensasarkan untuk menguasai Khanfu berbanding kota-kota yang lain, yang mana Khanfu merupakan sebuah bandar yang menjadi tumpuan para pedagang Arab, letak kedudukan antaranya dengan laut hanyalah beberapa hari saja. Khanfu itu terletak pada lembah yang luas dengan (air tawar yang mewah). Namun para penduduk Khanfu menolak untuk menjadi pengikut pemberontak ini, lalu dia mengepung mereka selama satu

²⁹⁸ Ar: (يانشوا). Al-Mas'udi mengisahkan dengan agak panjang lebar dan sedikit berbeza dalam kitab *Muruj Adz-Dzahab* kisah pemberontakan ini, sepertimana berbezanya juga nama kepala pemberontak ini di sana tertulis: Yan Syu (يانشو). Mungkin perbezaan ini disebabkan kesilapan penyalin naskhah. –notakaki naskhah Asy-Syaruni dengan sedikit ubah suai.

tempoh yang agak panjang. Pengepungan itu berlaku pada tahun dua ratus enam puluh empat (264 H) sehinggalah dia berjaya mengalahkan mereka dan menghunuskan pedang ke atas mereka.

Para ahli yang berpengalaman tentang hal ehwal mereka itu telah menyebutkan bahawa kaum Muslimin, Yahudi, Kristian, dan Majusi – tidak termasuk penduduk China sendiri – yang telah dibunuh dalam tragedi itu adalah seramai seratus dua puluh ribu (120 000) lelaki, yang mana mereka itu bermukim di bandar tersebut seterusnya berdagang di sana. Sesungguhnya dapat diketahui bilangan mangsa daripada empat agama ini adalah kerana bilangan mereka itu ada tercatat pada penduduk China²⁹⁹.

Para pemberontak itu juga menebang pokok-pokok malberi³⁰⁰ dan segala pokok lainnya. Kami sebutkan pokok malberi secara khusus disebabkan penduduk China menjadikan daun pokok tersebut sebagai makanan ulat sutera sehingga ulat itu menjadi kepompong. Maka peristiwa ini menjadi suatu sebab terputusnya bekalan sutera khususnya ke negeri Arab.

Setelah menghancurkan-luluhkan bandar Khanfu, maka para pemberontak itu mula bergerak dari suatu bandar ke bandar yang lain untuk meruntuhkannya. Raja China

²⁹⁹ Yakni disebabkan kerajaan bandar tersebut mengenakan cukai kepala ke atas setiap pedagang asing yang menetap itu siap dengan catatannya. – Notakaki naskhah Asy-Syaruni dengan sedikit ubahsuai.

³⁰⁰ Ar: (شجر التوت). Mullberry. –pent.

ternyata tidak mampu menahan kemaraan mereka sehingga akhirnya mereka dapat menghampiri bandar di mana raja bersemayam yang dikenali sebagai Khumdan³⁰¹. Akhirnya Raja terpaksa melarikan diri ke bandar Meidu³⁰² yang bersempadan dengan negeri Tibet³⁰³ dan tinggal di sana.

Demikianlah berterusan zaman pemberontak itu sehingga semakin besarlah kedudukannya, dan tujuannya tidak lain selain menghancurkan seluruh bandar-bandar dan membunuh para penduduknya disebabkan tidak ada kaum kerabat raja yang mahu menyerahkan urusan pemerintahan kepadanya. Keadaan tersebut berlanjutan sehingga tahap habis rosak negara China itu sampai kepada waktu kita ini. Berterusanlah hari-hari dengan tidak ada sebarang perubahan sehinggalah Raja China menulis surat kepada Raja Tughuzghuz³⁰⁴ iaitu satu negeri daripada negeri Turki³⁰⁵ yang mana di antara kedua-dua Raja tersebut terdapat hubungan

³⁰¹ Ar: (خمدان).

³⁰² Ar: (مدو).

³⁰³ Ar: (بلاد التبت).

³⁰⁴ Ar: (التغرغز). Nama negeri, bukan nama raja. –pent.

³⁰⁵ Perlu dijelaskan bahawa Turki (الترك) yang dimaksudkan dalam kitab-kitab Arab klasik bukanlah sekadar sempadan negara Turki hari ini, tetapi berdasarkan bangsanya. Sepertimana juga Hind tidaklah sekadar sempadan India yang ada hari ini, tetapi bangsa yang mempunyai persamaan dari segi warna kulit, budaya, cara hidup dan lain-lain yang serupa maka disebut Hind juga termasuk sebelah Kepulauan Melayu kita. –pent.

permuafakatan³⁰⁶ dan persemendaan. Raja China mengirinkan beberapa utusan bagi meminta buah fikir bagaimana untuk mengangkat musibah yang ditimbulkan oleh kepala pemberontak itu.

Setelah itu, maka Raja Tughuzghuz lalu menghantar salah seorang puteranya bersama pasukan tentera yang sangat ramai bagi menghadapi kepala pemberontak berkenaan. Akhirnya berjajalah ia dikalahkan setelah mengharungi beberapa siri peperangan yang berterusan dan peristiwa-peristiwa yang besar. Sebahagian orang meyakini bahawa kepala pemberontak itu berjaya dibunuh dan sebahagian lain meyakini yang ia mati secara biasa [bukan dalam medan perang].

Dengan kejayaan itu maka kembalilah semula Raja China ke bandarnya yang dikenal sebagai Khumdan yang telah habis rosak binasa itu. Disebabkan baginda kini dalam keadaan lemah kekuasaannya, kurang harta kekayaannya, binasa segala panglima tentera dan orang-orang kanannya, ditambah pula dengan negeri-negeri jajahan yang tidak mahu memberikan bantuan dan harta benda; maka keadaan terdesak ini memaksa baginda untuk setakat mampu memberi keampunan kepada para pemberontak itu supaya mereka menzahirkan ketaatan dan menyebut-nyebut nama baginda saja, tanpa perlu patuh dan taat dalam memberikan harta dan ufti seperti sebelumnya.

³⁰⁶ Ar: (محاورة). Mungkin boleh disebut sebagai hubungan dialog, rakan dialog. –pent.

Dengan itu jadilah negara China setelah kejadian ini seumpama apa yang telah berlaku terhadap kiswa-kiswa setelah terbunuhnya Darius Yang Agung³⁰⁷ di tangan Iskandar, lalu dibahagi-bahagikannya negara Parsi itu kepada raja-raja kecil³⁰⁸. Lalu mereka saling bersaing sesama sendiri untuk mengalahkan saingannya tanpa keizinan Raja mahupun perintah baginda. Apabila salah satu daripada mereka yang kuat dapat mengalahkan pesaingnya yang lemah, maka akan dihancurkan negerinya, dijarah harta bendanya dan dimakan seluruh rakyat negeri yang kalah itu. Dan hal sedemikian itu harus bagi mereka dalam undang-undang³⁰⁹ mereka, kerana mereka saling berjual beli daging manusia di pasar-pasar mereka.

Sehinggalah keadaan dan perlakuan sebegini berlanjutan dan merebak kepada berlaku zalim terhadap para pedagang asing yang datang berdagang di sana. Apabila tindakan-tindakan zalim dan pencerobohan itu sudah melampaui batas kepada para nakhoda Arab dan nakhoda-nakhoda kapal yang lain, dengan dipaksakan kepada para pedagang itu hal-hal yang sebelumnya tidak diwajibkan kepada mereka, sehingga berlaku rampasan

³⁰⁷ Ar: (الدارا الكبير).

³⁰⁸ Ar: (ملوك الطوائف).

³⁰⁹ Di sini digunakan kalimah “*Syariat mereka*” (شريعتههم), namun saya terjemahkan sebagai undang-undang agar tidak disalah anggap sebagai suatu ajaran agama mereka pula, kerana barangkali ianya adalah budaya turun temurun mereka dalam peperangan. –pent.

terhadap harta benda mereka dan dikenakan pula peraturan-peraturan zalim yang tidak pernah berlaku sebelumnya, maka Allah telah bertindak menarik keberkatan daripada sekalian mereka semua³¹⁰. Lalu Allah menahan kapal-kapal daripada datang berdagang ke negeri mereka. Berlakulah kemerosotan dan akhirnya jatuh lingkup perdagangan di sana menerusi taqdir Tuhan yang Maha Mentadbir lagi Maha Suci NamaNya dan berpindah pula para nakhoda serta para pelaut ke Siraf dan Oman.³¹¹

HUKUMAN TERHADAP PENZINA LELAKI DAN PEREMPUAN

Ada disebutkan dalam kitab ini³¹² sebahagian daripada adat budaya penduduk China dan ada lagi yang lain-lain

³¹⁰ Yakni seluruh negara China menerima kesannya. –pent.

³¹¹ Tragedi ini juga antara penyebab pelabuhan Kalah (Kuala Merbok, Kedah) menjadi bertambah sibuk kerana kapal-kapal dagang dari Tanah Arab dan sekitarnya, Parsi serta India belayar sehingga ke Kalah sahaja – bukan lagi sekadar singgah seperti sebelumnya – dan tidak lagi meneruskan pelayaran ke Khanfu. Barangkali hal ini juga (di samping peristiwa-peristiwa lain) menjadikan laluan rentas Semenanjung yang saya sebutkan sebelum ini semakin lama semakin sepi sehingga akhirnya terkubur begitu saja. Lalu memberi kesan domino kepada pelabuhan-pelabuhan sepanjang laluan itu dan keruntuhan Zabaj, Kadrang dan lain-lain. Kemudian baru muncul pula Melaka mengambil alih tempat Kalah sebagai pelabuhan terunggul sehingga membentuk laluan baru Selat Melaka pula. *Wallahu a'lam*. –pent.

³¹² Yakni Kitab yang Pertama. –pent.

tidak disebutkan. [Antaranya] iaitu hukuman yang dijatuhkan ke atas penzina lelaki dan perempuan yang sudah berkahwin adalah hukuman bunuh. Demikian jugalah hukuman terhadap pencuri dan pembunuh.

Cara hukuman bunuh tersebut dijalankan adalah dengan diikat kedua belah tangan pesalah berkenaan dengan ikatan yang ketat dan kukuh. Kemudian kedua belah tangan itu diangkat melalui kepala lalu dibawa ke belakang tengkuk. Setelah itu, dimasukkan pula kaki kanannya ke pelipat sikunya yang kanan, dan kaki kirinya ke pelipat sikunya yang kiri, sehingga kedua belah kaki itu terhulur ke belakang menjadikan keadaan orang itu seperti sebiji bola. Keadaan sedemikian tidak memberi ruang kepada pesalah tadi untuk melepaskan diri lagi sehingga tidak diperlukan sesiapa pun untuk menjaganya agar tidak lari.

Bilamana begitu, tengkuk si pesalah sudah terkehel daripada bahunya, tulang rangka dan belakangnya jadi lari kedudukan daripada perutnya, pinggulnya terseliuh dan culang-caling, manakala nafasnya pula sesak tersekat-sekat. Sehingga keadaannya itu jika dibiarkan beberapa waktu pasti akan mati sendiri. [Tetapi tidak begitu]. Apabila sudah begitu keadaannya, maka pesalah itu akan dipukul bertalu-talu menggunakan kayu khas untuk memukul pesalah. Pukulan bertalu-talu tersebut ada bilangannya yang tidak akan dilampaui.

Setelah pesalah itu mati, mayatnya akan diserahkan kepada mereka yang akan memakan dagingnya.

[PELACUR BERDAFTAR]³¹³

Dalam masyarakat mereka terdapat segolongan wanita yang tidak mahu terikat dengan ikatan perkahwinan, namun gemar untuk berzina. Caranya adalah dengan wanita tersebut hadir ke majlis Ketua Polis dan memberitahu bahawa dia tidak mahu berkahwin, sebaliknya mahu masuk ke dalam golongan para pelacur dan memohon untuk dimasukkan bersama golongan tersebut.

Antara resam mereka kepada perempuan sebegini adalah hendaklah dia menuliskan nasab keturunannya, sifat-sifat dirinya serta alamat tempat tinggalnya. Setelah itu barulah dia dimasukkan ke dalam daftar para pelacur³¹⁴. Kemudian dia akan diberikan seutas rantai benang yang terdapat padanya suatu cincin tembaga yang dicop dengan cop raja dan sehelai dokumen menyatakan bahawa dia termasuk golongan pelacur yang berkewajipan membayar kepada Baitul Mal [Perbendaharaan] sekian sekian *fulus*³¹⁵ jumlahnya pada setiap tahun, serta barangsiapa yang mengambilnya sebagai isteri akan dikenakan hukuman bunuh. Dengan itu, si pelacur tadi akan menunaikan kewajipannya [yakni cukai] pada setiap tahun, dan dia tidak akan diambil tindakan atas kesalahan berzina.

Kaum wanita golongan ini kebiasaannya akan keluar

³¹³ Tajuk daripada penterjemah sendiri. –pent.

³¹⁴ Ar: (ديوان الزواني).

³¹⁵ Fulus (الفلس) adalah duit tembaga. –pent.

pada waktu senja dengan memakai pakaian berwarna-warni tanpa berselindung.³¹⁶ Mereka kemudian mendatangi orang-orang fasiq dan kaki maksiat yang terdiri daripada orang-orang asing dan orang-orang China sendiri lalu bermalam dengan mereka itu sebelum beredar keesokan paginya.

Dan kami memuji Allah kerana Dia telah mensucikan kami daripada fitnah sebegini.³¹⁷

URUSAN KEWANGAN

Adapun sebab penggunaan wang *fulus* oleh mereka dalam urusan muamalat³¹⁸ adalah kerana mereka mengingkari urusan muamalah dengan duit dinar dan dirham. Kata mereka: sesungguhnya kalaulah ada pencuri yang masuk ke rumah seorang Arab yang menggunakan duit dinar dan dirham dalam urusan muamalatnya, pastilah ia akan dapat mencuri sepuluh ribu dinar dan sejumlah yang sama pula daripada duit dirham. Dengan itu rugi besarlah tuan rumah itu. Sebaliknya, jika ada pencuri yang masuk mencuri rumah orang tempatan, dia hanya akan berjaya mencuri kurang-kurang sepuluh ribu fulus sahaja, yang

³¹⁶ Dalam teks Arabnya disebut (من غير إستتار) yang boleh juga dimaksudkan berpakaian terdedah atau seksi. –pent.

³¹⁷ Gantinama “kami” (نحن) dalam ayat ini boleh juga dibaca sebagai “kita”, yakni kita sebagai kaum Muslimin yang disucikan Allah daripada budaya pelacuran sebegitu dalam negara Islam (zaman pengarang). –pent.

³¹⁸ Urusan kewangan, jual beli harian, perdagangan dan seumpamanya. –pent.

mana jumlah itu hanya menyamai sepuluh *mitsqal* emas saja.³¹⁹

Duit fulus ini terbuat daripada tembaga yang dicampur dengan lain-lain logam campuran. Satu fulus ukurannya sebesar satu dirham *baghli*³²⁰. Di tengahnya terdapat lubang yang besar untuk dimasukkan tali benang ke dalamnya³²¹. Setiap seribu fulus sama nilainya dengan satu *mitsqal* emas.³²²

Seribu keping fulus akan diikat dalam satu untaian menggunakan tali benang yang dibuat satu simpulan bagi setiap seratus keping fulus. Apabila seseorang membeli tanah atau barangan yang besar atau bawang atau barangan yang lebih murah sekalipun, maka diserahkanlah duit fulus ini mengikut harga belian tersebut. Dan duit fulus ini ada terdapat di Siraf, dengan ukiran di atasnya dengan tulisan mereka.³²³

RUMAH-RUMAH DI NEGERI CHINA

Adapun kebakaran di negara China serta binaan rumah-rumah di sana dan apa-apa yang telah disebutkan, maka rumah-rumah di sana dibina – mengikut apa yang dikatakan – daripada kayu dan buluh-buluh rotan yang dijalin, seumpama belahan-belahan buluh di tempat kita.

³¹⁹ Yakni kerugian hanya sekitar sepuluh dinar saja, sekalipun sepuluh ribu fulus yang dicuri. –pent.

³²⁰ Ar: (الدرهم البغلي)

³²¹ Yakni untuk mudah dibawa, seperti gugusan biji tasbih. –pent.

³²² Iaitu satu dinar. –pent.

³²³ Tulisan Cina. –pent.

Setelah itu ditempelkan pula tanah yang campurannya daripada bijirin pokok rami sehingga menjadi warna putih seperti susu memberi kesan berminyak pada dinding sehingga kelihatan berkilat-kilat yang menakjubkan.

Rumah-rumah mereka tidak memiliki bendul. Ini kerana segala barang-barang dan perkakas rumah serta lainnya semuanya disimpan di dalam kotak-kotak yang disusun di atas kereta tolak yang boleh dibawa kemana-mana. Maka, apabila berlaku kebakaran, dengan pantas dapat ditolak kereta peti-peti tadi tanpa terhalang oleh bendul pintu.

KEDUDUKAN KHADAM DI NEGERI CHINA

Adapun kedudukan para khadam, maka telah disebutkan secara umum sahaja.³²⁴ Sesungguhnya mereka itu menguasai urusan kharaj dan pintu-pintu pendapatan³²⁵. Ada di antara para khadam itu merupakan tawanan daripada beberapa kawasan, lalu mereka dikasi, ada pula antara mereka penduduk China sendiri yang dikasi oleh bapanya daripada lalu dihadiahkan kepada Raja sebagai jalan untuk mendekati diri kepada Raja. Segala urusan Raja yang berkaitan dengan perkara-perkara khusus dan perbendaharaannya dan sesiapa yang diutuskan ke bandar Khanfu yang menjadi tempat tumpuan pedagang Arab itu semuanya adalah para khadam.

Di antara peraturan mereka dalam hal perarakan

³²⁴ Yakni dalam kitab yang pertama. –pent.

³²⁵ Yakni punca-punca kemasukan pendapatan negeri. –pent.

para khadam itu dan juga para raja bandar-bandar iaitu adanya seorang lelaki yang akan mendahului rombongan dengan membawa sebatang kayu seperti kerantung yang akan dipukul bertalu-talu. Bunyi ketukan kerantung tersebut dapat didengar daripada jarak yang jauh sehingga dengan itu rakyat yang mendengar bunyinya akan menghindar dan tidak akan berdiri di jalan yang bakal dilalui oleh khadam atau raja berkenaan. Sesiapa yang berada di pintu rumah akan segera masuk dan mengunci pintu. Dengan itu khadam atau raja bandar itu akan dapat melalui jalan – dengan membangkitkan rasa gerun dan penuh kemegahan – tanpa ada rakyat jelata yang mengganggu kelancarannya. Hal itu juga dilakukan supaya rakyat tidak selalu dapat melihat mereka dan tidak ada seseorang yang berani membuka mulut untuk bercakap-cakap dengan mereka.

Pakaian para khadam dan ketua-ketua pengawal mereka adalah sutera megah bermutu tinggi yang tidak ada yang seumpamanya dieksport ke negeri Arab. Harganya pula teramat mahal. Salah seorang pemuka saudagar yang tidak diragui percakapannya telah menceritakan bahawa dia pernah berjumpa dengan seorang sida-sida yang diutuskan oleh raja ke bandar Khanfu bagi memilih barangan yang diperlukan yang dibawa masuk daripada negeri Arab. Semasa berurusan itu, saudagar tersebut terpandangan sejenis burdah yang terlihat menerusi pakaian sutera yang dipakai oleh khadam berkenaan. Dia mengira-ngira bahawa burdah itu di bawah dua lapisan baju sutera. Apabila dia begitu

asyik merenung, tiba-tiba sida-sida itu lalu menegur dengan katanya: “*Saya melihat tuan begitu asyik merenung ke dada saya, mengapa agaknya?*”

Maka jawab saudagar tersebut: “*Saya sangat takjub melihat burdah yang dapat dilihat menerusi pakaian tuan ini.*”

Mendengar itu maka tertawalah sida-sida berkenaan. Dia lalu mengangkat lengan bajunya menunjukkan kepada saudagar itu seraya berkata: “*Cuba tuan kira berapa lapis baju yang saya pakai ini.*”

Saudagar tersebut mendapati rupa-rupanya baju sutera yang dipakai oleh sida-sida itu lima lapisan semuanya, dan burdah tersebut kelihatan menerusi lima lapis baju. Sutera yang sebegini sifatnya pun sebenarnya bukan apa-apa lagi jika hendak dibandingkan dengan sutera yang dipakai oleh raja-raja mereka yang mana lebih tinggi mutunya dan lebih menakjubkan.

KEMAHIRAN ORANG CHINA DALAM KERJATANGAN

Penduduk China adalah sepintar-pintar makhluk Allah dalam pertukangan tangan, samada dari segi ukir-mengukir atau pembuatan. Tidak ada sesiapa pun daripada segala umat yang lain yang dapat mengalahkan mereka dalam segala kerja buat mereka. Seseorang lelaki daripada mereka akan membuat sesuatu hasil kerja tangan dengan keyakinan bahawa orang lain tidak dapat membuat seumpamanya, seterusnya dia akan membawa kerjatangannya itu ke pintu raja dengan harapan untuk mendapatkan anugerah atas ketelitian hasil kerjanya itu.

Maka raja akan menitahkan untuk diletakkan hasil

kerja tersebut di pintu raja sehingga satu tahun. Sekiranya tiada seorang pun dapat mencungkil sesuatu aib kekurangan daripadanya, barulah raja akan mengurniakan anugerahnya serta memasukkan tukang itu dalam kalangan para tukang raja. Sebaliknya jika sesuatu aib kekurangan dapat dicari pada hasil kerjatangan berkenaan, maka raja akan menolaknya dan tiada anugerah akan diberikan.

Ada seorang lelaki telah melukis di atas sehelai kain sutera gambar sepotong tangkai³²⁶ dengan seekor burung ciak sedang bertenggek di atasnya yang mana jika sesiapa pun yang memandangnya tidak akan syak lagi bahawa itu adalah tangkai yang sebenar dengan seekor burung ciak yang sebenar sedang bertenggek di atasnya. Kekallah lukisan berkenaan dalam satu tempoh sehinggalah suatu masa melintastah di situ seorang lelaki yang bongkok lalu dia menyebut bahawa terdapat kekurangan pada lukisan itu.

Lelaki bongkok itu lalu dibawa masuk mengadap raja bandar itu, dan si pelukis juga turut hadir bersama. Ditanyakanlah kepada si bongkok itu tentang kekurangan apa pada lukisan berkenaan. Maka jawabnya: *“Sudah sedia maklumlah pada semua manusia bahawa tidak ada seekor burung ciak pun yang hinggap bertenggek di atas sebatang tangkai melainkan pastilah tangkai itu akan condong. Sedangkan pelukis ini melukis tangkai itu lurus saja tidak menunduk, demikian juga burung ciak*

³²⁶ Ar: (سنبله). Yakni tangkai padi atau gandum dan yang seumpamanya. –pent.

yang di atasnya pun tegak pula. Maka ini sudah tentulah salah.”

Perkataan si bongkok itu pun diakui benar. Maka raja pun tidak menganugerahkan apa-apa buat pelukisnya. Tujuan mereka dalam hal ini dan seumpamanya adalah sebagai latihan dan desakan bagi sesiapa yang melakukan kerjatangan agar lebih teliti dan mengerahkan segenap fikiran dalam kerja buat mereka.

PERTEMUAN ANTARA SEORANG LAKI-LAKI QURAI SY DENGAN RAJA CHINA

Sesungguhnya di Basrah dulu ada seorang laki-laki daripada suku Quraisy dikenal sebagai Ibn Wahb, keturunan Habbar bin Al-Aswad telah keluar daripada sana sewaktu keruntuhan bandar tersebut. Dia lalu menuju ke Siraf. Kebetulan di situ ada sebuah kapal yang hendak belayar ke negeri China. Dengan itu dia memutuskan untuk menumpangi kapal tersebut. Sesampainya di sana, dia memutuskan pula untuk mengadap Raja Agung. Maka berjalanlah dia menuju ke Khumdan dalam waktu lebih kurang dua bulan daripada bandar yang terkenal, Khanfu.

Sesampainya, maka dia pun duduklah di hadapan pintu raja dalam jangkamasa yang agak lama dengan mengangkat potongan kain yang menyebutkan bahawa dirinya adalah daripada Ahli Bait Nabi bangsa Arab. Setelah beberapa lama keadaan demikian, maka raja pun menitahkan agar ditempatkan lelaki itu di sebahagian tempat tinggal dengan diberi rawatan yang diperlukannya. Raja pula menulis sepucuk surat kepada

pengusa yang ditugaskan di Khanfu untuk menyelidik dan bertanya-tanya kepada para saudagar di sana tentang dakwaan kekerabatan dengan Nabi SAW oleh lelaki berkenaan.

Tidak berapa lama, maka sampailah surat balasan daripada penguasa di Khanfu memberitahu bahawa benarlah dakwaan nasab itu. Dengan itu maka raja mengizinkan dia masuk mengadap serta mengurniaknya harta yang banyak sehingga dia dapat kembali semula ke Iraq. Lelaki itu adalah seorang syaikh lagi baik kefahamannya. Dia telah memberitahu kepada kami bahawa tatkala dia masuk mengadap itu maka Raja pun menyoalnya berkenaan bangsa Arab dan bagaimana mereka dapat mengalahkan bangsa ‘Ajam³²⁷.

Maka jawabnya: *“Dengan pertolongan Allah yang Maha Agung sebutanNya dan dengan sebab orang ‘Ajam itu menyembah api serta bersujud kepada matahari dan bulan, bukannya kepada Allah.”*

Raja berkata kepadanya: *“Sesungguhnya bangsa Arab itu telah mengalahkan kerajaan yang paling agung, paling luas tanah suburnya, paling melimpah hartanya, paling cerdik rakyatnya dan paling jauh jangkauan titahnya.”*

Kemudian raja menyambung soalnya: *“Apakah kedudukan seluruh raja-raja pada sisi kamu?”*

“Aku tidak ada ilmu tentang hal itu,” jawab lelaki tersebut.

Raja lalu berkata kepada penterjemahnya: *“Katakan padanya bahawa sesungguhnya kita menghitung raja-raja itu ada*

³²⁷ Bangsa-bangsa lain daripada bangsa Arab. -pent.

lima semuanya. Yang paling luas kerajaannya adalah raja yang menguasai Iraq, kerana Iraq itu terletak di tengah-tengah dunia dan segala raja-raja itu di sekelilingnya. Dan kami dapati namanya di sisi kami³²⁸ adalah Raja Segala Raja³²⁹. Setelah raja itu adalah Raja kami ini. Kami mendapati baginda di sisi kami adalah Raja Manusia kerana tidak ada seorang pun daripada para raja yang terlebih bijak siasahnya daripada kami serta paling teliti berbanding ketelitian raja kami, dan tidak ada rakyat jelata yang lebih taat kepada raja-rajanya berbanding rakyat kami. Maka kami adalah Raja Manusia.

Setelah kami adalah Raja Binatang Liar, ia itulah Raja Turki yang berdekatan dengan negeri kami ini. Setelah mereka adalah Raja Gajah, ia itulah Raja Hind. Kami mendapatinya di sisi kami adalah Raja Hikmah disebabkan hikmah itu berasal daripada mereka.

Selepasnya pula adalah Raja Rom. Ia itulah di sisi kami sebagai Raja Lelaki disebabkan tidak ada di bumi ini yang lebih sempurna jasmani dan kacak rupa seperti kaum lelaki mereka. Maka mereka itulah raja-raja terhebat, sementara raja-raja yang lain di bawah mereka itu.”

Kemudian raja itu bertitah lagi kepada penterjemahnya: “Katakan padanya adakah dia kenal sahabatnya – yakni Rasulullah SAW – seandainya dia melihatnya?”

Aku lalu menjawab: “Bagaimanakah aku dapat melihat baginda sedangkan baginda kini di sisi Allah Jalla wa ‘Azza.”

³²⁸ Yakni dalam pengetahuan kami. –pent.

³²⁹ Ar: (ملك الملوك). Yang dimaksudkan adalah Khalifah Islam. Zaman itu adalah zaman Abbasiyah. –Pent.

Maka titah raja: *“Bukan itu maksudku. Yang aku maksudkan adalah gambarnya.”*

Lalu sambung raja itu: *“Baiklah!”*

Lalu diperintahkannya untuk dibawa keluar suatu peti dan diletakkan di hadapannya. Baginda lalu mengambil suatu gulungan³³⁰ sambil berkata kepada penterjemahnya: *“Tunjukkan kepadanya sahabatnya itu³³¹.”*

Aku lalu melihat padanya gambar para Nabi, lantas aku pun menggerakkan kedua-dua bibirku berdoa untuk mereka. Mereka tidak mengetahui bahawa akulah yang paling arif berbanding mereka. Baginda lantas berkata kepada penterjemahnya: *“Tanyakan dia mengapa dia menggerakkan bibirnya kumat-kamit.”*

Penterjemah bertanya; lalu aku katakan: *“Aku berdoa untuk para Nabi itu.”*

Lalu tanya baginda: *“Dari mana engkau kenal mereka?”*

Maka jawabku: *“Daripada gambaran perkara mereka. Ini Nuh dalam kapal, terselamat bersama pengikutnya ketika mana Allah Yang Maha Agung SebutanNya telah memerintahkan air agar menenggelamkan seluruh bumi dan penduduknya, sedang Allah menyelamatkan baginda dan pengikutnya.”*

Raja itu ketawa tiba-tiba seraya bertitah: *“Adapun Nuh, maka betullah namanya yang engkau sebutkan itu. Tapi, tentang tenggelamnya bumi keseluruhannya itu maka tidaklah kami mengetahuinya. Hanyasanya taufan banjir itu berlaku pada sebahagian bumi sahaja, dan tidak sampai pun di bumi kami ini,*

³³⁰ Kertas atau sesuatu yang ditulis atasnya. –pent.

³³¹ Yakni Rasulullah SAW. –pent.

demikian juga tidak sampai di bumi Hind.”

Berkata Ibn Wahb:

Maka aku merasa takut untuk membalas dan berlawanan hujah akan kata-kata raja itu kerana aku sedia maklum pasti baginda akan menolaknya. Kemudian aku pun berkata: *“Ini Musa dengan tongkatnya serta Bani Israil.”*

Maka titah raja itu: *“Ya. Di bumi yang sempit di mana dia berada³³² serta keburukan kaumnya ke atasnya.”*

Aku berkata lagi: *“Ini pula Isa, sedang berada di atas belakang keldai bersama para Hawariyyun mengikutinya.”*

Titah raja: *“Sesungguhnya pendek tempoh masanya. Perkaranya itu hanya sekitar tiga puluh bulan lebih sedikit saja.”*

Dia³³³ lalu menceritakan satu persatu mengenai para Nabi itu yang mana kami ringkaskan dengan menyebut sebahagian saja. Dia yakin bahawa dia telah melihat di atas setiap gambar Nabi itu terdapat tulisan yang panjang pada hematnya tulisan itu menyebutkan nama-nama para Nabi, tempat negeri mereka serta sebab-sebab diutuskan mereka. Kemudian katanya:

Aku telah melihat gambar Nabi SAW sedang berada di atas unta Baginda sedang para Sahabatnya mengelilingi Baginda di atas unta mereka. Kelihatan sandal Arab pada kaki mereka, dan di pinggang mereka ada terikat kayu siwak. Aku lantas menangis. Maka raja segera bertitah kepada penterjemahnya: *“Tanyakan kepadanya apa sebab dia*

³³² Di padang pasir yang mana mereka tersesat selama empat puluh tahun. –pent.

³³³ Yakni Ibn Wahb. –pent.

menangis?”

Maka kataku: *“Inilah Nabi dan Penghulu kami dan anak pakcikku³³⁴, salam ke atas baginda.”*

Titah raja: *“Benar katamu. Sungguh Baginda dan kaumnya telah menguasai semulia-mulia kerajaan, melainkan Baginda tidak dapat menyaksikan sendiri kerajaannya itu, sebaliknya dapat disaksikan oleh orang sesudahnya.”*

Aku telah melihat gambar-gambar para Nabi yang ramai bilangannya. Antara mereka itu ada yang mengisyaratkan dengan tangan kanannya sambil mempertemukan ibu jari dan jari telunjuknya seolah-olah menunjukkan dengan isyarat itu kepada kebenaran. Ada pula yang berdiri sambil menunjukkan dengan jari-jarinya ke langit; dan lain-lain lagi yang mana penterjemah itu meyakini bahawa mereka itu adalah daripada para Nabi mereka dan Nabi-nabi Hind.

Kemudian baginda bertanyakan kepadaku tentang para khalifah, pakaian mereka dan banyak darihal Syariat

³³⁴ Kata-kata ini menunjukkan Ibn Wahb adalah keturunan daripada salah seorang bapa atau ibu saudara Rasulullah SAW daripada anak Abdul Muttalib. Kerana itulah Rasulullah SAW dirujuk sebagai *“anak pakcikku”*, yakni Abdullah bin Abdul Muttalib. – pent. Kemaskini: Bagaimanapun, Abdullah Al-Habsyi menyebutkan nasab Habbar bin Al-Aswad, moyang Ibn Wahb seperti disebut di awal kisah ini dalam notakaknya seperti berikut: Habbar bin Al-Aswad bin Al-Muttalib bin Asad bin Abdul Uzza Al-Qurasyi. Seorang penyair dari kalangan Sahabat. Beliau berkedudukan tinggi di zaman jahiliyyah dan merupakan moyang kepada Dinasti Habbariyyin yang menjadi raja di Sindh.

dan bentuk-bentuknya sekadar apa yang aku ketahui tentangnya. Setelah itu raja bertitah pula: *“Berapakah umur dunia pada kalian?”*

Jawabku: *“Sesungguhnya itu suatu hal yang diperselisihkan. Sebahagian mengatakan enam ribu tahun, sebahagian lagi mengatakan kurang dari itu. Sebahagian pula mengatakan lebih sedikit daripada itu.”*

Maka meletuslah ketawa raja itu, begitu juga menterinya yang berdiri di situ, menunjukkan bahawa baginda mengingkari hal itu. Lalu titahnya: *“Aku tidak menyangka bahawa Nabi kamu mengatakan demikian.”*

Aku merasa goyah, dan aku jawab: *“Bahkan Baginda memang mengatakan demikian.”*

Dan aku dapat melihat riak ingkar pada wajahnya.

Kemudian baginda pun bertitah kepada penterjemah: *“Katakan padanya perhatikan betul-betul percakapanmu. Sesungguhnya para raja tidak bertitah melainkan dengan sesuatu yang berasas. Adapun apa yang engkau percaya bahawa kalian berselisih pendapat itu, maka sesungguhnya kalian hanya berselisih pendapat pada perkataan Nabi kalian. Sedangkan apa yang telah diperkatakan oleh para Nabi itu tidak boleh diperselisihkan, bahkan hendaklah diterima bulat-bulat. Maka hendaklah engkau berjaga-jaga daripada hal ini dan yang seumpamanya pada menceritakannya.”*

Baginda telah menyebutkan pelbagai perkara lainnya yang banyak telah aku lupa kerana sudah lama. Kemudian baginda bertanya kepadaku: *“Mengapakah engkau berpaling daripada rajamu sedangkan dia lebih dekat kepadamu dari segi negeri dan nasab berbanding kami?”*

Aku lalu berujar: *“Disebabkan apa yang telah berlaku ke atas Basrah, lalu aku pergi ke Siraf dan terlihat di sana ada sebuah kapal dalam persediaan untuk belayar ke China. Serta apa yang telah sampai kepadaku daripada kemuliaan Raja China dan banyaknya kebaikan baginda. Dengan sebab itulah aku merasa sangat suka jika dapat datang dan menyaksikannya sendiri. Seterusnya aku akan pulang ke negeriku dan kerajaan anak pakcikku³³⁵ dengan membawa berita tentang apa yang telah aku saksikan daripada kemuliaan raja ini serta keluasan negerinya. Dan aku akan mengucapkan segala hal yang baik-baik dan memuji segala hal yang indah-indah.”*

Mendengarkan itu, raja kelihatan begitu gembira. Baginda lantas memerintahkan agar aku dikurniakan anugerah yang berharga dan agar aku dinaikkan di atas baghal yang khusus untuk urusan kiriman pos menuju ke bandar Khanfu. Raja juga menuliskan kepada raja Khanfu supaya memuliakan aku dan mengedepankan aku berbanding orang lain – termasuk para raja – dalam bandarnya, serta menyediakan tempat tinggal untukku sehingga sampai waktu aku berangkat keluar dari sana. Maka aku ketika itu berada dalam kehidupan yang serba mewah dan penuh kenikmatan sehinggalah aku keluar daripada negeri China.

BANDAR KHUMDAN

Kami pernah bertanya kepadanya³³⁶ tentang

³³⁵ Yakni Khilafah Bani Abbasiyyah. Lihat notakaki sebelum ini.

—pent.

³³⁶ Yakni Ibn Wahb.

gambaran bandar Khumdan yang menjadi tempat bersemayam Raja. Dia lalu menyebutkan tentang betapa luasnya bandar tersebut dengan penduduknya yang padat. Bandar tersebut dibahagikan kepada dua bahagian oleh sebatang jalanraya yang panjang dan lebar. Raja dan menteri-menterinya, tentera, Hakim Agung, sida-sida Raja serta semua pegawainya menempati bahagian kanan di sebelah timur, yang mana tiada seorang pun rakyat awam yang ikut serta, begitu juga tiada pasar di situ. Sungai-sungai memanjang di deretan rumah mereka, pohon-pohon tersusun rapi serta rumah-rumah pun luas dan lapang belaka.

Sementara pada bahagian kiri di sebelah barat pula tinggal rakyat jelata, para peniaga, orang kaya-kaya, serta di situ jugalah terdapat kawasan perniagaan. Apabila hari mula siang, aku telah melihat ketua pelayan raja, para pembantu baginda, para hamba lelaki istana, hamba lelaki para ketua serta wakil-wakil mereka, berkenderaan dan berjalan kaki masuk ke bahagian yang terdapat kawasan perniagaan serta para pedagang. Mereka kemudian mengambil apa yang ditugaskan kepada mereka serta keperluan-keperluan mereka. Setelah itu mereka pun pulang dan tidak ada seorang jua dari mereka akan kembali semula ke bahagian itu melainkan pada hari berikutnya.

Negeri ini juga sangat indah serta banyak pohon-pohon yang cantik serta sungai yang mengalir, melainkan pokok kurma sahaja, kerana sesungguhnya pokok itu tiada di sana.

BERSAMBUNYKA LAUT

Antara peristiwa yang telah berlaku pada zaman kita ini yang mana orang sebelum kita tidak mengetahuinya adalah bahawa tiada seorang pun menyangka yang lautan dimana terletak Laut China dan Hindi itu bersambung dengan Laut Syam. Perkara itu tidak pernah terdetik dalam hati mereka sehinggalah sampai zaman kita ini.

Hal ini adalah kerana sesungguhnya telah sampai kepada kami bahawa ada ditemui di Laut Rom sebatang kayu berikat tali³³⁷ daripada kapal Arab yang pecah bersama penumpangnya lalu dihanyutkan ombak serta angin ke Laut Khazar³³⁸, kemudian masuk ke Teluk Rom, seterusnya ditolak ombak sampai ke Laut Rom dan Syam. Ini menunjukkan bahawa laut mengelilingi negeri China dan Sila, bahagian atas negeri Turki dan Khazar, kemudian masuk ke teluk lalu ke negeri Syam.

Yang demikian adalah disebabkan kayu berikat tali itu tidak ada melainkan pada kapal Siraf secara khusus. Kapal Syam dan Rom menggunakan paku, bukannya tali.

³³⁷ Iaitu kayu-kayu dinding kapal ditebuk lubang yang sama besar dan sama jaraknya lalu dimasukkan tali sabut dan dilekatkan menggunakan damar. Yakni kayu tersebut tidak menggunakan paku. Kapal yang menggunakan teknik pembuatan jenis ini hanya terdapat di Laut Hindi dan Laut Merah sahaja. –notakaki naskhah Asy-Syaruni dengan sedikit ubahsuai.

³³⁸ Yakni laut di bahagian utara Rusia. Apa yang dimaksudkan di sini adalah kayu yang diceritakan itu hanyut dan masuk ke Laut Mediterranean melalui laut di utara, tidak daripada selatan Afrika. Wallahu a'lam. –pent.

Telah sampai juga kepada kami berita yang ‘anbar ada ditemui di Laut Syam. Ini sesuatu yang pelik dan tidak pernah diketahui semenjak zaman dahulu. Dan ianya tidak harus berlaku – jika apa yang disebutkan itu benar – iaitu terdapatnya ‘anbar³³⁹ di Laut Syam, melainkan daripada Laut Aden dan Laut Qalzum³⁴⁰ yang mana kedua-dua laut itu bersambung dengan Lautan yang memang terdapat ‘anbar. Ini kerana Allah yang Maha Agung sebutan-Nya telah menjadikan antara dua laut itu suatu batasan³⁴¹. Bahkan –jika ianya sah – pastilah ianya ‘anbar itu dihanyutkan oleh Laut Hindi ke laut demi laut sehingga sampai akhirnya ke Laut Syam.³⁴²

MENGENAI BANDAR ZABAJ³⁴³

Kemudian kami akan mula menyebutkan tentang bandar

³³⁹ Sejenis wangian yang didapati daripada perut laut. –pent.

³⁴⁰ Ar: (بحر القلزم). Atau dikenal juga dengan nama Laut Merah. –pent.

³⁴¹ Iaitu daratan Sinai yang menjadi pemisah antara Laut Merah dan Laut Mediterranean. Kini telah disambungkan antara kedua laut ini dengan Terusan Suez. –pent.

³⁴² Lalu menjadi bukti bahawa lautan itu semuanya saling bercantum (melainkan Laut Caspian), kerana kesemua laut itu adalah aliran yang bersumberkan *Bahrul Muhit*. –pent.

³⁴³ Dalam notakaki naskhah Asy-Syaruni dinyatakan bahawa Zabaj adalah Pulau Jawa sekarang ini. Terdapat pelbagai pendapat mengenai Zabaj ini. Ada yang menyatakan ianya Filipina kini. Ada pula mengatakan ianya Empayar Sriwijaya. Saya berpandangan bahawa ianya daripada perkataan “*Sabak*” dimana lokasinya adalah di

Zabaj, yang mana ianya bersetentang dengan negeri China dan jarak antara keduanya adalah sebulan pelayaran di laut, atau kurang daripada itu jika dibantu tiupan angin yang baik. Rajanya dikenali sebagai Maharaja³⁴⁴. Dikatakan bahawa keluasan negeri itu adalah sembilan ratus farsakh. Raja ini menguasai pulau-pulau yang banyak sehingga keluasan kerajaannya mencapai seribu farsakh dan lebih lagi.

Dalam kerajaannya itu terdapat sebuah pulau yang dikenal dengan Sarbuzah³⁴⁵. Keluasannya –mengikuti apa

dalam laut berhadapan dengan pantai Sabak, Kelantan kini yang telah pun tenggelam bersama berlalunya masa. Lihat saja kubu peninggalan Perang Dunia Kedua di pantai itu yang pada tahun 90an masih lagi berada di daratan, namun kini telah pun tenggelam di dalam air. Saya telah menyebutkan hal ini dalam notakaki terjemahan kitab *'Ajaibul Hind*. Wallahu a'lam. –pent. Kemaskini: Setelah meneliti dapatan-dapatan sebagaimana kemaskini di akhir notakaki no. 173, nampaknya dugaan saya tentang Sabak pada notakaki ini perlu untuk saya fikirkan semula. Wallahu a'lam.

³⁴⁴ Ar: (المهراج).

³⁴⁵ Ar: (سرْبُوزَة) Reinaud menyatakan ia adalah Sumatra kini. Sementara Fan Dirlit, peneliti kitab *'Ajaibul Hind* pula menetapkan bahawa ianya adalah Palembang kini. –notakaki naskhah Asy-Syaruni. Sarbuzah ini hanya disebut pada tempat ini sahaja. Saya beranggapan terdapat kesilapan titik pada kalimah tersebut yang mana kalimah sebenar adalah “Sarirah” (سريره) seperti yang tertulis dalam naskhah Syamilah dan disebutkan beberapa kali dalam kitab *'Ajaibul Hind*. Wallahu a'lam. -pent. Kemaskini: Saya menyebutkan dalam notakaki terjemahan *Ajaibul Hind* (Baytul Hikma, 2015)

yang disebutkan – adalah empat ratus farsakh. Sebuah lagi pulau dikenal sebagai Rami³⁴⁶, yang keluasanya lapan ratus farsakh. Di situ terdapat tumbuhan *baqqam*, kapur barus dan lain-lain. Dalam kerajaannya juga terdapat pulau Kalah³⁴⁷, ia itulah titik tengah antara bumi China dan bumi Arab. Keluasannya –menurut apa yang disebutkan – adalah lapan puluh farsakh.

Di Kalah itulah menjadi tempat berkumpulnya barang dagangan daripada kayu gaharu, kapur barus, kayu cendana, gading gajah, timah³⁴⁸, kayu ebony³⁴⁹, dan segala jenis rempah-ratus serta lain-lainnya yang panjang lebarlah jika hendak diterangkan. Kapal-kapal dari Oman ke situ dan dari situ ke Oman sentiasa berulang-alik pada

dengan tanda soal adakah Sarirah itu terletak di Sarawak kini berdasarkan kisah-kisah dalam kitab itu. Ada dikatakan bahawa jarak antara Sarirah dengan Kalah adalah pelayaran sejauh seratus dua puluh zam. Hasan Soleh Syihab dalam notakaki beliau bagi kitab *Ajaibul Hind* menyatakan bahawa 1 zam = 3 jam. Maka 120 zam = 360 jam = 15 hari pelayaran. Namun, menurut Sulaiman Al-Mahri dalam kitab beliau berjudul *Tuhfat Al-Fuhul* (Baytul Hikma, 2018) yang telah saya terjemahkan, ukuran zam adalah berbeza-beza.

Meneliti kembali persoalan ini, saya terfikir jika Sarbuzah adalah sebutan bagi Saribas yang terletak di Sarawak itu. Wallahu a'lam.

³⁴⁶ Ar: (الرامي). Yakni Sumatra kini. –pent.

³⁴⁷ Ar: (جزيرة كاله). Iaitulah Kedah. Saya percaya bahawa sebutan “Kalah” adalah daripada pendengaran pedagang Arab daripada sebutan pelat oleh pedagang China. –pent.

³⁴⁸ Ar: (الرصاص القلعي). Iaitu timah terbaik. Ia sangat putih (yakni berkilat). (*Mu'jam Al-Wasit*). –notakaki naskhah Asy-Syaruni.

³⁴⁹ Ar: (الأبنوس). Atau Kayu Hitam. –pent.

masa sekarang ini.

Perintah Maharaja ditaati di kesemua pulau ini. Pulau di mana bersemayamnya baginda pula adalah pada tahap kemuncak kemewahan dan pembangunannya tersusun rapi. Mereka yang dapat dipercayai kata-katanya telah menyebutkan bahawa: *“Apabila seekor ayam berkokok pada waktu sahur seperti kokoknya di tempat kita, maka suara kokokan itu bersahut-sahutan sehingga lebih seratus farsakh jauhnya. Ayam-ayam itu saling bersahutan kerana kampung-kampungnya saling bersambungan dan tersusun, tidak ada hutan dan runtuh-bangunan di sana. Barangsiapa yang ingin berjalan di negeri itu apabila menaiki tunggangannya boleh berjalan ke mana saja yang dikehendakinya. Jika dia sudah jemu atau tunggangannya sudah penat, maka dia boleh singgah di mana saja yang diinginkannya.”*

Antara perkara menakjubkan daripada berita-berita tentang pulau yang dikenal dengan nama Zabaj ini bahawa ada salah seorang daripada raja-raja mereka pada zaman dahulu³⁵⁰, iaitu Maharaja yang istananya terletak di atas telaga³⁵¹ yang menampung air dari laut – dan

³⁵⁰ Menunjukkan kisah ini telah lama berlaku, dan bukannya pada zaman penulis. Barangkali zaman-zaman sebelum kelahiran Rasulullah lagi. Wallahu a'lam. –pent.

³⁵¹ Ar: (اللاج). Pengarang *Ajaibul Hind* menerangkan maknanya adalah kebun/taman/dusun. Asalnya bahasa Hind. –notakaki naskhah Asy-Syaruni. Dalam catatan saya pada terjemahan kitab ‘Ajaibul Hind yang telah saya selesaikan, saya menyatakan pendapat saya bahawa ini adalah perkataan yang dikenal dalam bahasa Melayu sebagai “telaga” yang mana orang Arab tidak dapat menyebut huruf

makna telaga itu adalah sebuah lembah [wadi] seperti sungai Dijlah di Madinah As-Salam [yakni Baghdad] dan Basrah, yang akan dilimpahi air laut ketika air pasang dan ketika air surut air tawar pun ikut tersejat. Daripada telaga itu terdapat suatu sungai kecil mengalir rapat ke istana raja.

Setiap hari pada waktu pagi, masuklah menghadap ketua pelayan dengan membawa sebongkah jongkong emas yang terdapat padanya *mann*³⁵² yang tidak aku ketahui kadarnya. Lalu ketua pelayan tersebut mencampakkannya ke dalam anak sungai itu di hadapan raja sendiri. Apabila air pasang, air itu melimpah dan menenggelamkan jongkong-jongkong emas itu. Bila air surut pula maka akan kelihatanlah jongkong-jongkong emas berkenaan berkilau-kilauan dipanah sinar matahari, sedang raja melihat-lihat pemandangan itu dari tempat duduknya di atas anak sungai tersebut.

“ga” lalu jadilah “telaja”.

Saya lanjutkan di sini bahawa telaga pada zaman dulu bukan saja berbentuk bulat, bahkan ada yang berbentuk segiempat tepat yang besar siap dengan tangga untuk turun ke air. Kebiasaannya, pada setiap taman, dusun dan kebun akan terdapat telaga. Maka sebutan telaga jika dalam perbualan bukanlah bermaksud telaga semata-mata, tetapi kawasan di mana telaga tersebut berada. Pada saya, inilah sebabnya pengarang *‘Ajaibul Hind* itu menafsirkan “telaga” sebagai kebun. *Wallahu a’lam.* –pent.

³⁵² Dalam naskhah Asy-Syaruni tertulis begini: (من) dengan notakaki bahawa ianya suatu nilai matawang. Manakala dalam naskhah Syamilah tertulis: (أمتا). –pent.

Demikianlah berterusan keadaan itu dimana setiap pagi sebongkah jongsong emas akan dicampakkan selama masa hidup raja tersebut tanpa bongkah-bongkah jongsong emas itu disentuh sesiapa pun. Setelah kematian raja berkenaan, raja yang menggantikan baginda mengeluarkan kesemua bongkahan emas itu tanpa meninggalkan sesuatu pun, lalu dikira, kemudian dileburkan, dan dibahagi-bahagikan kepada ahli keluarga kerajaan samada lelakinya, perempuannya, anak-anak, para ketua dan khadam-khadam mengikut kedudukan dan tugas mereka semuanya. Apa yang masih berbaki setelah itu dibahagi-bahagikan pula kepada orang-orang miskin dan lemah.

Selepas itu dicatatlah bilangan jongsong emas itu serta beratnya. Disebutkan: *“Bahawa Si Fulan, Raja daripada zaman sekian, tahun sekian, telah meninggalkan ketulan jongsong emas di dalam anak sungai kerajaan sekian sekian jumlahnya. Dan semua jongsong itu telah pun dibahagikan di kalangan ahli kerajaannya setelah wafatnya.”*

Kemegahan bagi mereka adalah bagi sesiapa yang lama masa pemerintahannya sehingga bertambah pula bilangan jongsong emas yang ditinggalkannya.

KISAH RAJA QUMAR DENGAN MAHARAJA, RAJA ZABAJ

Di antara berita mereka pada zaman dahulu³⁵³ adalah

³⁵³ Menunjukkan kisah ini telah lama berlaku, dan bukannya pada zaman penulis. Barangkali zaman-zaman sebelum kelahiran Rasulullah lagi. Wallahu a'lam. -pent.

bahawa ada seorang raja daripada raja Qumar³⁵⁴ – ia itu bumi yang daripadanya dieksport Gaharu Qimari³⁵⁵. Ia bukanlah sebuah pulau, tetapi buminya bersambung dengan bumi Arab³⁵⁶. Tiada sebuah kerajaan pun lebih banyak bilangan penduduknya berbanding penduduk Qumar ini serta mereka juga gagah perkasa³⁵⁷. Kesemua mereka mengharamkan zina dan arak secara keseluruhannya, maka perkara sedemikian tidak ada di negeri dan kerajaan mereka.

Kerajaan ini bersedudukan dengan kerajaan Maharaja dan pulau yang dikenal sebagai Zabaj. Jarak antara keduanya adalah sekitar sepuluh hingga ke dua puluh hari pelayaran di laut sekiranya angin bertiup sederhana.³⁵⁸

Disebutkan bahawa raja ini telah ditabalkan mejadi

³⁵⁴ Ar: (القمار). Dalam naskhah ini, huruf Qaf dibariskan *dhommah*, dibaca Qumar. Ada dalam beberapa kitab lain dibaca Qamar dan Qimar. Ada juga ditulis tanpa alif selepas mim, dibaca Qamar. –pent.

³⁵⁵ Ar: (العود القماري).

³⁵⁶ Bahagian Thailand serta Burma dan juga Kemboja hari ini. – pent.

³⁵⁷ Dalam naskhah ini ditulis dengan huruf jim (رَجَالَة) dengan maksud seperti yang saya terjemahkan di atas. Sementara naskhah Syamilah pula ditulis dengan huruf ha (رَحَالَة) membawa maksud kuat mengembara. –pent.

³⁵⁸ Dari kenyataan ini dapat kita menganggarkan letak duduk Kerajaan Zabaj itu. Ini menguatkan lagi apa yang saya sebutkan sebelum ini bahawa ia terletak di sekitar Kelantan hari ini dan lingkungan kekuasaannya turut merangkumi Kalah (Kedah) seperti disebut dalam bahagian pertama kitab ini. –pent.

seorang raja di Qumar sewaktu masih lagi mentah umurnya dan gopoh pula tindakannya. Pada suatu hari, sedang baginda duduk-duduk di istananya yang menganjur ke sebuah lembangan dipenuhi air tawar seperti sungai Dijlah Iraq, dan jarak antara istananya ke laut adalah sehari perjalanan; baginda tiba-tiba bertitah kepada menteri yang sedang berada di hadapannya setelah berlaku perbualan mengenai kerajaan Maharaja serta kehebatannya dengan banyaknya bandar dan penduduk serta pulau-pulau di bawah kekuasaannya, dengan katanya: *“Dalam diri beta sekarang ada suatu keinginan yang beta sangat berkenan untuk meraihnya.”*

Lantas berujarlah menteri – beliau ini seorang penasihat yang baik dan sudah sedia maklum dengan perangai gopoh raja: *“Apakah itu wahai Tuanku?”*

“Beta ingin melihat kepala Maharaja, Raja Zabaj itu berada di atas sebuah dulang di hadapan beta,” demikian titah raja.

Maka maklumlah menteri itu bahawa penyakit hasad dengki telah meniup fikiran jahat ke dalam diri raja berkenaan. Lantas beliau berucap: *“Wahai Tuanku! Patik tidaklah gemar kalau Tuanku berfikir seperti yang demikian, disebabkan tidak pernah berlaku antara kita dan kaum tersebut samada dari segi perbuatan mahupun percakapan yang karut marut. Kita juga tidak pernah melihat sebarang perkara jahat daripada mereka. Tambah lagi mereka itu duduknya di pulau yang jauh, bukannya berjiran dekat di bumi kita ini, serta tidak pula mereka itu tamakkan kerajaan kita. Kerana itu tidak patut sangatlah sesiapa pun terdetik fikiran serupa itu, dan Tuanku pun tidaklah wajar mengucapkan kata-kata sebegitu lagi.”*

Mendengarkan itu, Raja menjadi murka dan tidak pedulikan nasihat menteri itu lagi. Baginda lalu meluahkan hasratnya itu kepada para pemimpin kerajaannya yang lain serta kaum bangsawan yang rapat dengannya. Berita itu kemudiannya tersebar dari mulut ke mulut sehingga akhirnya sampai ke telinga Maharaja sendiri. Baginda ketika itu sudah sampai tahap umur pertengahan yang matang lagi berpengalaman luas. Lalu dipanggillah menterinya serta dikhabarkan berita yang sudah sampai ke pendengarannya itu.

Titah baginda: *“Tidak patut sama sekali setelah mana tersebarnya perkara dan angan-angan si jahil ini, tak padan dengan mentah dan tak sedar dirinya serta penyakit cemburunya; tak patut untuk kita biarkan begitu saja. Sesungguhnya hal yang begitu boleh menghilangkan dan mengurangkan kehebatan seseorang raja bahkan memperlekehkannya.”*

Baginda bagaimanapun memerintahkan agar menterinya merahsiakan perbualan itu. Serentak itu, baginda lantas memerintahkan agar dipersiapkan seribu buah kapal yang sederhana yang biasanya digunakan di sungai³⁵⁹ serta dengan para pahlawan yang membawa senjata masing-masing. Dizahirkan keadaan oleh baginda seolah-olah ingin keluar makan angin di pulau-pulau yang

³⁵⁹ Berdasarkan ini juga, saya berpendapat bahawa Zabaj bukanlah Pulau Jawa kini sepertimana sebahagian pendapat. Ini kerana penggunaan jenis kapal seperti disebutkan ini menunjukkan jarak antara kedua-dua kerajaan itu tidaklah terlalu jauh. Wallahu a'lam. -pent.

berada dalam takluk pemerintahannya. Bahkan, baginda juga telah mengirinkan surat kepada raja-raja di pulau-pulau berkenaan menyatakan lawatan baginda tersebut, sehinggakan tersebarlah berita itu dan para raja itu juga telah mengadakan persiapan yang perlu bagi menyambut ketibaan Maharaja.

Apabila segala urusan telah sedia dan perlengkapan pun telah siap teratur, lalu baginda pun berangkat menaiki kenaikannya dan belayar bersama para pahlawannya menuju ke kerajaan Qumar. Baginda dan orang-orangnya itu memang sentiasa menggosok gigi sehinggakan seseorang daripada mereka dalam sehari berkali-kali menggosok giginya. Bahkan siwak dan setiap mereka memang tidak pernah berpisah, samada dengan diri sendiri atau dibawa oleh pembantu.³⁶⁰

Raja Qumar sedikit pun tidak menyedari hasrat sebenar pergerakan Maharaja dan orang-orangnya itu. Sehinggalah akhirnya rombongan Maharaja sampai ke lembah yang masuk ke kawasan istana lalu dengan segera para pahlawan itu diarahkan turun serta mengepung istana untuk melakukan serang hendap. Akhirnya Raja Qumar itu berjaya ditawan manakala orang-orang Raja Qumar habis bertempiran lari. Kawasan istana bagaimanapun telah dikepung oleh para pahlawan

³⁶⁰ Nampak di sini bahawa tujuan hal itu adalah sentiasa menampakkan dalam keadaan santai dan tidak ada persediaan untuk berperang, sebagai suatu bentuk tipu muslihat bagi mengelakkan kecurigaan musuh. –notakaki Asy-Syaruni dengan sedikit ubahsuai.

Maharaja. Baginda lalu memerintahkan agar keadaan ditenteramkan tanpa sebarang pertumpahan darah.

Kemudian baginda lantas duduk di atas singgahsana Raja Qumar seraya memerintahkan agar Raja dan menteri-nya itu dibawa mengadap. Lalu baginda bertitah kepada Raja Qumar: *“Apakah yang menyebabkan engkau sampai berangan-angan sesuatu yang di luar kemampuanmu dan tidak ada keuntungan untukmu sekiranya engkau berjaya, serta tidak ada suatu sebab pun yang memudahkan jalan untuk engkau mencapainya.”*

Raja itu diam membisu tidak mampu menjawab sepatah pun.

Lalu Maharaja menyambung kata: *“Seandainya apa yang engkau angan-angankan untuk melihat kepalaku di atas dulang di hadapanmu itu adalah suatu maksud untuk menjarah negeri dan kerajaanku atau membuat kerosakan di sana, maka pastiilah aku akan melakukan hal yang sama ke atasmu. Namun, nampaknya engkau memang berhasrat untuk membunuhku semata-mata, kerana itu aku juga akan melakukan hal itu kepadamu, kemudian aku akan pulang ke negeriku tanpa menyentuh sesuatu apa pun dari negerimu ini, sebagai suatu peringatan buat pemerintah selepasmu agar dia tidak melampaui had kemampuannya dan apa yang telah diberikan untuknya serta agar dia sentiasa dalam ketenteraman selama mana ia menghargainya.”*

Habis berkata-kata itu, baginda lantas memenggal leher Raja Qumar. Kemudian baginda berpaling pula kepada menteri Raja Qumar seraya berkata: *“Semoga engkau diberi balasan yang baik. Telah sampai berita yang sahih kepadaku bahawa engkau telah memberi nasihat kepada sahabatmu*

itu yang mana seandainya dia menerimanya tentulah bagus untuknya. Pilihlah seorang yang layak untuk menduduki takhta ini bagi menggantikan si jahil itu.”

Setelah selesai berucap, baginda lalu kembali ke negerinya semula tanpa baginda atau orang-orangnya membuat sesuatu apa pun terhadap negeri Qumar. Apabila sudah sampai ke negerinya, baginda kemudian bersemayam di atas singgahsananya menghadap ke anak sungai yang mengalir di kawasan istana itu dan sebuah dulang berisikan kepala Raja Qumar terletak di hadapan baginda. Seluruh pembesar negeri dipanggil menghadap, lalu baginda mengisahkan kembali apa yang telah berlaku serta sebab apakah yang telah menjadikan baginda mengambil tindakan sedemikian. Mendengar itu, para pembesar pun mendoakan kebaikan untuk baginda.

Kemudian diarahkanlah agar kepala Raja Qumar itu agar dibersihkan dan dibubuh wangi-wangian serta diletakkan ke dalam sebuah bekas, lalu dikirimkan kembali kepada raja baharu yang menggantikan raja yang telah dibunuh itu. Bersama itu juga, dikirimkan sepucuk surat berbunyi seperti berikut:

“Bahawa apa yang menyebabkan beta mengambil tindakan sedemikian terhadap sahabatmu ini adalah sikap melampaunya terhadap kami, serta sebagai suatu bentuk pengajaran bagi orang yang seumpamanya. Sesungguhnya telah sampai kepada kami daripadanya apa yang hendak dilakukannya terhadap kami, maka inilah kami berpandangan untuk mengembalikan kepalanya kepadamu disebabkan tidak ada kebaikan untuk kami untuk menyimpannya dan tidak pula sebarang kemegahan atas kemenangan

kami terhadapnya.”

Peristiwa itu akhirnya tersebar meluas sehingga sampai ke pengetahuan Raja-raja Hind dan China, maka jadi makin hebatlah Maharaja pada pandangan mereka semua. Setelah kejadian berkenaan, Raja-raja Qumar pada setiap pagi akan berdiri dan mengarahkan muka mereka menghala ke negeri Zabaj, lantas sujud dengan khusyuk untuk Maharaja sebagai membesarkan baginda.

PERPINDAHAN ROH

Kesemua raja-raja Hind dan China berpendapat dengan perpindahan roh³⁶¹ dan beriman dengan hal itu. Sebahagian orang yang dapat dipercayai khabarnya telah menyebutkan bahawa ada seorang daripada raja-raja itu telah terkena penyakit cacar. Setelah sembuh daripada penyakit berkenaan, baginda lalu memandang kepada sebuah cermin, maka terperasanlah wajahnya yang hodoh tersebut.

Baginda lantas memanggil anak saudaranya dan bertitah: *“Orang seperti beta ini tidak patut untuk kekal dalam badan yang sudah berubah ini. Tubuh ini hanyalah suatu bekas untuk roh. Apabila roh itu keluar, maka ia akan berpindah kepada tubuh yang lain pula. Hendaklah engkau menggantikan aku sebagai raja, kerana sesungguhnya aku hendak keluar dari jasad ini sehingga aku masuk semula nanti kepada tubuh yang lain!”*

Baginda lalu meminta dibawakan khanjarnya yang

³⁶¹ Ar: (التناسخ). Dalam bahasa Inggeris disebut Reincarnation. – pent.

sangat tajam lantas memerintahkan anak saudaranya itu untuk memotong lehernya, setelah itu dibakarlah jasadnya.

**KEMBALI KEPADA BERITA PENDUDUK CHINA.
MENGENAI SEBAHAGIAN PERKARA MEREKA**

Penduduk China pada zaman dahulu –sebelum berlakunya perubahan keadaan waktu ini – sangatlah teliti dalam segala urusan mereka sehingga sampai ke tahap tidak ada pernah didengar seumpama ketelitian mereka itu.

Sesungguhnya ada seorang lelaki daripada penduduk Khurasan telah datang ke Iraq lalu membeli barangan yang banyak di sana, seterusnya membawa dagangan itu ke negara China. Lelaki ini seorang yang terlampau bakhil kedekut. Sesampainya di China, telah berlaku peselisihan antaranya dengan seorang sida-sida raja yang diutuskan ke Khanfu – iaitu sebuah bandar yang menjadi tumpuan para pedagang Arab. Sida-sida ini tugasnya adalah untuk mengambil apa yang diperlukan daripada dagangan yang dibawa oleh kapal-kapal. Beliau adalah antara khadam yang tinggi kedudukannya di sisi Raja dengan tugasnya berkaitan perbendaharaan dan kewangan raja.

Maka terjadilah perselisihan itu berkenaan dengan dagangan gading gajah dan lain-lainnya. Si pedagang itu menolak untuk menjual dagangannya³⁶² sehingga makin

³⁶² Dengan harga yang ditentukan oleh sida-sida. –notakaki naskhah Asy-Syaruni.

berlarut pertengkarannya. Dengan itu, sida-sida memutuskan untuk merampas barang-barang yang terbaik daripada dagangan si Khurasan serta merendahkanrendahkannya dengan penghinaan.

Kejadian itu menyebabkan si pedagang secara bersembunyi membawa dirinya ke Khumdan – ia itu negeri tempat bersemayam Raja Agung, berjarak perjalanan dua bulan lebih³⁶³ – lalu pergi kepada rantai yang telah disebutkan sebelum ini dalam kitab ini³⁶⁴. Peraturan bagi sesiapa yang menggerakkan rantai itu adalah dia mesti diasingkan ke suatu tempat yang berjarak sepuluh hari perjalanan³⁶⁵ dan ditahan di situ selama dua bulan. Setelah itu, raja dimana si pengadu itu diasingkan akan mengeluarkannya lalu bertitah kepadanya:

“Engkau dengan sukarela telah mendedahkan diri kepada kecelakaan dan tumpahnya darahmu seandainya engkau berdusta, disebabkan Raja sendiri mendekatkan engkau dan orang sepertimu kepadanya³⁶⁶ tanpa perlu engkau terhadap pengantara berupa menteri atau raja-raja baginda.

Ketahuilah! Sesungguhnya jika engkau telah sampai ke hadapan raja, dan didapatinya kezaliman yang engkau dakwakan itu bukanlah sesuatu yang patut dibawa ke hadapan baginda, maka

³⁶³ Daripada Khanfu. –pent.

³⁶⁴ Rantai/tali yang menghubungkan dengan suatu loceng di hadapan raja untuk kegunaan sesiapa yang dizalimi bagi mengadu hal kepada raja. –pent.

³⁶⁵ Daripada Khumdan. –pent.

³⁶⁶ Bagi mendengar pengaduan tentang kezaliman yang dihadapi. –pent.

tidak ada jaminan lagi terhadap darahmu, agar tidak ada lagi yang berangan-angan untuk tampil seperti dirimu. Baiklah engkau persiap diri dan beredar saja.”

Jika si pengadu memilih untuk mengundur diri, maka dia akan dipukul lima puluh kali dengan kayu dan dihantar ke negeri mana saja yang dikehendaknya. Sebaliknya jika dia masih ingin meneruskan pengaduan maka dia akan dibawa menghadap raja. Hal ini pun dilakukanlah terhadap si pedagang Khurasan tersebut. Maka dia memilih untuk tetap mengadukan hal kezaliman yang menyimpannya kepada raja.

Lalu dia pun dibawalah menghadap raja. Seorang penterjemah lalu bertanya halnya. Lantas si pedagang pun menerangkanlah apa yang telah berlaku antaranya dengan khadam serta rampasan barangan yang telah dilakukan terhadapnya oleh si khadam. Perkara itu telahpun tersebar dengan meluas menjadi buah mulut di Khanfu.

Raja kemudiannya memerintahkan agar si Khurasani ditahan dan diuruskan segala keperluan dan makan minumannya sementara Raja mengarahkan kepada menteri untuk menyuruh petugas di Khanfu menyelidik dan menyiasat kebenaran dakwaan si pedagang Khurasan itu. Baginda juga memerintahkan yang sama kepada Orang Kanan, Orang Kiri dan Orang Tengahnya. Mereka bertiga ini adalah orang kepercayaan Raja serta menguruskan urusan tentera setelah menteri baginda. Apabila baginda berangkat ke medan perang atau lainnya bersama mereka bertiga, ketiga-tiganya

memiliki kedudukan yang tersendiri. Maka Raja memerintahkan kepada mereka untuk menyiasat.

Siasatan akhirnya membuktikan bahawa semua dakwaan pedagang Khurasan itu adalah benar. Berita juga berdatangan daripada raja-raja segenap negeri. Lalu dipanggillah menghadap sida-sida berkenaan. Sesampai saja dia, maka hartanya disita dan dirampas semua daripada tangannya. Raja lantas bertitah kepadanya:

“Engkau sepatutnya mesti dibunuh disebabkan engkau telah memberi malu beta kepada seorang lelaki yang telah berjalan jauh daripada Khurasan yang terletak di sempadan kerajaan beta sehingga dia sampai ke negeri Arab. Dari sana dia menuju ke kerajaan-kerajaan Hind, seterusnya ke negeri beta bagi mencari keuntungan. Lalu engkau mahu dia kembali melintasi kerajaan-kerajaan itu serta penduduknya dengan berkata: “Aku telah dizalimi di negeri China dan hartaku telah dirampas.”

Namun beta tidak ingin menumpahkan darahmu disebabkan engkau telah lama berkhidmat. Kini beta akan menugaskan engkau menguruskan orang-orang mati, kerana engkau tidak mampu nampaknya untuk menguruskan orang-orang yang masih hidup.”

Setelah itu baginda lalu memerintahkan sida-sida itu untuk bertugas mengawal dan menjaga perkuburan raja-raja.

PEMILIHAN HAKIM

Di antara perkara mengkagumkan dalam hal urus tadbir pada zaman dahulu – bukan zaman kini – adalah urusan kehakiman serta mulianya kedudukan kehakiman itu pada hati mereka dan pemilihan untuk memegang urusan itu

adalah orang yang tidak menimbulkan sebarang keraguan dalam hati mereka pada perkara berikut:-

Keilmuannya dengan syariat mereka, benar lajih percakapannya, menegakkan kebenaran pada setiap keadaan, menjauhi sikap berat sebelah terhadap orang yang berkedudukan, sehingga dengan itu dia dapat meletakkan kebenaran itu pada tempatnya. Orang itu juga mesti bersikap dapat menahan diri daripada harta-harta orang yang lemah dan yang berada dalam kekuasaannya.

Apabila mereka sudah memutuskan pendapat bagi melantik Hakim Agung, maka sebelum dilantik mereka akan mengutuskannya ke seluruh negeri yang merupakan tonggak negeri³⁶⁷ sehingga calon tersebut tinggal di setiap negeri itu selama sebulan atau dua bulan untuk mengkaji berkenaan urusan penduduknya, khabar-khabar³⁶⁸ mereka, adat resam mereka dan mengenalpasti sesiapa yang boleh diterima kata-katanya³⁶⁹ di antara mereka itu dengan pengetahuan yang tidak memerlukannya untuk bertanya-tanya lagi³⁷⁰.

Maka apabila sang Hakim itu telah melawat ke setiap kota-kota itu tanpa ada suatu kota lagi pun yang tertinggal,

³⁶⁷ Yakni kota-kota besar. -pent.

³⁶⁸ Peristiwa-peristiwa atau kejadian yang berlaku dalam masyarakat tempat tersebut. -pent.

³⁶⁹ Yakni persaksiannya. -pent

³⁷⁰ Yakni jika berlaku sesuatu kes, maka apabila dibawa seseorang saksi hakim ini tidak lagi perlukan saksi lain untuk menjadi saksi bahawa saksi pertama itu seorang yang benar dan jujur kerana hakim sendiri telah mengenal saksi itu sebagai dapat dipercayai. -pent.

kembalilah beliau ke istana Raja dan dilantik sebagai Hakim Agung dan diserahkan kepadanya untuk memilih orang-orang pilihannya, lalu beliau sendirilah yang memilih mereka.

Pengetahuan beliau tentang keseluruhan negeri dan sesiapa yang mesti dilantik pada setiap negeri samada daripada kalangan anak negeri atau lainnya adalah satu pengetahuan yang tidak memerlukan untuk merujuk kepada orang lain yang boleh jadi beliau akan berpihak kepadanya, atau berkata dengan tidak benar pada apa yang ditanyakan tentangnya, juga tidak memberi peluang kepada salah seorang daripada hakim-hakim di bawah beliau untuk mengirinkan surat tentang sesuatu yang beliau sendiri mengetahui hal yang bertentangan dengan perkara tersebut atau beliau sendiri telah menghapuskan perkara tersebut.

Hakim Agung ini mempunyai seorang penyeru yang akan berseru di pintunya pada setiap hari dengan katanya: *“Apakah ada seorang pengadu kezaliman Raja yang tersembunyi daripada mata rakyat jelatanya, atau kezaliman daripada seorang para pegawai baginda, para pemimpin baginda, atau sesama seluruh rakyat? Sesungguhnya aku akan membantunya³⁷¹ dalam semua hal itu bilamana dia menyerahkan ke tanganku dan menggantungkan [tanggungjawab membanteras kezaliman itu] kepadaku.”*

Penyeru berkenaan akan menyeru sedemikian sebanyak tiga kali.

Hal itu kerana “*Kerajaan*” dalam adat pengetahuan

³⁷¹ Yakni membantu si pengadu. -pent.

mereka adalah bahawa seseorang raja tidak akan ditukar ganti takhtanya sehinggalah dikeluarkan perakuan daripada Dewan Kerajaan bahawa baginda telah berlaku zalim yang jelas serta mengabaikan urusan hakim dan kehakiman. Selama mana dua perkara berkenaan masih terpelihara, tidak dikeluarkan perakuan melainkan dengan adil dan tidak menguasai urusan kehakiman melainkan orang yang menegakkan kebenaran, maka selama itulah “*Kerajaan*” itu akan kekal teguh dengan teratur.

Adapun Khurasan dan sempadan-sempadannya dengan negeri China, maka di antaranya³⁷² dengan Shugd³⁷³ adalah sejauh perjalanan dua bulan, melainkan pada kawasan padang pasir yang menghalang serta bersusun-susun dengan tidak ada air, wadi mahupun tempat kediaman manusia di situ, dimana itu merupakan sebab penghalang kepada serangan tiba-tiba penduduk Khurasan ke atas negeri mereka. Adapun bahagian China di sebelah terbenam matahari, maka kawasannya adalah yang dikenal dengan Maddu³⁷⁴, iaitu bersempadan Tibet; dan peperangan antara mereka sentiasa berlaku.

³⁷² Yakni negeri China. –pent.

³⁷³ Ar: (الصغد). Sekarang ini terletak di selatan Russia, memanjang daripada sungai Amu Darya ke sungai Syrdarya. –notakaki naskhah asal. Kawasan itu kini sudah menjadi negara Uzbekistan dan sebahagian Kazakhstan. –pent.

³⁷⁴ Ar: (مَدُو). Dalam naskhah Syamilah ditulis dengan huruf “*dzal*” (مذو). –pent.

KASTURI

Seseungguhnya kami telah melihat antara orang yang telah memasuki China itu menyebutkan bahawa dia telah melihat seorang lelaki memikul kasturi yang diisi di dalam geriba³⁷⁵ datang berjalan kaki daripada Samarqand merentasi sebuah bandar demi sebuah bandar yang terdapat di China sehingga sampai ke Khanfu yang menjadi tempat tumpuan pada pedagang daripada Siraf.

Hal itu adalah kerana bumi yang terdapatnya kijang kasturi China dan Tibet itu bumi yang sama jua, tiada pemisahannya. Maka penduduk China akan mengambil kijang yang hampir dengan mereka, demikian juga penduduk Tibet. Hanya yang membuatkan kasturi Tibet mengatasi kasturi China itu adalah dua perkara, iaitu satunya: Kijang di bahagian Tibet itu meragut tangkai-tangkai rumput yang wangi, manakala kijang di belah China pula meragut segala macam rumput. Keduanya: Penduduk Tibet membiarkan kantung kasturi³⁷⁶ kijang itu dalam keadaan asalnya, manakala penduduk China pula menipu dalam hal itu. Juga kerana penduduk China itu merentas laut dalam pelayaran lalu terdedah kepada basah hujan. Maka apabila penduduk China mengekalkan kasturi itu dalam kantung aslinya dan mengikat ketat bekas simpanannya, ia akan sampai ke negeri Arab sama seperti kasturi Tibet juga dari segi kebusannya.

³⁷⁵ Bekas minuman diperbuat daripada kulit. –pent.

³⁷⁶ Iaitu pusat/pusar kijang tersebut. –notakaki Asy-Syaruni dengan ringkas.

Kasturi terbaik secara keseluruhannya adalah kasturi yang terhasil apabila kijang menggesel kepada batu-batu gunung. Ini kerana kantung kasturi itu terjadi pada pusat kijang dimana darah³⁷⁷ akan berkumpul di dalam kantung itu seperti darah dalam bisul, tetapi ini bukanlah disebabkan penyakit. Apabila ini terjadi, kijang tadi berasa tidak selesa dan rimas lalu ia segera menuju kepada batu-batu gunung untuk menggesel sehingga tanggal kantung tadi dan mengalir keluar isinya. Setelah keluar itu maka ia menjadi kering dan sembuhlah serta akan terjadi kantung yang baru berisikan darah baru seperti sebelumnya.

Di Tibet ada lelaki-lelaki berpengalaman yang akan keluar mencari kantung yang jatuh itu. Apabila dijumpai, mereka akan mengutip dan mengumpulkannya serta menyimpan kemudian membawakannya kepada raja-raja mereka. Itulah kasturi yang paling bernilai tinggi disebabkan ianya didapati daripada kantungnya yang digugurkan oleh haiwannya, dan jadilah kelebihannya itu berbanding kasturi lain seumpama kelebihan buah yang dipetik daripada pohon berbanding buah yang diambil sebelum masanya [lalu diperam sehingga masak].

Kasturi yang lain daripada ini adalah didapati dengan cara perburuan samada menahan jerat menggunakan tali atau panah. Adakalanya kantung tersebut dipotong daripada kijangnya sebelum terjadi kasturi di dalamnya. Apabila dipotong itu, baunya sangat teruk beberapa lamanya sehinggalah ia akhirnya kering

³⁷⁷ Kasturi itu asalnya darah. -pent.

dalam beberapa hari yang lama. Semakin lama mengering, maka ia akan bertukar keadaan³⁷⁸ sehingga akhirnya menjadi kasturi.

Kijang kasturi itu sama seperti kijang-kijang yang lain juga yang ada di tempat kita dari segi tinggi tubuhnya, warnanya, runcing kakinya, pecahan kukunya, lurus dan bengkok tanduknya. Ia memiliki dua taring yang halus berwarna putih, tumbuh tegak di wajahnya daripada kedua-dua rahang bawahnya. Panjang setiap satunya kadar sejengkal atau kurang seperti keadaan gading gajah. Maka itulah yang menjadi perbezaan antaranya dengan kijang-kijang yang lain.

SEBAHAGIAN PERKhabARAN TENTANG CHINA

Urusan surat menyurat raja-raja China kepada raja-raja kota mereka dan sida-sida adalah menggunakan baghal pos yang dipotong telinganya sama seperti baghal pos di tempat kita dengan melalui laluan yang telah ditetapkan.

Antara perkara penduduk China lagi yang kami ceritakan adalah mereka itu kencing berdiri. Demikian itulah perlakuan seluruh rakyat negeri mereka. Adapun Raja-raja, para pemimpin dan bangsawan, maka mereka ini mempunyai corong khas daripada kayu yang diminyak, panjang setiap kayu itu sehaŕta dengan lubang pada setiap hujungnya. Cuma lubang di bahagian atas lebih lebar untuk disarungkan ke kemaluannya.

³⁷⁸ Yakni proses *Istihalah* (pertukaran keadaan sesuatu benda seperti arak bertukar menjadi cuka). –pent.

Apabila salah seorang mereka ini hendak kencing, maka dia akan berdiri memegang corong tadi dan menghalakannya jauh dari tempat berdirinya, lalu kencing ke dalam corong berkenaan. Mereka yakin ini lebih menyihatkan tubuh, dan segala sakit pada pundi kencing serta batu karang itu berpunca daripada kencing duduk, dan pundi kencing tidak mengeluarkan kencing sehabisnya melainkan dengan kencing secara berdiri.

Penyebab mereka – aku maksudkan kaum lelaki – membiarkan rambut kepala adalah kerana mereka tidak mahu mendandan rambut anak-anak dan menjaganya sepertimana yang dilakukan oleh orang Arab. Kata mereka: *“Perlakuan itu menghilangkan keadaan otak sebagaimana diciptakan pada asalnya dan merosakkan kecerdikan.”* Maka kepala mereka itu bergelombang dengan rambut yang dibiarkan sergum.

Adapun pernikahan di negeri China, maka mereka itu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak seperti bangsa Bani Israil dan Arab. Setiap pecahan puak mereka saling mengetahui puak masing-masing. Seseorang daripada mereka tidak akan mengahwini pasangan yang sekerabat atau senasab. Mereka menghindari hal itu sehinggakan seorang dari satu kabilah tidak menikahi pasangan daripada kabilahnya. Contoh pada hal itu adalah: Bani Tamim tidak mengahwini sesama Bani Tamim, dan [Bani] Rabi’ah tidak mengahwini sesama [Bani] Rabi’ah. Tetapi [Bani] Rabi’ah berkahwin dengan [Bani] Mudhor dan sebaliknya. Mereka mendakwa hal demikian adalah

lebih mencerdaskan anak yang bakal lahir.³⁷⁹

SEBAHAGIAN KHABAR MENGENAI HIND

Dalam kerajaan Balhara dan lainnya daripada para raja Hind, ada antaranya yang membakar diri sendiri dengan api. Ini kerana kepercayaan yang kuat sehingga tiada syak sedikitpun dalam hati mereka mengenai perpindahan roh dari satu jasad kepada jasad lain setelah kematian.³⁸⁰

Di antara raja-raja mereka pula yang apabila ditabalkan menjadi raja, dimasakkan nasi untuknya lalu diletakkan di hadapannya di atas daun pisang. Kemudian dipanggillah orang-orangnya seramai tiga ke empat ratus orang untuk datang secara sukarela tanpa ada paksaan daripada raja, dan diberikan kepada mereka itu nasi berkenaan setelah raja sendiri memakan sedikit daripadanya. Maka tampillah mereka seorang demi seorang, mengambil sedikit daripada nasi lalu memakannya. Dengan itu maka menjadi suatu kewajipan ke atas mereka yang telah memakan nasi itu apabila raja tersebut mati atau terbunuh maka hendaklah membakar diri mereka sendiri pada hari kematian raja dengan tidak bertanggung-tanggung sehingga tidak tinggal sesuatu apa pun daripada diri mereka.

Apabila seseorang itu telah berazam untuk membakar dirinya, dia akan datang ke pintu raja lalu

³⁷⁹ Pandangan seperti ini juga terdapat dalam kepercayaan orang-orang Melayu. –pent.

³⁸⁰ Kisah golongan ini yang disebut “*Belawaja*” juga ada disebut dalam ‘Ajaibul Hind. –pent.

meminta izin kemudian keluar berkeliling di pasar-pasar, dan unggun api yang marak dan besar seumpama batu akik yang merah menyala lagi panas membakar sudah dinyalakan untuknya. Dia lalu melangkah dengan *ching chang*³⁸¹ di hadapannya. Ahli keluarga dan sanak kerabat juga masing-masing mengelilingi dirinya.

Sebahagian yang lain pula akan meletakkan mahkota daripada pokok raihan yang dipenuhi oleh bara api, lalu dicurahkan *Sundurur*³⁸² ke atasnya, yang mana getah itu jika bertemu api umpama minyak. Dia akan berjalan sedangkan kepalanya terbakar dan bau daging kepalanya yang terbakar itu menyebar ke udara. Namun begitu dia tetap berjalan tanpa berubah atau nampak tanda-tanda kesakitan sedikit pun. Begitulah sehingga dia sampai kepada api, lalu melompat masuk ke dalamnya sehingga akhirnya menjadi abu.

Sebahagian orang yang pernah hadir melihat peristiwa sebegini menyebutkan bahawa ada seorang lelaki daripada kalangan mereka itu hendak membakar dirinya dengan masuk ke dalam api. Ketika dia telah sampai hampir kepada api tersebut, tiba-tiba dikeluarkan khajarnya lantas diletak di atas ulu hatinya lalu dibelah tubuhnya sehingga sampai ke bahagian ari-ari. Kemudian dimasukkannya tangan kirinya, lalu dicekak pada hatinya

³⁸¹ Ar: (الصنوج). Atau *Cing-cing*. –pent.

³⁸² Sejenis getah pokok. Difahami daripada ayat di atas bahawa ianya mudah terbakar. –notakaki naskhah Asy-Syaruni dengan sedikit ubahsuai.

dan ditariknya keluar apa-apa yang dapat, sedangkan dalam masa yang sama mulutnya berkata-kata. Setelah itu dipotong hatinya itu menggunakan khanjar tadi lantas diserahkan sepotong kepada saudaranya sebagai tanda tidak takutnya dia menghadapi kematian dan tahan dalam menghadapi kesakitan. Kemudian ditikamnya tubuhnya didalam api itu terus kepada laknat Allah.

Lelaki yang menceritakan kisah ini menyebutkan dengan benar bahawa pada bukit yang terletak di kawasan ini terdapat suatu kaum daripada Hind yang cara mereka sama seperti puak *Kanifiyyah* dan *Halidiyyah*³⁸³ di tempat kita dalam mencari hal-hal yang batil dan bodoh. Antara mereka dengan penduduk yang tinggal di tepi pantai terdapat perlumbaan untuk saling bermegah satu sama lain. Sentiasa saja ada daripada kalangan kaum lelaki penduduk tepi pantai itu masuk ke gunung lalu mencabar sesiapa yang mampu untuk melakukan sepertimana apa yang akan dilakukannya. Penduduk gunung itu pun sama juga perangnya.

Jika berlaku demikian, maka mereka akan berkumpul beramai-ramai. Si pencabar tadi akan mencabar mereka untuk berbuat seperti perbuatannya. Sekiranya mereka tidak mampu, maka mereka mestilah mengaku kalah. Pencabar itu kemudiannya duduk di perdu pokok *Qina*³⁸⁴, lalu menyuruh mereka untuk menarik salah satu daripada batang pokok itu. Ianya seumpama pokok buluh dari segi

³⁸³ Ar: (الكنيفية و الحليدية)

³⁸⁴ Ar: (القنى).

rumpunnya, dan perdunya besar seperti tong yang besar dan lebih keras. Lalu ditariklah satu batang daripada rumpun pokok itu pada pucuknya sehingga melentur ke bumi. Jika dilepaskan ia akan kembali kepada keadaan asalnya.

Maka ditariklah melentur salah satu batang daripadanya sehingga hampir kepada lelaki itu. Kemudian diikat rambutnya yang panjang kepada batang pokok tersebut sekemas-kemasnya. Seperti api yang cepat, lantas dikeluarkannya sebilah khanjar seraya berujar kepada mereka: *“Aku akan memotong kepalaku dengan khanjar ini. Apabila ia terpenggal dari badanku, lepaskanlah batang pokok itu ketika itu juga. Aku akan ketawa ketika mana batang pokok itu kembali ke tempatnya dengan membawa kepalaku, dan kamu akan dapat mendengar sedikit hilai ketawaku.”*

Maka para penduduk pantai tidak dapat melakukan sepertimana yang telah dilakukan oleh si pencabar itu. Sesungguhnya cerita ini telah diberitahukan kepada kami oleh orang yang tidak kami tohmah keperibadiannya.³⁸⁵ Cerita itu sekarang telah pun diketahui ramai, disebabkan negeri Hind tersebut dekat dengan negeri Arab, dan berita-beritanya sentiasa sampai kepada penduduk Arab itu dari semasa ke semasa.

Di antara adat mereka lagi, jika lelaki atau perempuan mereka sudah berusia lanjut dan sudah lemah segala pancainderanya, maka dia akan memohon kepada ahli keluarganya untuk mencampakkannya ke dalam api

³⁸⁵ Yakni seorang yang dapat dipercayai ceritanya. –pent.

atau merejamnya ke dalam air sehingga lemas, dengan kepercayaan mereka bahawa rohnya akan kembali semula.

Cara menguruskan mayat mereka di sana adalah dengan membakarnya.

PULAU SARANDIB

Sesungguhnya di Pulau Sarandib ada suatu gunung permata berharga dan tempat menyelam mutiara dan lainnya. Ada seorang lelaki Hindi berjalan masuk ke pasar dengan membawa keris³⁸⁶ – ia itulah sejenis khanjar mereka yang sangat ajaib buaatannya lagi nipis – lalu menuju kepada mana-mana pedagang terkemuka yang boleh dikuasainya lantas mencekak leher pedagang itu sambil menghunuskan khanjar tersebut kepadanya. Kemudian dibawanya pedagang itu keluar daripada pasar di tengah-tengah orang ramai yang tidak mampu melakukan suatu tindakan apa pun terhadapnya kerana jika mereka hendak menarik pedagang itu daripadanya, dia akan membunuh pedagang berkenaan dan membunuh dirinya sekali.

³⁸⁶ Ar: (الجزى). Dalam naskhah Syamilah ditulis dengan huruf “ra” (الجرى). Dalam notakaki naskhah Asy-Syaruni dinyatakan bahawa disebutkan oleh Al-Mas’udi dalam *Murujnya* dengan (الجرى). Sementara Ferrand pula menuliskan dalam terjemahannya ke bahasa Perancis sebagai (Kris), dan Reinaud pula menulis (Kri) dengan kata beliau bahawa ianya ditulis dalam bahasa Melayu (كريس atau كرس). Lihat dimana dalam kisah ini disebutkan “*Lelaki Hindi*” walaupun dia seorang Melayu, kerana “*Hind*” itu sebutan umum. –pent.

Apabila keluar saja daripada kota, dia akan meminta wang tebusan daripada si pedagang. Maka si pedagang itu terpaksa lah mendapatkan sesiapa yang akan menebusnya dengan jumlah tebusan harta yang sangat banyak.

Kejadian seperti itu berlarutan lama sehinggalah zaman seorang raja yang memerintahkan agar sesiapa sahaja daripada Hind yang melakukan hal itu ditangkap walau dengan apa jua keadaan dan cara sekalipun. Maka dilaksanakanlah perintah berkenaan. Lalu si lelaki Hindi terlibat membunuh pedagang yang dicekupnya serta membunuh dirinya sendiri. Keadaan itu berlaku kepada banyak kumpulan mereka itu. Ramailah nyawa orang Hind dan Arab yang melayang dalam beberapa kejadian seperti itu. Bilamana raja benar-benar tegas dan keras dalam melaksanakan kehendaknya, tamatlah kejadian tersebut dan para pedagang pun kembali merasa aman dengan keselamatan nyawa mereka.

Permata merah, hijau dan kuning, tempat keluarnya adalah daripada gunung Sarandib, dan ia itu suatu pulau. Paling banyak permata berkenaan timbul kepada mereka adalah pada waktu air pasang, ketika mana air laut membawakan permata-permata itu daripada gua-gua dan lubang-lubang serta tempat-tempat aliran air. Permata-permata itu ada pasukan pencari khas untuk raja. Kadangkala permata-permata itu juga dilombong sepertimana galian-galian lain yang mana dikeluarkan permata yang berselaput dengan batu, lalu dipecahkan dan dipisahkan keduanya.

Raja di pulau ini seorang yang beragama. Para alim-
ulama mereka juga memiliki majlis seperti Majlis Para
Ahli Hadis kita yang menjadi tempat berhimpunnya
penduduk Hindu. Mereka ini menuliskan daripada
penduduk Hind itu tentang kisah-kisah Nabi mereka serta
adat-istiadat agama mereka.

Di pulau ini juga terdapat suatu berhala yang sangat
besar terbuat daripada emas tulen yang mana para pelayar
adakalanya berlebihan dalam menyatakan berat
timbangan emas itu. Terdapat juga rumah-rumah ibadat
yang menjadi tempat infaq harta-harta yang sangat
banyak.

Di pulau ini juga terdapat banyak orang Yahudi dan
agama-agama lain. Terdapat juga penganut
*Tsanawiyah*³⁸⁷. Raja membolehkan setiap penganut
berkenaan mengamalkan kepercayaan masing-masing.

Di sepanjang pulau ini terdapat terusan-terusan³⁸⁸

³⁸⁷ Ar: (ثنوية). Dalam notakaki naskhah Arab disebutkan bahawa
ia adalah suatu mazhab yang meyakini setiap benda bermula daripada
dua. Mereka menolak untuk menerima sesuatu yang lebih atau kurang
daripada dua *jawhar* (jisim terkecil yang tidak boleh dipecah-pecahkan
lagi). –pent.

³⁸⁸ Ar: (أغباب) Kata jama' daripada (الغيب) Lihat Lisanul Arab.
Terusan-terusan Sarandib ini adalah salah satu keajaiban arkitek kuno
semenjak sebelum Masehi lagi. Penyebutan terusan-terusan ini dalam
kitab ini serta kitab klasik Arab lain menunjukkan kemasyhurannya.
Saya menyarankan kepada para pembaca untuk menggugel di
internet dengan memasukkan kata carian “*Ancient canals in Sri Lanka*”

yang luas. Makna terusan itu ialah sebuah wadi yang besar apabila ia terlampau luas dan lebar. Ia melimpah dan berakhir ke laut. Para pelayar yang menyeberangi lembangan ini – yang terkenal dengan “*Terusan Sarandib*” – akan belayar selama dua bulan lebih melalui hutan-hutan dan taman-taman³⁸⁹ dalam cuaca yang tenang.

Di mulut³⁹⁰ terusan ini adalah laut yang dikenali sebagai Laut Harakand. Di situ tempat yang penghidupannya murah. Seekor kambing hanya berharga setengah dirham. Minuman yang dimasak daripada madu lebah dengan bijirin *dadi*³⁹¹ basah yang diminum oleh sekumpulan orang pun harganya sama seperti itu juga.

Pekerjaan mereka itu kebanyakannya adalah berjudi sabung ayam serta *Nard*³⁹². Ayam-ayam mereka bertubuh besar dengan susuh yang panjang. Mereka membuat pada susuh itu sejenis pisau kecil dan nipis yang diikat pada

untuk maklumat lanjut. Bahkan masih ada antara terusan berkenaan yang berfungsi hingga saat ini. Boleh dilihat gambar-gambarnya di internet. –pent

³⁸⁹ Ar: (رياض). Mungkin lebih tepatnya dusun-dusun atau kebun-kebun. Saya beranggapan teknologi terusan seperti ini juga terdapat di Semenanjung pada zaman dahulu yang membentuk laluan kapal rentas Semenanjung tanpa ke selatan. Wallahu a’lam. –pent.

³⁹⁰ Yakni di hujung. –pent.

³⁹¹ Ar: (الدادی). Bijirin seperti gandum tetapi lebih panjang dan ringan serta pahit rasanya. –notakaki naskhah Asy-Syaruni. Mungkinkah ini asal kepada perkataan “*Padi*” dalam bahasa Melayu? Dalam naskhah Syamilah ditulis (الدادی). –pent.

³⁹² Ar: (الگرد).

susuh tersebut. Ayam itu kemudiannya dilepaskan untuk bersabung sesamanya. Perjudian mereka adalah dengan mempertaruhkan emas, perak, tanah, tanam-tanaman dan lain-lainnya. Ayam sabung yang menang harganya setara dengan sejumlah emas.

Demikian juga dalam permainan *Nard* mereka selalunya dengan bahaya yang besar³⁹³. Seheinggakan ada kalangan orang yang lemah dan miskin yang berhasrat kepada perkara batil dan supaya diikuti sertakan dalam kelompok³⁹⁴ kadangkala sampai mempertaruhkan jarinya. Dia akan bermain dengan sebuah bekas berisi minyak kelapa atau minyak bijan – disebabkan minyak zaitun tidak ada di tempat mereka – dan dibawah bekas itu terdapat api yang mendidihkan minyak itu.

Di antara pemain itu dan lawannya terletak sebilah kapak kecil yang tajam. Apabila salah seorang berjaya mengalahkan lawannya, maka yang kalah akan meletakkan tangannya ke atas sepotong batu, lantas si pemenang akan menetak jari lawan yang kalah tadi sehingga putus. Kemudian penjudi yang dipotong jari itu akan memasukkan tangannya ke dalam minyak – dan ia sangat panas – lalu minyak itu menyembuhkan lukanya. Walau bagaimanapun, hal itu tidak juga menjadi penghalang – untuknya meneruskan permainan. Adakalanya mereka berpisah dalam keadaan semua jarinya sudah terpotong.

³⁹³ Yakni pertaruhan yang besar. –notakaki naskhah Asy-Syaruni.

³⁹⁴ Yakni dapat masuk sebagai ahli Geng tertentu. –pent.

Ada juga di antara mereka yang mengambil potongan kain dibuat sumbu, dicelupnya ke dalam minyak lalu diletakkannya kepada salah satu anggota tubuhnya dan api membakar di situ sehingga bau daging yang terbakar meruap ke udara. Dalam keadaan begitu dia masih tetap meneruskan permainan *Nard* itu tanpa kelihatan rasa sakit sedikitpun.

Kerosakan di tempat ini merata kepada kaum wanita dan lelaki tanpa dapat dikawal. Seheinggakan kadangkala ada di antara para pedagang di laut itu yang dipanggil oleh salah seorang puteri raja di situ dan masuk ke hutan bersamanya dengan sepengetahuan bapanya. Orang tua-tua³⁹⁵ penduduk Siraf melarang daripada belayar menghampiri ke kawasan itu, lebih-lebih lagi kepada pelayar-pelayar yang muda.

MUSIM TENGGUJUH DI HIND

Tengkujuh yang berlaku di negeri Hind – yang maksudnya adalah “*Hujan*” – maka ianya berlaku ke atas mereka pada musim panas³⁹⁶ selama tiga bulan berturut-turut, siang dan malam tanpa henti.

Sebelum datangnya musim itu mereka telah pun menyediakan bekalan makanan masing-masing. Apabila tiba tengkujuh, mereka tinggal dalam rumah-rumah

³⁹⁵ Di sini digunakan perkataan (مشايخ) yang boleh juga dimaknakan sebagai Para Ulama. –pent.

³⁹⁶ Barangkali maksudnya musim itu bertepatan dengan musim panas di negara Arab. Jika tidak bagaimana hendak dikatakan tengkujuh pada musim panas. –pent.

mereka kerana rumah itu dibina daripada kayu dengan bumbung sungkup, dinaungi oleh rumput-rumputan³⁹⁷. Tinggallah mereka tanpa keluar ke mana-mana melainkan kerana ada urusan yang penting saja. Sepanjang musim itu, orang-orang yang bertukang dan sebagainya menyelesaikan kerja mereka di dalam rumah masing-masing.

Adakalanya pada waktu ini sampai menjadi reput dan membusuk telapak kaki mereka. Walau bagaimanapun, melalui tengkujuh inilah bergantungnya kehidupan mereka. Sekiranya tidak ada musim ini, habis matilah mereka kesemuanya. Ini kerana tanaman mereka adalah padi, mereka tidak tahu yang selainnya. Tidak ada makanan ruji mereka melainkan dari padi itulah. Pada waktu inilah secara sekaligus bendang³⁹⁸ mereka akan diairi tanpa perlu bersusah payah mengairinya lagi. Makna bendang itu adalah tempat ditanamnya padi. Setelah berakhir musim hujan itu, maka padi pun sudah benar-benar subur dan banyak, dan hujan pun sudah berhenti.

³⁹⁷ Boleh jadi atapnya terbuat daripada daun rumbia, nipah, bemban dan sebagainya dimana pengarang melihatnya sebagai rumput-rumputan (حشائش). –pent.

³⁹⁸ Dalam naskhah Arab ditulis perkataan (الحرمات). Dan dijelaskan kemudiannya sebagai (منابت الأرز). Saya terus menterjemahkannya sebagai bendang saja. Mungkin juga padi yang ditanam itu padi bukit padi huma. Jadi perkataan bendang mungkin tidak sesuai di situ. –pent.

KHABAR-KHABAR LAIN DARIPADA HIND

Bumi Hind memiliki para ahli ibadah dan ahli ilmu yang dikenal sebagai *Brahman*.³⁹⁹ Juga para penyair yang mengerumuni raja-raja, ahli nujum, ahli falsafah, tukang tenung nasib, para ahli dalam menghalau gagak dan lainnya. Ada juga para ahli sihir dan sekumpulan ahli silap mata. Yang demikian itu terdapat di Qannuj⁴⁰⁰ secara khususnya yang mana ia adalah sebuah negeri yang besar dalam Kerajaan Jurz⁴⁰¹.

Di Hind juga terdapat satu kumpulan manusia yang dikenal sebagai *Bikur*⁴⁰². Mereka ini tidak berpakaian. Sesungguhnya rambut merekalah yang menjadi penutup badan dan kemaluan mereka. Kuku mereka pula panjang-panjang seperti lembing disebabkan tidak pernah

³⁹⁹ Ar: (البراهمة).

⁴⁰⁰ Ar: (قنوج). Sebuah bandar yang terletak di bahagian timur Sungai Gangga. Dulunya sebuah bandar besar dan pernah juga menjadi ibukota bagi Balhara. Mengikut riwayat Ibn Battuta, jaraknya sepuluh hari perjalanan ke Delhi. –notakaki Asy-Syaruni dengan sedikit ubahsuai.

⁴⁰¹ Ar: (مملكة الجز). Dalam naskhah Syamilah ditulis (مملكة الجز). Perhatikan kenyataan ini dan juga lokasi bandar Qannuj yang disebutkan oleh Ibn Battuta dalam notakaki sebelum ini, iaitu sebelah Timur Sungai Ganges, nyatalah bahawa Kerajaan Jurz atau Juzr itu letaknya di sekitar Myanmar dan Bangladesh kini. Dan tidak benarlah terjemahannya kepada Raja Kepulauan dengan anggapan bahawa ia adalah salah satu kerajaan di Kepulauan Melayu. *Wallahu a'lam*. –pent.

⁴⁰² Ar: (البيكرجين).

dipotong, melainkan yang patah dengan sendirinya. Mereka ini hidup merayau-rayau ke sana ke mari.

Di leher setiap lelaki itu terdapat seutas tali dengan tengkorak manusia tergantung padanya. Apabila berasa tersangat lapar, dia akan berdiri pada mana-mana pintu rumah orang Hindu, lalu tuan rumah berkenaan akan cepat-cepat memberikan nasi kepadanya kerana terlampau gembira dengan kehadirannya. Dia kemudian akan memakan nasi tersebut di dalam tengkorak yang dibawa itu. Setelah kenyang, dia akan beredar dan tidak akan kembali untuk meminta makanan lagi kecuali pada waktu yang diperlukannya.

Orang Hindu juga mempunyai beberapa bentuk jalan keagamaan yang pada keyakinan mereka adalah sebagai jalan untuk mendekati diri kepada pencipta mereka – Maha Tinggi dan Maha Mulia Allah dengan Ketinggian dan Kebesaran yang sebenar-benarnya daripada apa yang dikatakan oleh orang-orang yang zalim itu. Antaranya adalah seseorang lelaki membina tempat persinggahan di jalan-jalan bagi orang yang melewati jalan berkenaan dan menempatkan di situ seorang peniaga yang akan menjual segala keperluan para pengembara itu. diempatkan juga di situ pelacur dari bangsa Hind dengan diberi upah agar dapat dinikmati oleh mereka yang singgah. Perbuatan ini⁴⁰³ pada mereka dianggap sesuatu yang diganjar pahala.

⁴⁰³ Yakni mendirikan tempat persinggahan dan khidmat jualan dan pelacuran kepada pengembara. –pent.

Di Hind juga terdapat pelacur yang dikenali sebagai “*Pelacur Buddha*⁴⁰⁴”. Penyebab perkara tersebut adalah apabila ada seseorang perempuan yang bernazar dengan suatu nazar, kemudian dia dikurniakan dengan seorang anak perempuan yang cantik. Maka anak perempuan tadi dibawanya kepada patung Buddha itu – iaitulah berhala⁴⁰⁵ yang disembah oleh mereka itu – lalu diserahkan anak itu kepada berhala tersebut.

Setelah itu maka ditempatkanlah anak perempuan itu di sebuah rumah di pasar, digantungkan suatu tirai pada rumah itu dan didudukkan anak perempuan itu di atas sebuah kerusi untuk menjadi pemuas nafsu penduduk Hind dan selain mereka daripada penganut agama lain yang tidak menghiraukan batas agama mereka. Maka mereka itu bolehlah menikmati perempuan itu dengan bayaran upah yang tertentu. Setiap kali bayaran upah itu dapat dikumpulkan, maka ia akan diserahkan oleh perempuan itu kepada khadam berhala untuk digunakan bagi mengimarahkan rumah ibadat berhala itu.

Allah yang Maha Agung lagi Maha Mulia, kita memujiNya terhadap apa yang telah dipilihkanNya untuk

⁴⁰⁴ Ar: (البُدَّ). Pada kebanyakan tempat dalam kitab ini dan kitab ‘*Ajaibul Hind*, perkataan inilah digunakan bagi menyebutkan berhala dan bukannya (الصنم). Kebiasaannya saya akan menterjemahkannya sebagai “*berhala*” sahaja. Kalimah tersebut nyatanya merujuk kepada patung “*Buddha*”. *Wallahu a’lam*. –pent.

⁴⁰⁵ Ar: (الصنم). Di sini diterangkan sendiri oleh pengarang maksud kepada kalimah (البد) itu dengan digunakannya kalimah (الصنم). –pent.

kita⁴⁰⁶ dan telah menyucikan kita daripada (melakukan) dosa-dosa yang dilakukan oleh orang-orang kafir itu.

Adapun berhala yang terkenal di Multan⁴⁰⁷ - iaitu berdekatan Mansurah – maka berhala tersebut menjadi tempat tumpuan ramai orang bahkan daripada mereka yang datang daripada jarak perjalanan yang berbulan-bulan. Ada antara para penziarah itu yang datang dengan membawa Gaharu Qamirun⁴⁰⁸, dan Qamirun⁴⁰⁹ ialah sebuah negeri yang terdapat di situ gaharu yang bernilai tinggi. Orang itu akan membawa gaharu berkenaan lalu menyerahkannya kepada khadam berhala untuk digunakannya bagi mewangikan berhala itu. Ada antara gaharu tersebut berharga dua ratus dinar bagi satu *mann*⁴¹⁰. Adakalanya gaharu yang dibawa itu telah siap dicap dengan cap bahawa ianya khusus untuk orang-orang fakir melarat. Maka para saudagar akan membeli gaharu-gaharu tersebut daripada para penjaga berhala itu.

Di Hind juga terdapat para ahli ibadat mengikut agama mereka yang mana akan pergi menuju ke pulau-pulau di tengah laut lalu menanam pokok-pokok kelapa serta mengorek sumber air di situ dengan mengharapkan

⁴⁰⁶ Yakni agama Islam. –pent.

⁴⁰⁷ Ar: (المولتان). Dalam naskhah Syamilah ditulis dengan huruf “ta” (المولتان). Saya menetapkannya berdasarkan naskhah Syamilah. – pent.

⁴⁰⁸ Ar: (العود الهندى القامرونى).

⁴⁰⁹ Ar: (قامرون).

⁴¹⁰ Satu *mann* menyamai dua *ritl* (cupak). –pent.

ganjaran pahala mudah-mudahan jika ada sesiapa yang lalu di pulau itu dapat mengambil manfaat daripada pokok kelapa dan sumber air tadi.

Di Oman pula ada juga mereka yang akan pergi ke pulau-pulau yang ada pokok-pokok kelapa seperti ini dengan membawa alat-alat bertukang dan sebagainya lalu memotong batang-batang pokok kelapa mengikut yang dikehendaknya. Apabila batang-batang kelapa itu telah kering, ia lalu dipotong menjadi kepingan-kepingan papan. Sabut-sabut kelapa pula akan dipintal untuk dibuat tali bagi mengikat potongan-potongan kayu tadi.

Setelah itu, mereka mulalah membuat kapal dan dayung menggunakan papan-papan tersebut. Daun-daun kelapa digunakan untuk membuat layar kapal dengan tali sabut sebagai tali ikat layar dan sebagainya. Selepas semuanya selesai, buah-buah kelapa diangkut memenuhi kapal dan dibawa ke Oman untuk dijual. Hal ini amatlah besar berkat dan manfaatnya, kerana semua yang telah dilakukan itu suatu pekerjaan yang tidak berhajatkan kepada yang lain sedikit pun.⁴¹¹

NEGERI AZ-ZANJ

Negeri Zanj itu sangatlah luas. Semua yang tumbuh di sana daripada jagung – iaitu makanan asasi mereka – tebu

⁴¹¹ Yakni untungnya banyak sekali disebabkan penghasilan itu semuanya bersumberkan daripada pokok kelapa semata-mata; bermula daripada kayu kapalnya, talinya, dayungnya, layarnya, sehinggakan buah kelapa yang dijual tersebut juga. – notakaki naskhah Asy-Syaruni.

dan segala jenis pokoknya berwarna hitam belaka. Mereka mempunyai ramai raja yang saling berperang sesama sendiri.

Para raja itu ada memiliki beberapa pahlawan yang dikenali sebagai "*Pahlawan Bertindik*"⁴¹². Mereka ini bertindik pada hidungnya dan dibubuh suatu gelang yang dipenuhi beberapa rantai panjang di gelang itu.

Apabila berlaku perang, maka para pahlawan ini akan lebih dahulu ke hadapan dengan rantai-rantai yang digantung pada gelang di hidungnya itu akan dipegang hujungnya oleh beberapa orang lelaki yang lain. Lelaki-lelaki yang memegang rantai berkenaan akan menarik rantai tersebut bagi menghalang *Pahlawan Bertindik* tadi daripada terus mara sehinggalah kedua belah pihak saling mengutuskan para utusannya. Jika tidak dapat mencapai kata sepakat untuk berdamai, maka rantai-rantai itu akan dibelit di leher Pahlawan Bertindik itu, lalu mereka melepaskannya masuk ke medan perang. Dalam perang itu tidak seorang pun yang berani berdepan dengan mereka ini. Mereka pula tidak akan sesekali berundur dan berganjak daripada tempatnya melainkan mati terbunuh.

Bangsa Az-Zanj sangat-sangat menghormati dan menyanjung orang-orang Arab. Apabila mereka terlihat seorang Arab, mereka lantas bersujud menghormatinya. Ujar mereka: "*Lelaki ini daripada kerajaan yang ada terdapat pokok tamar.*" Ini disebabkan tamar begitu mulia pada pandangan dan hati mereka.

⁴¹² Ar: (المخزومين).

Mereka juga memiliki para penceramah. Tidak ada pada umat-umat lain para penceramah yang hebat seperti penceramah yang berceramah dalam bahasa mereka itu. Ada antara mereka yang ahli ibadat yang hanya menutup badan dengan kulit harimau atau kulit kera. Dengan bertongkat, ahli ibadat ini akan menuju kepada orang ramai yang akan duduk berkumpul di kakinya lalu dia akan berceramah daripada siang sampai ke malam sambil mengingatkan mereka kepada Allah *Jalla Zikruh* serta menyebut-nyebutkan hal ehwal orang-orang mereka yang sudah meninggal dunia.

Daripada negeri merekalah dibawa harimau Zinji yang berwarna merah dan putih serta besar tegap badannya.⁴¹³

PULAU SUQATRA

Di laut ini terdapat sebuah pulau yang dikenali sebagai Suqatra.⁴¹⁴ Di situ tumbuh pokok-pokok *Sobir Usqutan*⁴¹⁵. Letak pulau ini berhampiran negeri Az-Zanj dan negeri Arab. Kebanyakan penduduk di sana beragama Nasrani

⁴¹³ Nampaknya bangsa Az-Zanj (negro) yang disebutkan ini bukanlah orang kulit hitam di Afrika. Ini kerana setelah menceritakan tentang Pulau Suqatra selepas ini, barulah pengarang mula beralih untuk bercerita tentang pesisir timur Afrika (sebelah kanan Al-Hind). -pent.

⁴¹⁴ Pulau Socotra, kini di bawah kerajaan Yaman. Di sana terdapat pokok-poko yang aneh bentuknya. -pent.

⁴¹⁵ Ar: (الصبر الأسقوطري).

disebabkan ketika mana Iskandar⁴¹⁶ berhasil mengalahkan raja Parsi, baginda lalu menulis surat kepada gurunya iaitu Aristotole untuk memberitahunya apa yang telah berlaku tentang hal ehwal bumi yang telah berjaya ditawannya.

Gurunya lalu membalas surat itu dengan gesaan agar baginda mencari sebuah pulau di tengah laut yang dikenal sebagai pulau Suqatra yang ditumbuhi dengan pokok *sobir*. Menurutny lagi bahawa pokok itulah suatu ubat yang teragung dimana tidak sempurna ubat-ubatan melainkan dengan tumbuhan itu. Perkara yang patut dilakukan – tulis Aristotole – adalah dengan mengeluarkan penduduk pulau itu dari sana lalu digantikan dengan penduduk berbangsa Yunani yang akan mengawal pulau itu serta mengeksport tumbuhan *sobir* itu ke negeri Syam, Rom dan Mesir.

Iskandar lantas mengutuskan tenteranya yang bertindak memindahkan keluar penduduk dari pulau itu dan menggantikan dengan sekumpulan orang Yunani untuk tinggal di situ. setelah itu Iskandar mara pula menemui raja-raja kecil⁴¹⁷ disebabkan baginda berjanji melindungi raja-raja ini sewaktu baginda berperang dengan Darius Yang Agung⁴¹⁸. Mereka berterusan dalam perlindungan keamanan sehinggalah waktu Allah mengutuskan Nabi Isa alaihissalam. Lalu sampailah perkhabaran tentang Nabi Isa alaihissalam kepada orang-

⁴¹⁶ Alexander The Great Makduni. Bukan Zulqarnain. –pent.

⁴¹⁷ Ar: (ملوك الطوائف).

⁴¹⁸ Ar: (دارا الكبير).

orang Yunani yang mendiami pulau itu, maka mereka pun turut masuk ke dalam agama Nasrani bersama-sama orang-orang Rom. Keturunan mereka inilah yang kekal mendiami pulau berkenaan di samping penduduk-penduduk bangsa lain.

BAHAGIAN SEBELAH KANAN HIND

Tidak ada disebutkan di dalam kitab ini – yakni Kitab Yang Pertama – bahagian sebelah kanan daripada laut ketika mana kapal-kapal belayar keluar daripada Oman dan Tanah Arab lalu menempuh Lautan Besar. Hanya yang disebutkan adalah bahagian kiri daripada lautan itu sahaja, kerana di situlah letaknya laut Hind dan China;⁴¹⁹ dan memang itulah tujuan penulis kitab tersebut.

Pada lautan ini yang di bahagian kanan Hind bagi orang yang keluar daripada Oman adalah negeri As-Syahr⁴²⁰, ia itu tempat tumbuhnya pokok *Luban*⁴²¹ dan

⁴¹⁹ Untuk memahami pernyataan ini dengan baik, maka hendaklah dimaklumi bahawa peta pada zaman dahulu adalah berkedudukan terbalik daripada peta zaman ini, iaitu bahagian Selatan berada di atas, Utara di bawah, Timur di kiri dan Barat di kanan. Dengan itu dapatlah kita gambarkan apa yang disebutkan oleh pengarang ini dimana dinyatakan kedudukan Hind dan China itu di sebelah kiri. – pent.

⁴²⁰ Ar: (الشحر). Dalam kitab *'Ajaibul Hind* –yang telah selesai saya terjemahkan dan telah diterbitkan oleh Baytul Hikma – ada beberapa kali disebutkan negeri ini dengan nama (شحر اللبان). –pent.

⁴²¹ Ar: (اللبان). Getah pokok ini dikenal dengan nama *Kemenyan Arab* yang salah satu khasiatnya adalah untuk menguatkan ingatan, sebagaimana disebutkan dalam kitab *Ta'lim Al-Muta'allim*. –pent.

sebahagian daripada bumi kaum ‘Ad, Himyar, Jurhum dan Tubba’.⁴²² Penduduk di situ berbahasa Arab warisan kaum ‘Ad zaman dahulu kala yang kebanyakannya tidak diketahui oleh orang Arab sendiri. Mereka ini tidak memiliki penempatan tetap berupa kampung serta hidup dalam kesempitan. Kawasan mereka berakhir sehingga tanah Aden dan persisiran Yaman sampai ke Juddah⁴²³.

Daripada Juddah membawa ke Al-Jar, lalu ke pesisir bumi Syam, terus ke Laut Qalzum⁴²⁴ dimana sampai di situlah batas lautnya. Dan itulah sepertimana yang difirmankan Allah *Jalla Zikruhu*: “Dan Kami jadikan di antara dua lautan itu suatu pembatas.”⁴²⁵ Kemudian daripada Laut Qalzum itu membelok ke bumi Barbar, lalu bersambung dengan bahagian barat yang bertentangan dengan bumi Yaman, sehingga lalu ke bumi Habsyah yang mana dari sanalah diimport kulit harimau Barbariyah – dan ia itu kulit yang terbaik dan paling bersih – dan bumi Zaila’ yang terdapat ‘anbar serta *zubl*, ia itu cengkerang penyu.

Kapal-kapal penduduk Siraf, bilamana sampai ke laut ini dengan mengambil arah kanan maka akan sampailah ke Juddah lalu berlabuh di sana dan memungghakan segala dagangan yang akan dibawa ke

⁴²² Ar: (عاد، حمير، جرهم، التبابعة). Nama-nama bangsa Arab asli zaman dahulukala yang sudah pupus. –pent.

⁴²³ Biasanya ditulis Jeddah. –pent.

⁴²⁴ Ar: (القلزموم). Atau dikenal juga sebagai Laut Merah. –pent.

⁴²⁵ Surah An-Naml: ayat 61. Maksud batas oleh pengarang di sini adalah antara Laut Merah dan Laut Mediterranean. –notakaki naskhah Asy-Syaruni.

Mesir menggunakan kapal-kapal Laut Qalzum. Ini disebabkan kapal-kapal penduduk Siraf tidak dapat melayari laut tersebut kerana begitu sukar serta banyak pula gunung-ganang di tengah laut, ditambah pula tiadanya sebarang kerajaan atau tempat tinggal manusia dipesisirannya. Apabila sesebuah kapal belayar di situ, maka pada setiap malam ia perlu berlindung bagi mengelakkan gunung-ganang di laut itu. Pelayaran hanya dilakukan waktu siang, sementara waktu malam untuk berlindung.

Laut ini gelap serta busuk baunya, tidak ada kebaikan daripada perutnya atau permukaannya. Tidak seperti laut Hindi dan China yang dalam perutnya terdapat mutiara dan ‘anbar, manakala pada gunung-ganangnya pula terdapat segala permata dan galian emas; pada mulut binatangnya terdapat gading, pada tumbuh-tumbuhannya terdapat pokok abnus, baqqam, buluh rotan, pokok gaharu, kafur, *jauzbu*⁴²⁶, cengkih, cendana dan segala macam rempah ratus yang harum lagi bagus-bagus. Juga burung-burungnya seperti berjenis-jenis kakaktua, merak dan haiwan buruannya pula seperti *zubad*⁴²⁷ dan kijang kasturi. Serta pelbagai macam lagi

⁴²⁶ Ar: (الجوزبوا). Buah pala.

⁴²⁷ Ar: (الزباد). Sejenis binatang hampir sebesar kucing liar yang mempunyai kantung wangian. Wangian itu digunakan sebagai bahan asas campuran haruman di negeri-negeri timur. –notakaki naskhah Asy-Syaruni dengan ringkas. Boleh jadi yang dimaksud itu musang jebat. –pent.

yang tidak dapat dihitung oleh seseorang disebabkan terlampau banyak kebaikannya⁴²⁸.

‘ANBAR

Adapun ‘anbar yang diluahkan oleh laut ini ke pesisirannya maka ia itu terdampar akibat ditolak oleh deburan ombak. Sumbernya adalah daripada Laut Hindi, cuma tidak diketahui dari manakah tempat keluarnya secara tepat. ‘Anbar terbaik adalah yang terdampar di pesisir Barbar atau sempadan negeri Zanj dan Syahr serta sekitarnya; ia itulah sejenis telur berbentuk bulat berwarna biru.

Penduduk di tempat-tempat ini memiliki unta-unta terbaik lagi terlatih bagi mencari ‘anbar yang akan ditungguangi oleh mereka pada waktu malam yang dilimpahi cahaya bulan lalu berjalan di sepanjang pantai. Apabila unta-unta ini ternampak ‘anbar di pantai, ia lalu menderam turun sehingga tuannya dapat mengutip ‘anbar tersebut.

Ada juga antara ‘anbar itu yang terapung-apung dipermukaan laut dan besar-besar pula saiznya. Kadangkala ianya bersaiz sebesar seekor lembu jantan atau kecil sedikit daripada itu. Apabila ‘anbar ini dilihat oleh sejenis ikan yang dikenali dengan nama *Bal*⁴²⁹, ia lalu menelannya. Tatkala sampai saja ‘anbar yang ditelan itu

⁴²⁸ Kebaikan di sini maksudnya hasil bumi dan lautnya. –pent.

⁴²⁹ Dalam naskhah Asy-Syaruni ia ditulis (البال), manakala dalam naskhah Syamilah pula (البال), yakni sejenis ikan paus. Maka dengan itulah saya tetapkan seperti di atas. *Wallahu a’lam.* –pent.

ke rongga ikan itu, matilah ikan tersebut lalu terapung-apung di permukaan laut.

Di situ ada sekumpulan orang memang sentiasa duduk di dalam perahu dengan menanti-nantikan kesempatan ini. Mereka ini sudah mengetahui bilakah waktunya akan berlaku kejadian sebegini. Dengan itu, bila saja mereka ternampak bangkai ikan tersebut, maka bersegeralah mereka mendapatkan ikan berkenaan lantas mencangkuk di belakangnya menggunakan cangkuk besi yang diikat dengan tali yang sangat kukuh.

Setelah berhasil mendaratkannya di pantai, mereka akan membelah perutnya dan mengeluarkan 'anbar itu. Mana-mana 'anbar yang telah sampai kepada perut ikan, maka ia itulah *Al-mand*⁴³⁰ yang agak tengik baunya. Minyak wangi ini ada dijual oleh penjual minyak wangi di Madinah As-Salam⁴³¹ dan Basrah. Mana-mana 'anbar yang tidak terkena bau tengik ikan itu, maka jenis inilah yang paling bagus sekali.

Ikan yang dikenal sebagai *Bal* ini kadangkala diambil tulang belakangnya dan diperbuatkan kerusi yang kukuh. Mereka menyebutkan bahawa di sebuah kampung yang dikenali sebagai Tabin⁴³², terletak sepuluh farsakh daripada Siraf, terdapat rumah-rumah tradisional yang mana alang bumbungnya diperbuat daripada tulang rangka ikan ini.

⁴³⁰ Ar: (المنند).

⁴³¹ Yakni Baghdad. -pent.

⁴³² Ar: (التابن).

Aku telah mendengar sendiri seseorang berkata bahawa pernah pada zaman dahulu seekor daripada ikan jenis ini terdampar di Siraf. Lalu dia ini berhasrat untuk pergi melihat sendiri bagaimana rupanya ikan tersebut. Sesampai di situ didapatinya sekumpulan orang telah pun memanjat ke atas belakang ikan berkenaan menggunakan tangga.

Para nelayan, bilamana mereka berjaya mendapat ikan ini, maka mereka akan membiarkannya di bawah terik matahari dan memotong dagingnya. Kemudian mereka akan menggali lubang di sekeliling ikan tadi bagi mengumpulkan lemaknya. Minyak akan dikumpulkan daripada matanya apabila cahaya matahari mula mencairkan lemak ikan itu. Ia kemudiannya dijual kepada para nakhoda untuk dibuat campuran bagi menyapu rekahan atau kebocoran yang terdapat pada kapal. Minyak itu juga boleh digunakan bagi menutup pecahan tembikar. Sememangnya lemak ikan tersebut dapat dijual dengan harga yang mahal.

MUTIARA

Awal mulanya penciptaan mutiara ini adalah dengan kelembutan tadbir Allah Tabaraka Ismuhu dimana Dia Azza wa Jalla telah berfirman [dengan maksudnya]: *“Maha Suci Dia yang telah menciptakan setiap suatu secara berpasangan, sama ada apa-apa yang tumbuh daripada bumi, dan daripada diri-diri mereka sendiri, serta daripada apa saja yang*

*mereka tidak mengetahuinya.*⁴³³

Mutiara itu bermula dengan sesuatu seperti *Anjudanah*⁴³⁴ dari segi warnanya, bentuknya, kecil saiznya, ringannya, lembut dan lemahnya. Ia berterbangan⁴³⁵ perlahan-lahan di atas permukaan laut lalu kemudiannya terlekat di bahagian badan kapal yang tenggelam di dalam air. Setelah beberapa hari, maka ia akan semakin kuat dan membesar serta mengeras. Apabila ia sudah berat, ia lalu akan jatuh ke dasar laut dan memakan apa sahaja yang Allah sajalah terlebih tahu tentangnya. Ia tidak memiliki selain sehiris daging berwarna merah seumpama lidah, tidak ada tulang mahupun sendi atau urat-urat.

Mereka berbeza-beza pendapat mengenai mula kejadian mutiara itu. Berkata sekelompok orang: Apabila hujan turun, maka tiram akan naik ke permukaan laut lalu membuka mulutnya sehingga titis-titis hujan masuk ke dalamnya, lalu dari itulah terjadinya butiran itu.

Berkata pula golongan yang lain: Mutiara itu terhasil daripada tiram itu sendiri. Dan inilah yang paling sahih antara dua perkhabaran tersebut. Ini kerana kadangkala didapati daripada tiram itu ada mutiara yang terus membesar yang tidak dicongkel keluar, bahkan sebaliknya ia tercongkel sendiri. Ia inilah yang dinamakan "*Mutiara*

⁴³³ Surah Yasin: Ayat 36.

⁴³⁴ Ar: (الأجدانة). Saya tidak tahu apa maknanya. *Wallahu a'lam.*—
pent.

⁴³⁵ Yakni terapung-apung. Disebutkan "*berterbangan*" kerana sifatnya yang ringan dan lemah itu. —pent.

*Tercongkel*⁴³⁶ oleh para peniaga mutiara laut. *Wallahu a'lam.*

KISAH MUSANG DAN MUTIARA

Di antara perihal-perihal ajaib yang pernah kami dengar mengenai pintu-pintu rezeki adalah seperti berikut:

Pada zaman dahulu ada seorang Arab Badwi telah datang ke Basrah dengan membawa sebutir mutiara yang nilainya menyamai sejumlah harta. Dia lalu terjumpa dengan seorang penjual minyak wangi yang bersikap ramah terhadapnya. Maka ditunjukkanlah mutiara yang dibawanya itu kepada si penjual minyak wangi tersebut sambil bertanya apakah bendanya itu, kerana si Badwi ini sedikit pun tidak mengetahui nilainya.

Si penjual minyak wangi itu lalu memberitahu Badwi bahawa itu adalah sebutir mutiara. Si Badwi lantas bertanya: *“Berapakah nilainya?”*

“Seratus dirham,” jawab si penjual minyak wangi.

Mendengarkan itu si Badwi merasakan harganya sudah cukup mahal. Dia terus bertanya: *“Apakah ada orang yang akan membelinya daripadaku dengan harga yang engkau nyatakan itu?”*

Tanpa bertangguh lagi si penjual minyak wangi itu segera menyerahkan wang seratus dirham. Setelah menerima wang itu si Badwi lalu menggunakan wang itu bagi membelikan bijirin untuk makanan ahli keluarganya. Si penjual minyak wangi itu pula kemudiannya membawa

⁴³⁶ Ar: (اللؤلؤ القلع).

mutiara berkenaan ke Madinah As-Salam⁴³⁷ lalu dijualnya di sana dengan harga sejumlah harta.⁴³⁸ Dengan keuntungan itulah dia berjaya memperkembangkan perniagaannya.

Penjual minyak wangi itu menyebutkan bahawa dia ada bertanyakan si Badwi itu punca dari manakah didapatinya mutiara itu. Maka cerita si Badwi itu dengan katanya:

Suatu ketika aku berjalan di Somman⁴³⁹, iaitu bahagian negeri Bahrain, letaknya berhampiran dengan pantai. Sedang dalam berjalan itu tiba-tiba aku terpandangkan bangkai seekor musang berada di atas pasir di situ. Di mulutnya terdapat sesuatu yang melekat menutup mulutnya. Aku lalu menghampiri bangkai musang berkenaan untuk menilik dengan lebih teliti. Lalu aku dapati sesuatu seakan pinggan yang bersinar dengan sesuatu yang putih dari bahagian dalamnya. Dan aku dapati butiran ini di dalamnya, lantas ku ambil.

Dapatlah diketahui bahawa penyebab kejadian itu adalah tiram tersebut keluar ke pantai bagi menyedut udara – dan itu adalah kebiasaan tiram – maka dalam masa yang sama musang berkenaan melintas di situ. Tatkala ia terpandangkan daging yang terdapat di dalam kulit tiram yang sedang ternganga itu, segeralah diterkamnya seraya memasukkan muncungnya ke dalam

⁴³⁷ Yakni Baghdad. –pent.

⁴³⁸ Yakni harga yang mahal. –pent.

⁴³⁹ Ar: (الصمان).

kulit tiram bagi memakan isi tiram. Tanpa disangka-sangkanya kulit tiram itu terkatup tiba-tiba.

Kebiasaan tiram pula jika ia mengatup ke atas sesuatu kemudian dirasanya ada tangan yang menyentuhnya semakin kemaslah ia mencengkam sebagai suatu helah, sehinggalah dipecahkan belakangnya dengan besi atau lainnya. Tindakannya itu kerana tidak ingin mutiaranya dirampas dan sebagai usaha melindunginya, seumpama seorang perempuan melindungi anaknya.

Maka apabila si musang tadi mula sesak nafas, ia lalu melawan dengan menghempas ke kanan dan ke kiri sehingga berakhir dengan kedua-duanya menemui ajal. Akhirnya si Badwi itu yang beruntung. Lalu Allah menggerakkan pula si Badwi itu kepada si penjual minyak wangi sehingga jadilah mutiara itu sumber keberuntungannya pula.

RAJA-RAJA HIND

Raja-raja Hind memakai di telinga mereka subang daripada permata berharga yang tersusun pada emas. Di leher mereka pula terdapat kalung rantai yang mahal terdiri daripada segala jenis permata bermutu tinggi berwarna merah dan hijau serta mutiara yang mahal lagi bernilai tinggi. Mutiara jenis itu merupakan simpanan dan harta mereka pada zaman ini. Itu jugalah yang dipakai oleh para pemuka dan bangsawan mereka.

Ketua mereka menaiki usungan yang diusung oleh

kaum lelaki. Beliau memakai sehelai kain sarung⁴⁴⁰. Di tangannya pula memegang sesuatu yang dikenal sebagai *jiṭra*⁴⁴¹ iaitu suatu payung terbuat daripada bulu burung merak, digunakan untuk berlindung daripada panas matahari, sementara orang-orangnya melingkunginya.

Antara mereka⁴⁴² ada segolongan yang mana tidak boleh untuk dua orang makan dalam satu bekas atau satu hidangan kerana hal itu dikira suatu aib yang sangat jelek bagi mereka. Apabila mereka datang ke Siraf lalu ada antara tokoh saudagar menjemput mereka – yang ketika itu berjumlah lebih kurang seratus orang – maka perlulah disediakan di hadapan setiap orang daripada mereka bekas khusus untuknya yang tidak dikongsi dengan orang lain.⁴⁴³

Adapun para raja dan bangsawan itu apabila berada di tanahair mereka sendiri, maka pada setiap hari akan diperbuat bekas makanan yang dianyam daripada daun kelapa membentuk pinggan dan dulang. Apabila dihidangkan makanan, maka mereka akan makan di dalam bekas itu. Setelah selesai makan, maka akan dibuang sisa makanan bersekali bekas anyaman tersebut

⁴⁴⁰ Ar: (فوطة).

⁴⁴¹ Dalam naskhah Asy-Syaruni ditulis (الجترء), manakala dalam naskhah Syamilah ditulis (الججرة). *Wallahu a'lam.* –pent.

⁴⁴² Yakni para raja itu. –pent.

⁴⁴³ Cara ini sebenarnya teradat juga dalam budaya orang Melayu dimana setiap orang makan di dalam pinggannya sendiri. Berbeza dengan budaya orang Arab yang makan berkongsi makan di dalam dulang atau suatu bekas. *Wallahu a'lam.* –pent.

ke dalam air. Apabila tiba waktu makan yang lain akan diperbuat lagi bekas yang baharu.

Pada zaman dahulu ada dibawa dinar Sindh⁴⁴⁴ ke Hind dan ia dijual dengan tukaran tiga dinar atau lebih bagi setiap satu dinar Sindh. Pernah juga dibawakan kepada mereka zamrud Mesir tersusun pada cincin dalam sebuah bekas kecil, batu marjan serta batu yang dipanggil *Dahnah*⁴⁴⁵, namun kemudian mereka tidak mengendahnya.

Kebanyakan raja-raja mereka mengikut sertakan isteri-isteri mereka apabila mereka duduk menerima tamu sama ada dari kalangan orang tempatan mahupun orang asing. Mereka tidaklah menghalang orang lain melihat kepada perempuan-perempuan itu.

Inilah ringkasan daripada segala perkhabaran mengenai lautan yang mengiringi apa-apa yang telah disebutkan pada zaman itu, dengan mengelak daripada hikayat yang tidak dipandang benar oleh para pelaut sendiri bahkan orang biasa pun. Dan ini juga sekadar mencukupi dengan khabar-khabar yang sah sahaja, sekalipun sedikit namun itulah lebih utama.

Allah jualah Pemberi taufiq kepada kebenaran. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. SelawatNya ke atas pilihanNya daripada sekalian makhluk, Muhammad dan ahli keluarga baginda seluruhnya. Cukuplah Dia buat kita, dan Dia jua sebaik-baik Penolong

⁴⁴⁴ Ar: (الدنانير السندية).

⁴⁴⁵ Ar: (الدهنج).

dan Pembantu. (Telah dibandingkan dengan naskah yang disalin daripadanya pada bulan Safar, tahun 593 Hijrah.)

Allah jualah Pemberi taufiq

*Selesai penterjemahan keseluruhan kitab ini ke bahasa Melayu
oleh Arsyad bin Mokhtar pada hari Jumaat,
28 Oktober 2016 bersamaan
27 Muharram 1438 H,
jam 12:20
tengahari.*


بَيْتُ
BAYTUL
حِكْمَةِ
HIKMAH



BAYTUL
HIKMA

BAYTUL
HIKMA

جبل القم وهو منبع النيل



BAYTUL
HIKMA

ISBN 978-967-2091-09-7



9 789672 091097